

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1 Bil. 42 Hari Isnin 13hb November, 1995

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 27(3):

Mengutuk Ujian Nuklear Perancis di Lautan Pasifik Selatan (Ruangan 40)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996 (Ruangan 104)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1996 (Ruangan 104)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada

Oktober, 1995.

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Pertama****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir
bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S.,
S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P.,
D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13hb. November, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**MISI LAWATAN KE BEIJING DAN GUANGZHOU -
HASIL**

1. Tuan Md. Isa bin Sabu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah hasil misi lawatannya ke Beijing dan Guangzhou pada bulan September 1995.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo

Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Lawatan Rombongan Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke Beijing dan Guangzhou, China pada 21hb. hingga 26hb. September 1995 telah menghasilkan jualan rundingan semasa berjumlah RM7.5 juta, iaitu RM6 juta di Beijing dan RM1.5 juta di Guangzhou. Ini melibatkan eksport barangan kayu-kayan, “mouldings”, pintu, tingkap, rangka tingkap dan rangka foto. Di samping itu, jualan rundingan berpotensi berjumlah RM154.3 juta, iaitu RM3.75 juta di Beijing dan RM150.56 juta di Guangzhou, juga telah dihasilkan. Ini meliputi eksport barangan perabot, tingkat besi, karbon hitam, getah tiruan, “steel sheets” dan perkhidmatan khidmat nasihat.

Lawatan ini juga telah menghasilkan cadangan-cadangan projek usaha sama untuk dilaksanakan di China bernilai RM2,422 juta iaitu RM12.1 juta di Beijing dan RM2,410 juta

di Guangzhou, serta projek-projek usaha sama untuk dilaksanakan di Malaysia yang berjumlah RM260.47 juta, iaitu RM250.15 juta di Beijing dan RM10.32 juta di Guangzhou. Projek-projek usaha sama di China adalah dalam perkilangan simen, kimia, “wood mouldings”, percetakan sampul surat, pembinaan tol jalan raya dan pelabuhan manakala projek-projek usaha sama di Malaysia yang dirundingkan meliputi perkilangan papan lapis, barang-barang kertas dan pembangunan bandar baru di Sabah.

PINJAMAN KONSEP AL-BAI BITHAMAN AJIL - GALAKAN

2. Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa Institusi Kewangan Konvensional yang membiayai (financing) pinjaman kereta telah mengenakan kadar faedah dan insentif tambahan kepada jurujual sebagai galakan, sedangkan Konsep Pembiayaan Al-Bai Bithaman Ajil Instrumen Kewangan secara Islam tidak dapat memberikan galakan yang serupa. Persaingan ini sedikit-sebanyak tidak dapat membantu untuk menggalakkan peminjam-peminjam yang mahu berurusan mengikut secara Islam.

Menteri Kewangan [Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mengikut kaedah biasa konvensional, syarikat kewangan memang mengenakan faedah pada kadar yang tertentu atau tetap bagi sesuatu pinjaman kenderaan. Manakala pembiayaan secara Islam yang dibuat di bawah konsep Al-Bai Bithaman Ajil adalah berdasarkan prinsip jual beli di mana pihak syarikat kewangan menjual kembali sesebuah kenderaan yang dibiayai itu kepada pelanggannya dengan mengenakan sesuatu peratusan keuntungan, dengan izin, mark-up basis. Keputusan sama ada untuk memberi insentif tambahan kepada penjual adalah terpulang kepada budi bicara pihak yang terlibat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sedia maklum akan kecenderungan institusi kewangan yang konvensional, yang memberikan potongan sebahagian dari komisen kepada penjual yang pada peringkat sekarang tidak dibenarkan oleh penasihat syariah. Saya

bersetuju supaya diteliti seluruh peraturan muamalat ini kerana sementara kita memperkenalkan satu sistem kewangan Islam sebagai alternatif, kita juga harus mampu bersaing dengan sistem yang wujud supaya kos dan pengurusannya cekap dan pulangan kepada pelanggan itu lebih menarik lagi. Kerajaan sedang di peringkat akhir menimbangkan kemungkinan mewujudkan satu panel kepakaran muamalat tempatan dan juga luar negara untuk membolehkan kita meneroka bidang ini secara lebih mendalam lagi.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan pinjaman kereta secara Islam bagi kakitangan kerajaan untuk menghindari daripada riba?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman kereta dan perumahan itu telah pun diperkenalkan untuk membolehkan pegawai-pegawai kerajaan membuat pilihan untuk menggunakan kaedah Islam sepenuhnya atau kaedah biasa yang juga merupakan satu potongan yang cukup tinggi yang sukar dipertahankan kalau dianggap salah semua. Tetapi untuk menjawab secara spesifik, saya ingin menyatakan bahawa kita sudah bersetuju untuk memperkenalkan dan memberikan pilihan kepada pegawai-pegawai untuk menerima pakai sepenuhnya kaedah pinjaman Islam bagi pinjaman perumahan dan kenderaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan faedah pinjaman kereta. Pada masa sekarang kadar faedah dikira sekali gus dan bukan dikira atas baki bulanan, iaitu kalau dipinjam RM20,000 dengan dikira 6%, ia dikira RM1,200 satu tahun dan kalau dibayar ansuran balik 4 tahun, ia dikira RM4,800 semuanya kadar faedah. Saya minta pandangan

daripada Yang Amat Berhormat Menteri sama ada kerajaan akan mengarahkan supaya institusi-institusi kewangan dikira kadar faedah hanya atas baki bulanan sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa soalan ini agak terkeluar daripada soalan asal.

Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir]

TAHANAN ISA DI SABAH - MODUS OPERANDI

4. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan
- (a) sejauh manakah tindakan penangkapan beberapa orang di bawah ISA di Sabah berhubung sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu dapat membenteras jenayah itu;
 - (b) adakah sindiket-sindiket ini menggunakan “orang dalaman” dan berapa ramaikah yang terlibat; dan
 - (c) bolehkah beliau jelaskan serba sedikit “modus operandi” sindiket ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penangkapan pihak polis terhadap ahli-ahli sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu telah mendedahkan maklumat-maklumat penting untuk tindakan pihak polis selanjutnya. Dengan demikian, maka telah dapat membanteras jenayah tersebut.
- (b) Siasatan awalan menunjukkan ada beberapa orang dalaman terlibat. Jika mereka betul-betul terlibat, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.
- (c) Secara umumnya sindiket ini menjalankan kegiatan-kegiatan yang melibatkan pemalsuan dan penjualan dokumen-dokumen pengenalan

seperti kad pengenalan, pasport antarabangsa dan lain-lain. Mereka melakukan pemalsuan dokumen ini dengan menggunakan alat-alat cetak yang tertentu. Dokumen tersebut dijual kepada pelanggan-pelanggan yang terdiri daripada warganegara asing yang tidak berhak memilikinya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Pihak polis telah pun mengatakan melalui media massa bahawa mereka yang ditangkap setakat ini adalah sebahagian daripada yang terlibat dan beberapa yang diperlukan di kalangan mereka berada di seberang laut. Adakah ini benar dan apakah tindakan pihak kementerian untuk menyusuli tindakan kepada mereka yang terlibat. Terima kasih

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada terdapat beberapa ahli sindiket, mereka ini sebenarnya orang asing. Mereka telah lari keluar daripada negara kita tetapi polis sedang berusaha untuk menangkap mereka, sama ada melalui usahasama dengan kerajaan jiran ataupun apabila kalau mereka cuba menyusup balik dan operasi tangkapan ini masih belum selesai. Pihak polis masih bertungkus lumus untuk teruskan penguatkuasaan di mana kalau sekiranya bukti-bukti yang selanjutnya kita dapat tangkapan-tangkapan selanjut akan dijalankan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini, kenapa begitu ramai ahli-ahli atau anggota-anggota Umno yang terlibat dengan sindiket ini. Baru-baru ini di Tawau, awal bulan ini dalam satu kes, Umno ada disebut dalam satu evidence dalam kes ini. Kenapa begitu ramai ahli-ahli Umno terlibat dan bukannya ini membayangkan ada unsur-unsur kuasa politik?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu ada motif di sebaliknya, tetapi daripada soalan itulah dapat saya menjawab. Kalau sekiranya kerajaan

hari ini tidak jujur ataupun kerajaan sengaja adakan sesuatu yang bermotif politik, saya rasa hari ini tidak ada ahli-ahli Umno langsung akan ditangkap [*Tepuk*] padahal, kita tangkap tanpa mengirakan apakah latar belakang politiknya. Saya rasa Ketua Pembangkang jangan risau, ada juga penjenayah-penjenayah daripada pihak pembangkang, tetapi tidak pernah kita sebut latar belakang politik kerana ini adalah satu perkara yang serius, ia menggugat atau memudaratkan ketenteraman awam. Kita bertindak tidak kira dia siapa. Tunggulah sedikit masa lagi, tengok kejujuran kerajaan dalam usaha ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormt Tuan Lim Siang Chai.

[Soalan No. 5 - Tuan Lim Siang Chai tidak hadir]

PENDIDIKAN SEKS DI SEKOLAH - KAJI SELIDIK

6. **Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sudahkah ada kerajaan membuat kaji selidik secara terperinci tentang perlu atau tidaknya pendidikan seks diadakan di sekolah kita; memandangkan di masa-masa kebelakangan ini terdapat beberapa kejadian kelahiran anak luar nikah di kalangan pelajar-pelajar berdasarkan etnik, agama, kawasan bandar dan desa, dan di kalangan keluarga yang cerai-berai; dan seumpamanya; dan
- (b) jika ada, apakah pendapat Kementerian setelah mengambil kira segala pertimbangan buruk baiknya dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia masa kini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dijelaskan di sini bahawa Kementerian Pendidikan tidak menggunakan istilah pendidikan seks sebagai mata pelajaran di sekolah. Keputusan ini dilakukan hasil daripada satu seminar yang telah diadakan pada bulan Ogos 1994 yang bertujuan untuk

meninjau pandangan orang ramai terutamanya ibu bapa terhadap keperluan pendidikan seks di sekolah. Dengan itu tidak ada 'pendekatan seks' sebagai tajuk mata pelajaran seperti yang dikatakan. Sebaliknya pendekatan yang dilakukan ialah dengan menyisipkan topik-topik yang berkaitan dengan hubungan keluarga dan kekeluargaan serta perkahwinan dan kesihatan secara bersepadu di mana yang relevan di dalam beberapa mata pelajaran tertentu seperti Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, mata pelajaran Sains dan Kesihatan serta mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dan Moral.

AJARAN SESAT - TAKRIF/TINDAKAN KERAJAAN MEMBENDUNG DAN MENGHAPUSKAN

7. **Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan:-
- (a) bilangan dan menamakan ajaran-ajaran sesat yang dapat dikesan berlaku di negara ini;
 - (b) apakah tindakan-tindakan kerajaan bagi membendung dan menghapuskan ajaran-ajaran sesat seperti ini;
 - (c) sejauhmana kejayaan dan kegagalan tindakan kerajaan bagi membendung dan menghapuskan ajaran sesat di negara ini; dan
 - (d) kerajaan mentakrif dan menyatakan ciri-ciri bagi ajaran yang dinilai oleh kerajaan sebagai sesat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga Oktober 1995, ajaran sesat yang dapat dikesan berlaku di negara ini berjumlah 49 kumpulan. Bagi tujuan kajian dan penyelidikan tidaklah dapat disebut nama kumpulan-kumpulan itu.
- (b) Pihak berkuasa agama mengambil langkah-langkah bagi membendung dan menghapuskan ajaran sesat berkenaan melalui tindakan mahkamah atau kaunseling dengan ketua ataupun pengikut-pengikut dan

mengeluarkan fatwa. Selain itu penerangan-penerangan telah diadakan dari masa ke semasa sama ada melalui media elektronik, media cetak, khutbah dan ceramah-ceramah.

- (c) Dari 49 ajaran sesat, lebih 30 ajaran telah berjaya diambil tindakan oleh pihak berkuasa agama dan ada yang telah dipulihkan.
- (d) Takrif ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah dan juga bertentangan dengan ajaran ahli sunnah wal-jamaah.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat tadi menyatakan, approach kita ialah approach pendidikan, tarbiah dan sebagainya. Saya ingin penjelasan, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan terhadap ketua atau golongan anti-hadis? Saya nampak sehingga setakat ini kerajaan tidak berbuat apa-apa, hanya setakat cakap, cakap, cakap, begitu sahaja. Tidak ada apa-apa ambil tindakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Kiat]:Yang Berhormat, tidak payah buat ulasan.

Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood: Apakah kerana kerajaan tidak ambil tindakan ini kerana mereka itu ahli Umno? Atau sebab apa? Saya kira mungkin kalau ketua atau kumpulan mereka bukan terdiri daripada ahli Umno saya rasa sudah lama kerajaan telah mengambil tindakan sebagaimana yang telah kerajaan ambil tindakan terhadap Arqam dan sebagainya. Saya mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya menolak sama sekali bahawa tindakan yang diambil mengenai hal-hal agama berasaskan parti politik. Mengenai kumpulan anti hadis, kerajaan sedang mengambil langkah-

langkah yang hebat untuk mengatasinya tetapi langkah yang seperti ini tidak kami umumkan kepada orang awam.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, apakah program-program pemulihan yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka yang terlibat dalam ajaran sesat ini.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, program yang berjalan setakat ini ialah memberi bimbingan semula kepada mereka yang terlibat dan kemuncak dari itu kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan satu pusat pemulihan akidah yang akan bermula pembinaan pusat itu kira-kira tahun hadapan. Walau bagaimanapun, kegiatan pemulihan itu sedang berjalan sekarang ini.

BANGUNAN KOMERSIL - LANGKAH MENINGKATKAN PEMILIKAN BUMIPUTERA

8. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah langkah baru yang sedang/akan dijalankan ke arah untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pemilikan bangunan komersil di bandar. Berapa peratuskah bangunan komersil dimiliki bumiputera di seluruh negara. Adakah kementerian telah membuat persiapan agar bumiputera dapat memiliki bangunan komersil di bandar Putrajaya pada kadar peratus yang memuaskan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, penyertaan bumiputera dalam pemilikan bangunan komersil di bandar adalah ditahap yang rendah. Pihak UDA baru sahaja menyiapkan satu kajian berkaitan perkara ini di Lembah Kelang yang melibatkan 8 pihak berkuasa tempatan, 68 buah kompleks perniagaan. Daripada maklumat awal, didapati bahawa daripada 8,225 lot di kompleks-kompleks berkaitan, kira-kira 416 lot ataupun 5.1% adalah dimiliki oleh bumiputera.

Kementerian Pembangunan Usahawan, melalui agensinya seperti UDA, MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan berusaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pemilikan bangunan komersil melalui antara lain:-

- (i) meningkatkan aktiviti membangunkan pusat-pusat pertumbuhan baru, terutamanya di kawasan berhampiran dengan pusat-pusat pertumbuhan bandar yang sedia ada;
- (ii) mempergiatkan aktiviti pembangunan semula bandar;
- (iii) membina beberapa buah kompleks perniagaan baru;
- (iv) menggalakkan pemilikan ruang niaga melalui pembelian di samping memberi peluang menyertai perniagaan di kompleks perniagaan yang dimajukan dengan cara menyewa;
- (v) memberi khidmat rundingan bagi membantu memajukan tanah milik bumiputera dibandar-bandar;
- (vi) memajukan tanah milik Jawatankuasa Pemandu Pulau Pinang yang telah dapat menyediakan 71,346 kaki persegi ruang niaga di mana 87% disewakan kepada bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan telah menyediakan ruang niaga kepada bumiputera seperti berikut:-

- (i) bagi UDA daripada 1 juta kaki persegi kira-kira ruang niaga yang disewakan olehnya 76% yang dikhaskan kepada bumiputera;
- (ii) bagi MARA kesemua 3,971 ruang niaga adalah disewa kepada bumiputera; dan

- (iii) bagi PKEN (SEDC) lebih 70% ruang niaga adalah diperuntukkan kepada bumiputera.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita dengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa pencapaian pemilikan bangunan komersil oleh bumiputera di bandar hanya 5.1%. Dalam Dewan ini kita melihat bahawa UDA akan diperbadankan. Dan tentulah apabila diperbadankan, UDA tidak boleh lagi memainkan peranan penting untuk meningkatkan pencapaian ekuiti bumiputera tersebut. Apakah kerajaan mempunyai suatu alternatif lain melihat kepada kegagalan yang dilakukan oleh UDA tadi, mempunyai alternatif lain untuk memastikan bahawa tahap pencapaian pemilikan bangunan komersil di kawasan bandar oleh bumiputera ini akan dapat dilaksanakan dengan baik. Jika ada, apakah badan yang dicadangkan itu dan jika tidak ada kenapa?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, UDA tidak gagal, UDA mencapai kejayaan yang cemerlang malah tanpa UDA pemilikan bumiputera dalam ruang niaga akan berada pada tahap yang paling rendah. UDA telah memainkan peranan yang amat penting, telah membina kira-kira 1,000 kaki persegi, yang lebih 2/3, lebih 76% disewakan kepada bumiputera. Saya ingin memberi jaminan bahawa walaupun UDA akan dikorporatkan, UDA akan tetap memainkan peranannya untuk memastikan bahawa penglibatan dan pemilikan bumiputera akan berada ditahap yang munasabah. Yang menyebabkan angka ini rendah ialah kerana UDA tidak boleh menyaingi bilangan pemaju-pemaju swasta yang begitu banyak, kadang-kadang satu projek UDA melibatkan ruang niaga yang kecil, berbanding dengan ruang niaga yang dibina oleh pemaju-pemaju bukan bumiputera.

Jadi, memandangkan bilangan pemaju yang begitu banyak di Lembah Klang maka sukar bagi UDA dengan kemampuan kewangannya yang agak terhad untuk menyaingi pemaju-pemaju hartanah di Lembah Klang.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ada sebahagian daripada soalan asal saya yang belum dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu adakah kementerian telah membuat persiapan agar bumiputera dapat memiliki bangunan komersil di bandar Putrajaya pada kadar peratus yang memuaskan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, saya tertinggal tadi. Dalam kita merancang Putrajaya, seperti juga kita merancang bandar-bandar baru yang lain, kerajaan memberi perhatian kepada penglibatan bumiputera dalam pelbagai bidang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, umpamanya di Majlis Perbandaran Shah Alam, ini merupakan sebuah bandar yang terancang, pemilikan bumiputera dalam ruang niaga ialah 31.4%, walaupun 5.1% di Lembah Kelang kita dapati bahawa Majlis Perbandaran Shah Alam mempunyai peratus penyertaan bumiputera yang membanggakan.

Jadi, di Putrajaya sudah pastilah oleh kerana ini pusat pertumbuhan yang baru, kerajaan akan merangka strategi yang sewajarnya untuk memastikan bahawa penyertaan bumiputera berada ditahap yang bermakna.

PENCEMARAN SUNGAI - LANGKAH MENGHINDAR

9. **Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) kriteria-kriteria yang digunakan bagi mentakrif sama ada sesebuah sungai itu tercemar atau tidak;
- (b) jumlah sungai yang tercemar yang terdapat di seluruh negara; dan
- (c) langkah-langkah yang telah dan bakal diambil bagi menghindar pencemaran berlaku.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin

Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kriteria-kriteria yang digunakan bagi menentukan sama ada sesebuah sungai itu tercemar atau tidak adalah berdasarkan kandungan bahan organan dan bukan organan (organic ataupun nonorganic), dengan izin, larutan oksigen, bahan-bahan pepejal dan tahap keasidan. Dengan menggunakan kriteria-kriteria ini sungai akan diklasifikasikan sebagai bersih, sedikit tercemar atau tercemar.
- (b) Berdasarkan pelaksanaan program pengawasan kualiti air sungai oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap 116 lembangan sungai utama, 14 lembangan sungai tercemar. Sungguhpun begitu, sungai-sungai ini tidaklah tercemar di keseluruhan jajarannya. Di bahagian hulu dan kawasan tadahan masih lagi bersih dan sesuai untuk pelbagai kegunaan termasuklah bekalan air minuman.
- (c) Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan untuk mengelakkan dari berlakunya pencemaran yang serius ialah:
 - (i) mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya;
 - (ii) bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti memberi nasihat dan sokongan supaya penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa mereka dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
 - (iii) menasihatkan penguasa-penguasa tempatan supaya menerima pakai Garis Panduan Hakisan Tanah dan Kelodakan bagi mengurangkan kelodakan sungai; dan

- (iv) mempertingkatkan program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar seperti kempen ‘Cintailah Sungai Malaysia’ dan sebagainya.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya nampak di tebing-tebing sungai, apabila berlakunya banjir, tebing-tebing sungai ini akan runtuh. Dan keruntuhan ini akan membawa kepada pencemaran dari segi organic. Jadi, saya ingin mengetahui kiranya adakah kementerian ini ataupun kementerian lain yang bertanggungjawab untuk memastikan agar tebing-tebing sungai ini tidak runtuh yang akan menyebabkan pencemaran.

Dato’ Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah angkara manusia juga, dia suka menebang pokok-pokok di tepi-tepi sungai, pada hal penebangan ini tidak dibenarkan melainkan ada kebenaran daripada Jabatan Parit dan Saliran, kalau tidak salah pada ingatan saya.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu penyebab pencemaran sungai ini juga adalah kerana rumah-rumah kediaman yang didirikan di tepi sungai ataupun di atas sungai dan mereka membuang sampah ataupun najis ke dalam sungai. Apakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan pembinaan rumah di atas sungai ataupun di tepi sungai ataupun memberikan garis panduan pada jarak-jarak tertentu untuk pembinaan rumah tersebut.

Dato’ Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah pembinaan rumah-rumah di tepi sungai tidak boleh dibuat. Ini mencari maut dan memang tidak boleh. Lagipun jaraknya ada iaitu lebih kurang 50 kaki dari reserve sungai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Paulis Nointien.

[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Paulis Nointien tidak hadir]

WARGANEGARA ASING - PEMILIKAN HARTA KEDIAMAN

11. Tuan Hoo Seong Chang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa nilai harta yang boleh dimiliki atau dipunyai oleh syarikat dan warganegara asing; dan
- (b) berapakah jumlah pelaburan yang harus dilabur untuk seorang warganegara asing layak memohon Penduduk Tetap negara kita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin

Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarikat dan warganegara asing boleh memiliki harta kediaman dan premis perniagaan yang bernilai melebihi RM250,000 seunit seperti berikut:
 - (i) bagi harta kediaman, jenis-jenis yang boleh dibeli ialah rumah teres melebihi 2 tingkat, rumah berkembar dan tanah dan rumah banglo dengan syarat tidak melebihi 10% daripada jumlah yang dibina bagi sesuatu projek perumahan dan kondominium pangsapuri dengan syarat tidak melebihi 30% dari jumlah unit dalam setiap blok. Walau bagaimanapun, setiap syarikat dan warganegara asing termasuk suami isteri dibenar memiliki satu unit harta kediaman tersebut sahaja.
 - (ii) bagi premis perniagaan, jenis-jenis yang boleh dibeli ialah rumah kedai 3 tingkat ke atas, ruang perniagaan dan ruang pejabat dengan syarat tidak melebihi 20% dari jumlah unit bagi setiap unit dalam sesuatu projek. Pembelian premis perniagaan ini hendaklah dibuat melalui syarikat tempatan yang ekuitinya dimiliki 51% oleh syarikat atau warganegara asing.

- (b) pemberian taraf Penduduk Tetap kepada orang asing tidak berasaskan kepada jumlah pelaburan yang dilaburkan. Pemberian taraf Penduduk Tetap kepada seseorang itu adalah satu pengurniaan negara yang amat tinggi kepada seseorang warganegara asing. Pengurniaan ini tidak boleh diukur dengan wang ringgit atau jumlah pelaburannya di negara ini, tetapi dinilai berdasarkan kepada sumbangannya kepada negara dan juga keamatan ikatan kekeluargaannya di negara ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, jika taraf Penduduk Tetap bukan dari segi pelaburan yang dikira, jadi saya ingin tahu berapa ramai warganegara asing yang diberi taraf penduduk tetap setakat hari ini dan warganegara manakah yang ramai diberi taraf Penduduk Tetap di negara kita.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira soalan ini harus dihalakan kepada Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang difahamkan, warganegara asing sebelum dari ini telah pun memiliki rumah yang harganya tidak sampai kepada paras harga yang telah ditetapkan sekarang ini. Saya difahamkan juga warganegara asing ada yang memiliki rumah lebih daripada satu buah. Soalannya, berapakah bangunan milik warganegara asing yang ada di negara kita sekarang ini. Setahu saya, Kelantan tidak ada.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, fahaman daripada Yang Berhormat Tumpat adalah tidak benar.

PENCEMARAN SELAT MELAKA - MENGENAKAN LEVI KEPADA KAPAL - MEWUJUDKAN TABUNG PEMBERSIHAN

12. Tuan Hashim bin Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan pernah ada cadangan satu ketika dahulu bahawa satu persidangan antarabangsa yang melibatkan

Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand untuk mengkaji kemungkinan mengenakan levi kepada kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka dan seterusnya mewujudkan sebuah tabung untuk tujuan pembersihan perairan Selat Melaka daripada sebarang pencemaran seperti tumpahan minyak dan sebagainya. Adakah kedua-dua cadangan ini telah menjadi kenyataan. Jika belum, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat, persidangan antarabangsa ini telah pun diadakan pada 14hb dan 15hb Jun, 1994 di Kuala Lumpur yang dihadiri oleh peserta-peserta daripada beberapa buah negara termasuk Singapura, Indonesia dan Thailand. Persidangan antarabangsa tersebut telah membincangkan usaha-usaha negara pantai, khususnya, Malaysia ke arah pencapaian taraf pelayaran yang selamat dan langkah-langkah untuk membanteras pencemaran laut.

Berkenaan dengan cadangan untuk mengenakan levi terhadap kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka, Konvensyen Undang-undang Laut, 1982 (United Nation Convention of The Law of The Sea) dengan izin, tidak membolehkan negara pantai mengenakan sebarang levi ke atas kapal semata-mata atas laluan air-cross. Sungguhpun demikian, sebuah tabung pusingan (revolving fund) yang dikenal sebagai tabung pusingan Selat Melaka dan Singapura yang berjumlah US\$1.5 juta telah sedia wujud yang boleh digunakan oleh negara-negara Selat Melaka, Indonesia, Malaysia dan Singapura bagi maksud wang pendahuluan untuk menampung kos melawan tumpahan minyak sekiranya ia berlaku.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, Timbalan Menteri mengatakan mengenai Tabung Pusingan. Pernahkah Malaysia menggunakan Tabung Selat Melaka/Singapura seperti yang disebutkan tadi. Jika pernah, bila dan apakah kemalangan yang berlaku?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia pernah menggunakan tabung tersebut pada tahun 1992 sebanyak US\$50,000 bagi maksud melawan tumpahan minyak insiden Nagasaki Spirit.

**POLISI PERHUBUNGAN KONSTRUKTIF -
PENDEMOKRASIAN MYANMAR**

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh (i) Malaysia dan (ii) ASEAN di bawah polisi 'perhubungan konstruktif (constructive engagement) untuk membuat junta tentera Myanmar memulakan langkah-langkah pendemokrasian yang bermakna, termasuk mengadakan perbincangan pendamaian kebangsaan dengan Aung San Suu Kyi dan lain-lain ketua pembangkang, dan sama ada Malaysia akan mengeluarkan seruan supaya memulakan Tahun Melawat Myanmar 1996 sekiranya tidak berlakunya sebarang perkembangan positif di dalam proses pendemokrasian Myanmar.

Timbalan Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendapat bahawa kita mesti mengambil kira satu hakikat yang tidak boleh kita ubah iaitu kedudukan Myanmar yang berkekalan sebagai sebuah negara yang terletak di kawasan Asia Tenggara. Ini adalah menjadi dasar Malaysian/Asean untuk menyatupadukan semua negara-negara Asia Tenggara secepat mungkin di bawah bendera ASEAN. Sementara itu Malaysia bersetuju bahawa beberapa perubahan perlu berlaku di dalam negeri Myanmar, Walau bagaimanapun, ASEAN, termasuk Malaysia berpendapat bahawa cara terbaik untuk kita menggalakkan perubahan di Myanmar ialah menerusi langkah-langkah yang mengutamakan dialog dan pujukan. Kita tidak bersetuju dengan sikap negara-negara barat yang cuba memulau dan memencilkan Myanmar, kononnya untuk memaksakan Myanmar melaksanakan perubahan termasuk pendemokrasian sistem politik dan pentadbiran negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Malaysia setiap kali timbul peluang secara ikhlas dan berterus-terang telah menyampaikan pendapat dan nasihat kepada pemimpin-pemimpin Myanmar bahawa perubahan perlu dilakukan. Pendapat yang sama telah juga disampaikan oleh Menteri-menteri Luar ASEAN kepada Menteri Luar Myanmar dalam pertemuan-pertemuan mereka semasa mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN di Brunei dalam bulan Julai, 1995. Malaysia tidak bercadang untuk membuat sebarang seruan supaya memulakan Tahun Melawat Myanmar, 1996 kerana langkah seperti itu bukan satu langkah yang positif. Kita patut menggalak Myanmar membuka negaranya kepada dunia luar dan merapatkan dirinya kepada negara-negara Asia Tenggara yang lain dan bukan memulaukan Myanmar dan menyekatnya untuk berbuat demikian.

Tuan Lim Kit Siang: Regim Tentera Myanmar ada menolak perlantikan semula Aung San Suu Kyi sebagai pemimpin parti beliau (National Lead Democracy) dan menafikan hak-hak politik dan sivil beliau dan tokoh-tokoh pembangkang Myanmar yang lain. Adakah Kerajaan Malaysia akan dapat pelajaran daripada contoh Nigeria, di mana oleh kerana ketiadaan pendirian tegas di bidang antarabangsa, 9 orang yang telah digantung sehingga mati termasuk Ken Taro Wiwak dan Nigeria sekarang perlu di gantung daripada Commonwealth.

Untuk mengelakkan keadaan semacam itu adakah kerajaan Malaysia berhasrat untuk membuat satu pendirian yang lebih tegas semacam dalam Sidang Kemuncak ASEAN di akhir tahun ini yang memberi satu signal kepada Myanmar perlu ada perubahan demokrasi dan kalau tidak tidak akan dijemput sebagai satu pemerhati kepada Sidang Kemuncak.

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kita belum ada cadangan seperti itu, tetapi sebenarnya kalau kita melihat perubahan-perubahan yang berjalan semenjak akhir-akhir ini adalah menggalakkan dalam pertumbuhan ekonomi dan juga kemajuan dan pembangunan ke arah kesejahteraan rakyat Myanmar. Dan usaha-usaha kedua-dua pemimpin itu untuk menyatupadukan supaya pendemokrasian sistem politik dan pentadbirannya dapat disatupadukan semula adalah sudah cukup menggalak dan kita berharap ini terus supaya usaha-usaha ini kita akan sokong dan tidaklah seperti kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sampai ke tahap negara Nigeria.

KEKURANGAN TEMPAT BERIBADAT DALAM SKIM FELDA - LANGKAH MENGATASI

14. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta pihak Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah perancangan pihak Felda mendirikan surau-surau di setiap blok di dalam skim Felda, jika ada, apakah langkah yang akan diambil supaya masalah kekurangan tempat beribadat dapat diatasi, jika tidak mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Felda untuk memastikan bahawasanya setiap rancangan Felda dibina sebuah masjid dengan mengambil kira jumlah penduduk di rancangan yang terlibat dan berupaya menampung jumlah jemaah dan keperluan aktiviti mereka. Bukanlah menjadi dasar Felda untuk

menyediakan surau-surau bagi setiap blok kerana memusatkan aktiviti ibadah dan solat berjemaah melalui satu masjid adalah lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, surau-surau dalam blok di rancangan Felda adalah dibina oleh peneroka di blok yang berkenaan dengan sumber kewangan dari pihak individu termasuk Wakil-wakil Rakyat tempatan dan juga peneroka sendiri. Pihak Felda dan kementerian berpendapat, pembinaan surau-surau secara demikian adalah lebih afdal.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negeri Sabah, peneroka-peneroka Felda adalah terlibat dari berbilang kaum, kepercayaan dan agama. Maka, lewat pihak Felda mendirikan masjid dan surau-surau, adakah pihak Felda juga membantu untuk menubuhkan tempat-tempat beribadah bagi agama-agama lain sesuai dengan komposisi dan kepercayaan pihak peneroka khususnya di Den Peninsular di Lahad Datu?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Pada jawapan saya tadi, saya telah mengatakan bahawa Felda tidak akan membina surau, kalau masjid ya. Tetapi dalam hal ini, dasar Felda adalah untuk membantu masjid-masjid dahulu. Belum ada lagi kita mengadakan dasar bagi pembinaan rumah-rumah ibadat selain dari masjid. Namun demikian, bagi negeri Sabah, mungkin kalau ada permohonan, boleh dipertimbangkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan bantuan-bantuan kewangan, saya ingin tahu sama ada kementerian, walaupun tidak menjadi dasar kementerian bagi mendirikan surau-surau, saya mohonlah kalau boleh, permohonan dari JKRR, cubalah layan untuk membaiki sedikit-sebanyak pembaikan-pembaikan yang diperlukan. Jadi, kalau satu skim itu ada 10 blok, 10 surau, dalam Parlimen Jelebu ada 12 skim Felda.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah kalau boleh, kementerian juga memikirkan perkara ini supaya tidaklah semua permohonan itu datang kepada Ahli Parlimen ataupun Wakil Rakyat, duit pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau untuk membantu menyelenggara atau memperbaiki, saya percaya Felda telah melaksanakan sama ada bagi surau, masjid dan sebagainya dari masa ke semasa tetapi kalau untuk pembinaan, kalau boleh saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, masjid sahaja kita ada lebih kurang 300 masjid di dalam kawasan Felda. Kalau 1 masjid harganya RM150 ribu dan yang besar harganya RM250 ribu, purata RM200 ribu. Bererti masjid yang telah dibina dalam kawasan Felda telah memakan belanja RM60 juta dan saya membuat hitung congkak yang ringkas tadi, kita ada 5,700 blok dan untuk mempunyai surau yang selesa pada hari ini, yang standard sedikit iaitu RM50, kita memerlukan tidak kurang dari RM250 juta kalau untuk membina surau dalam kawasan tiap-tiap blok.

Namun demikian, kementerian memberi jaminan, Felda akan sentiasa memberi sokongan membantu menyelenggara sekiranya masjid atau surau yang dirasakan amat perlu dibantu.

DRAMA CINA “JUSTICE PAO”

15. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sebab Metrovision tidak dibenarkan untuk menayang filem drama Cina “Justice Pao”.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Fu Ah Kiow.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah ini telah diselesaikan, saya pohon menarik balik soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

[Soalan No. 16 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir]

PENAGIH DADAH DI PUSAT SERENTI - JUMLAH DAN KOS

17. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih dadah yang ada di pusat serenti dan jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan:

- (a) jumlah mereka yang telah dibebaskan;
- (b) jumlah mereka yang kembali menagih; dan
- (c) peranan kerajaan selepas mereka dibebaskan daripada pusat serenti.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah penagih dadah di pusat-pusat serenti sehingga 6hb. November 1995 ialah seramai 17,505 orang manakala jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan adalah bagi menanggung seorang pelatih ialah RM330 sebulan termasuk perbelanjaan untuk kakitangan. Manakala perbelanjaan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak RM56,404,000.

- (a) Jumlah mereka yang telah dibebaskan sejak 1975 hingga 1994 ialah seramai 63,800 orang.
- (b) Jumlah mereka yang kembali menagih mengikut kes-kes tamat tempoh jagaan lanjutan 1994 adalah seperti berikut; kes menagih semula - 35.5%; kes yang bebas dari dadah juga 35.5%; kes yang tidak dapat dikesan - 27.9% dan kes yang meninggal dunia - 1.1%.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan khususnya Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri berperanan menyusun

pelbagai program untuk bekas-bekas penagih yang dibebaskan dari pusat serenti antara lain adalah seperti berikut:-

- (i) Program Jagaan Lanjutan. Melalui program ini, bekas-bekas penagih yang dibebaskan dari pusat serenti diperintahkan supaya menjalani program ini selama 2 tahun. Dalam tempoh tersebut, bekas penagih diselia oleh pegawai pemulihan dadah dan diberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Bekas-bekas penagih itu juga dikehendaki melaporkan diri di Pejabat Pemulihan dan menjalani ujian air kencing dari masa ke semasa;
- (ii) kerajaan mewujudkan pusat-pusat jagaan lanjutan untuk memberi kemudahan kepada bekas-bekas penagih yang telah menjalani pemulihan di pusat serenti untuk menjalani proses penyesuaian dan integrasi sosial. Pusat jagaan lanjutan juga berperanan untuk menempatkan bekas-bekas penagih yang mempunyai masalah penerimaan keluarga; dan
- (iii) melibatkan pemimpin masyarakat. Kerajaan juga berperanan melibatkan pemimpin masyarakat setempat dan Ahli Jawatankuasa Pemulihan Dadah dalam membantu menjayakan program pemulihan dalam masyarakat. Beberapa langkah yang lain ialah dengan melibatkan institusi masjid sebagai rumah perantaraan dan penglibatan sektor swasta dan juga penglibatan Persatuan Bekas-bekas Penagih ataupun PENGASIH.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok tadi, kalau kita dharab dari segi jumlah yang diperlukan untuk mengurus penagih-penagih dadah di pusat-pusat serenti, saya rasa jumlahnya lebih kurang hampir RM70 juta dalam masa setahun. Dalam tahun 1996 sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, belanja pembangunan ialah sebanyak lebih kurang RM56 juta. Ini bermakna di dalam tahun 1996 sahaja, kita memerlukan hampir RM126 juta untuk mengurus dan memberikan pembangunan kepada pusat serenti.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidakkah boleh kita guna penagih-penagih dadah ini untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan seperti ternakan, sayur-sayuran dan juga bahan-bahan makanan yang lain bagi menampung keperluan negara di dalam bidang pertanian?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, objektif utama dalam program pemulihan dan rawatan ini ialah kita hendak memulihkan penagih ini secepat mungkin supaya mereka bebas dari dadah.

Jadi, itu merupakan objektif utama. Walaupun di samping itu, dalam pusat-pusat serenti atau Pusat Jagaan Lanjutan, kerajaan memang sudah ada program untuk melatih mereka dari segi vokasional ataupun mereka diberi kerja sambilan di bawah kawalan dan pada masa ini, kegiatan-kegiatan memang sudah ada untuk menggunakan mereka dengan sepenuhnya supaya tenaga mereka itu tidak sia-sia. Tetapi apa yang penting, jangan pula kita hanya tengok dari segi nilai ekonomi sehingga kita lupa membantu mereka membina semula semangat, moral dan motivasi mereka.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha untuk membersihkan imej Bandaraya Kuala Lumpur dari gejala penagihan dadah, pihak polis telah melancarkan operasi pembersihan di sekitar kawasan Kuala Lumpur seperti Chow Kit yang menjadi sarang penagihan najis dadah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kejayaan operasi ini, dan adakah operasi yang sama akan dilancarkan di tempat-tempat lain khususnya di bandar-bandar besar di seluruh negara?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, operasi polis di bandar-bandar atau ibu kota-ibu kota utama, setakat ini adalah berjalan dengan baik dan licin. Sebenarnya operasi ini masih diteruskan sehingga kita rasa sampai satu tahap di mana semua bandar-bandar utama di mana begitu terkenal dengan berkumpulnya penagih itu dapat kita bersihkan.

Saya difahamkan operasi ini apabila sampai satu tahap yang boleh dikatakan di bawah kawalan, kita boleh round-up lebih kurang 10,000 orang penagih yang tegang maknanya hard-core. Kerajaan pada tahun hadapan sedang dalam proses untuk membina 5 buah pusat serenti tegang untuk hard-core ini. 'Hard-core' maknanya mereka ini susah untuk dipulih atau dirawat, tetapi perlu juga kita masukkan mereka ke pusat supaya kita dapat putuskan demand atau permintaan pasaran daripada pengedar. Ini adalah satu cara untuk kita tackle dua hala dan setakat ini semua Polis Cawangan Anti-Dadah (CAD) di semua ibu pejabat negeri-negeri telah bertungkus-lumus dan sedang sibuk menjalankan operasi ini.

PERMIT TEKSI, KERETA SEWA, BAS MINI DAN BAS- PEMBEKUAN

18. Tuan Teu Si @ Chang See Ten minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sebab-sebab pembekuan sementara pemberian permit teksi, kereta sewa, bas mini dan bas penumpang di seluruh negara. Sila huraikan dasar baru pengangkutan awam.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pembekuan sementara ke atas pemberian lesen-lesen kenderaan perkhidmatan awam iaitu teksi, kereta sewa, teksi mewah, bas mini, bas ekspres dan bas berhenti-henti berkuatkuasa mulai 26hb. Jun 1995. Tujuan pembekuan sementara ini adalah antara lain:-

- (i) bagi membolehkan Kementerian Pembangunan Usahawan mengkaji secara menyeluruh keperluan pengangkutan awam negara;
- (ii) mengkaji kemungkinan mencantumkan syarikat-syarikat bagi setiap satu jenis perkhidmatan;
- (iii) memandangkan bilangan pengusaha bagi tiap-tiap satu jenis perkhidmatan yang terlalu banyak, umpamanya pada masa ini terdapat kira-kira 7,200 buah bas ekspres dan kira-kira 18,200 buah kereta sewa dan di setengah-setengah kawasan di negara kita, bilangan pengusaha yang terlalu banyak ini menimbulkan persaingan sengit yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun melantik Universiti Sains Malaysia dan Institut Teknologi Mara bagi menjalankan kajian menyeluruh keperluan pengangkutan awam di negara kita. Kajian ini adalah di peringkat awal dan setelah selesai kelak ia akan dijadikan panduan untuk menentukan keperluan pengangkutan awam bagi setiap jenis perkhidmatan.

Kementerian Pembangunan Usahawan juga sentiasa mengadakan dialog dan perjumpaan dengan persatuan-persatuan pengusaha teksi/kereta sewa/bas mini/ bas ekspres dan bas berhenti-henti dengan persatuan pengguna dan orang awam, menerima maklum balas daripada orang ramai dan daripada media massa. Ini semua adalah untuk mendapat maklumat berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh industri pengangkutan awam.

Hasil dialog dan kajian ini serta perjumpaan dengan kementerian-kementerian berkaitan khususnya Kementerian Pengangkutan dan juga pihak polis akan dijadikan asas untuk menggubal dasar baru pengangkutan awam di negara kita.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Menteri, adakah cadangan kementerian Yang Berhormat untuk mengkaji semula jadual perjalanan dan juga sistem pemberian permit kepada pengusaha-pengusaha bas ekspres ataupun bas persiaran, kerana kita dapati bahawa jadual masa yang diluluskan oleh lembaga kadang-kadang tidak begitu logik, umpamanya pada satu waktu itu sampai 10 buah bas bergerak serentak daripada satu-satu syarikat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kajian ini akan meliputi kesemua aspek termasuklah jadual masa, sistem pemberian permit dan lesen.

Kementerian sedar adanya kelemahan dalam sistem jadual dan berkebetulan pada pagi ini saya mengadakan perbincangan dengan Persatuan Bas Ekspres dan antara perkara yang kita bincangkan ialah bagaimana boleh diselaraskan jadual serta juga menentukan bahawa bilangan lesen yang dikeluarkan itu tidak terlalu banyak khususnya dalam laluan tertentu bagi mengelakkan persaingan yang tidak sihat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah kementerian bercadang untuk melonggarkan syarat teksi dan kereta sewa daripada yang baru kepada yang lama terutama bagi kawasan luar Bandaraya Kuala Lumpur, memandangkan pendapatan di kawasan-kawasan tersebut tidak begitu lumayan. Contohnya, di Bandaraya Ipoh seorang pengusaha teksi biasa mendapat pendapatan antara RM600-RM700 sahaja dan mereka mampu untuk membeli kereta-kereta terpakai.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kerajaan telah pun sebelum ini mengeluarkan garis panduan tentang had umur kereta sewa dan teksi untuk memastikan imej pengangkutan awam di negara kita berada di tahap yang tinggi, bukan sahaja di pandangan pengguna tempatan, tetapi juga di pandangan pelancong asing yang melawat negara kita. Had umur kereta sewa dan teksi ini juga meliputi di bawah kajian yang sedang kita lakukan.

PENGAJIAN KOMPUTER DALAM KURIKULUM SEKOLAH - MEMPERKENALKAN

19. Dr. G. Leelavathi minta Menteri Pendidikan menyatakan pendidikan komputer kini telah menjadi satu bahan pengajian yang penting di sekolah-sekolah demi untuk kemajuan pelajar-pelajar. Adakah pihak kementerian mempunyai satu garis panduan atau sukatan yang kukuh dalam memperkenalkan pengajian komputer dalam kurikulum sekolah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerin Pendidikan mempunyai dua pendekatan mengenai pendidikan komputer di sekolah iaitu:

- (i) Literasi komputer;
- (ii) Pendidikan komputer sebagai mata pelajaran pilihan.

Program Literasi Komputer bertujuan untuk memberi pengetahuan asas mengenai komputer kepada semua pelajar di sekolah rendah dan menengah, manakala Program Pendidikan Komputer sebagai satu mata pelajaran pilihan adalah khusus untuk pelajar-pelajar menengah atas.

Kurikulum bagi Program Pendidikan Komputer tersebut telah pun siap disediakan dan akan dilaksanakan pada tahun 1997.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini banyak kelas-kelas komputer swasta membuat kelas-kelas mereka di bandar-bandar kecil. Apakah syarikat-syarikat ataupun operator ini berdaftar dengan Kementerian Pendidikan atau

apakah Kementerian Pendidikan membenarkan supaya mereka ini mengajar murid-murid untuk kurikulum sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebanyakan sekolah-sekolah khususnya sekolah-sekolah di luar bandar menghadapi masalah, bukan sahaja kekurangan dari segi kemudahan peralatan komputer, tetapi juga dari segi tenaga iaitu guru-guru yang benar-benar faham mengenai komputer. Jadi, untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan mempunyai peraturan iaitu menggalakkan penglibatan pihak swasta khususnya dari segi menubuhkan kelab-kelab komputer dan menggalakkan aktiviti-aktiviti komputer sebagai satu aktiviti ko-kurikulum di sekolah tersebut. Dalam penubuhan dan juga menjalankan kelab komputer, iaitu dari segi pengajaran dan menganjurkan aktiviti-aktiviti kelab komputer itu, setiap sekolah haruslah mengikut garis panduan yang telah disediakan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masa kini komputer menjadi amat penting dipelajari di sekolah-sekolah terutama di luar bandar. Jadi, soalan saya kepada Timbalan Menteri ialah adakah kementerian sedar bahawa sekolah-sekolah di luar bandar tidak dapat mempelajari mata pelajaran komputer oleh kerana bukan sahaja tidak ada komputer, walaupun ada komputer tetapi tidak ada elektrik. Apakah rancangan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pendidikan menggalakkan penglibatan sektor swasta. Jadi, dalam konteks ini kita juga menggalakkan pihak-pihak swasta supaya kalau boleh menggunakan generator-generator untuk mengatasi masalah tersebut khususnya untuk sekolah-sekolah di luar bandar

di mana pelajar-pelajar juga perlulah mengadakan peluang untuk melibatkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti kelab komputer tersebut.

KENAIKAN HARGA MEEHUN TANPA KAWALAN

20. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada sedar kenaikan harga meehun lebih kurang 30% seperti diumumkan oleh Persatuan Pengilang Meehun baru-baru ini adalah bercanggah dengan kempen inflasi sifar. Sila nyatakan adakah kerajaan bersetuju dengan kenaikan harga lebih kurang 30% ke atas Meehun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barang-barang adalah merupakan perkara biasa bagi negara yang mengamalkan sistem ekonomi bebas seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa mengawasi dan menentukan kenaikan harga barang-barang ini adalah berpatutan dan tidak berlaku sewenang-wenangnya.

Berhubung dengan harga meehun, adalah dimaklumkan bahawa kerajaan tidak mengawal harga barangan ini. Pihak peniaga boleh menetapkan harganya mengikut budi-bicara mereka. Dalam hubungan ini, suka saya memaklumkan bahawa para pengguna mempunyai peranan mencegah berlakunya kenaikan harga meehun ini dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pihak peniaga tidak akan berani meningkatkan harga barang-barang mereka sewenang-sewenangnya sekiranya pengguna bijak menggunakan hak mereka ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sahabat baik saya di sini sama ada kerajaan mengadakan kuota import ke atas meehun yang diimport daripada negara-negara asing dan bolehkan dinyatakan negara-negara yang kita import sekarang ini? Adakah kerajaan mengambil....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa masa sudah suntuk. Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih. Saya cuba nasib tak dapat tak apalah.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan membenarkan pengimportan mee hun dan negara-negara asing yang kita import mee hun adalah negeri China dan Thailand.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.3, 5, 10, 16 dan No.21 hingga 28 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL**MENGUTUK UJIAN NUKLEAR PERANCIS DI LAUTAN PASIFIK SELATAN**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar

Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu usul mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

- (1) Mengutuk sekeras-kerasnya Kerajaan Perancis kerana menyambung semula ujian nuklear di Lautan Pasifik Selatan, perbuatan yang tidak bermoral dan bertanggungjawab bukan sahaja kepada rakyat Pasifik Selatan tetapi terhadap kemanusiaan walaupun terdapat bantahan masyarakat seluruh dunia;
- (2) Menuntut sekeras-kerasnya kepada semua kuasa-kuasa nuklear untuk berikrar akan menghentikan sama sekali sebarang ujian nuklear dan menghormati moratorium mengenai persenjataan nuklear menjelang penerimaan perjanjian pengharaman ujian nuklear yang menyeluruh pada tahun 1966;
- (3) Menyeru sekuat-kuatnya kepada rakyat seluruh dunia dan khususnya kepada rakyat negara-negara pemilik senjata nuklear supaya terus berjuang untuk mengutuk sebarang pengeluaran dan ujian peralatan nuklear yang akan menjejaskan usaha-usaha antarabangsa ke arah perlucutan dan seterusnya penghapusan senjata nuklear;
- (4) Menuntut sekeras-kerasnya kepada Kerajaan Perancis supaya memohon maaf tanpa syarat kepada rakyat kepulauan Pasifik Selatan dan membayar ganti rugi kepada mereka kerana kesalahannya menjejaskan menghancurkan alam sekitaran semula jadi mereka dan tidak mengendahkan tentangan dan bantahan masyarakat antarabangsa yang meluas terhadap ujian-ujian nuklearnya;
- (5) Menuntut sekeras-kerasnya kepada Kerajaan Perancis supaya menubuhkan dana di bawah kelolaan PBB untuk membiayai rakyat Pasifik Selatan memulihkan kehidupan mereka yang terjejas oleh kesan-kesan nuklear; dan

- (6) Dewan ini membuat ketetapan menyerahkan usul yang akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kepada Parlimen Perancis serta ahli-ahli lain Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, usul yang dibentangkan pada hari ini adalah kerana ujian senjata nuklear oleh Perancis di Lautan Pasifik Selatan merupakan satu isu antarabangsa yang penting yang akan mendatangkan kesan-kesan yang buruk kepada manusia sejagat khususnya kepada rakyat-rakyat di rantau Pasifik Selatan. Tidak ragu-ragu lagi ujian senjata nuklear Perancis ini dalam masa jangka panjang akan menjejaskan alam sekitar semula jadi, kesihatan, keadilan, keaman dan keselamatan dunia terutamanya di rantau ini.

Usul ini menggambarkan betapa peka dan prihatinnya rakyat Malaysia terhadap isu ujian senjata nuklear yang membahayakan kehidupan manusia sejagat. Usul ini juga, jika diluluskan oleh Dewan yang mulia ini akan membawa satu mesej yang jelas, terang dan tegas kepada Kerajaan Perancis iaitu perasaan marah dan bantahan rakyat kita melalui Dewan yang mulia ini terhadap ujian senjata nuklear Perancis tersebut.

Usul ini juga merupakan satu luahan rakyat Malaysia yang serius dan padu dalam menggesa Kerajaan Perancis memberhentikan ujian senjata nuklear dengan serta merta serta melucutkan dan menghapuskan semua senjata nuklear mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini sahaja dunia telah digemparkan dengan tindakan Kerajaan Perancis pimpinan Presiden Jacques Chirac yang telah pun menjalankan tiga ujian nuklear di Trumbu Murorua dan Tangataufa, Polynesia Perancis di perairan Pasifik Selatan.

Kerajaan Perancis mendakwa ujian tersebut wajar atas alasan saintifik untuk memastikan keberkesanan teknik ujian simulasinya dan juga bagi memastikan senjata-senjata mereka boleh digunakan. Sebelum itu, negara China atau Republik Rakyat China juga

telah menjalankan dua ujian senjata nuklearnya. Walaupun mendapat kecaman dan tentangan hebat daripada berbagai pihak, namun kerana kesombongan dan keangkuhan mereka, kecaman-kecaman dan tentangan hebat ini tidak dipedulikan dan Kerajaan Perancis akan terus menjalankan ujian-ujian senjata nuklearnya.

Menurut satu kenyataan, Kerajaan Perancis akan menjalankan sehingga 8 ujian nuklear dalam tempoh 9 bulan bermula September 1995 yang lalu sehingga bulan Mei 1996 sebelum menandatangani Perjanjian Pengharaman Ujian Nuklear Menyeluruh tahun hadapan.

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, bahawa ujian senjata nuklear yang dijalankan merupakan satu tindakan berbahaya yang boleh mencetuskan semula perlumbaan senjata nuklear yang sepatutnya telah dihentikan selepas tamatnya perang dingin. Ini kerana secara tidak langsung ujian-ujian seperti ini akan mendorong kepada lebih banyak kuasa-kuasa nuklear lain yang sentiasa menaruh perasaan curiga-mencurigai akan tujuan dan kekuatan negara-negara antara satu sama lain.

Hakikatnya senjata nuklear sama ada digunakan atau tidak mempunyai kesan yang amat mengerikan terhadap kesejahteraan manusia sejagat. Jika sebiji bom atom boleh menghancurkan sebuah bandar raya sebesar Hiroshima Jepun, semasa Perang Dunia Kedua, bayangkanlah apa yang boleh dilakukan oleh sebiji bom nuklear yang mempunyai kekuatan 5 kali ganda daripada kuasa sebiji bom atom.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan antara negara yang sentiasa konsisten dan komited untuk membebaskan dunia daripada ancaman nuklear. Kelantangan Malaysia menyuarakan bantahan terhadap ujian nuklear yang dijalankan oleh Kerajaan Perancis di

Pasifik Selatan menunjukkan keprihatinan dan kepekaan kita dalam mencari penyelesaian terhadap isu-isu antarabangsa demi kesejahteraan kehidupan manusia sejagat.

Sebenarnya, peranan kita di peringkat antarabangsa tidak boleh dinafikan kerana sebelum ini kita juga berjaya mengetengahkan isu-isu seperti Apartheid di Afrika Selatan, konflik di Bosnia-Herzegovina dan yang terakhir menyeru supaya dibuat pembaruan terhadap peranan dan struktur Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Rakyat Malaysia seharusnya merasa bangga kerana dikurniakan seorang pemimpin yang begitu berani bersuara kerana kebenaran dan juga kerana memperjuangkan hak kemanusiaan. Pemimpin tersebut ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi yang bertindak bukan untuk menjadi wira atau adi jagat atas nama peribadi, tetapi sebagai mewakili suara rakyat Malaysia, suara yang cintakan kedamaian, suara yang cintakan keharmonian dan suara yang cintakan keamanan. Pepatah Melayu ada menyebut, "Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat".

Pendirian Malaysia yang bersepadu menyaksikan tanggal 26hb Oktober 1995 merupakan satu tarikh yang sungguh bermakna kerana buat pertama kalinya dalam sejarah tanah air, kesemua parti politik di Malaysia, parti-parti pembangkang dan parti-parti kerajaan telah sebulat suara mengutuk Kerajaan Perancis kerana menjalankan ujian senjata nuklear di Pasifik Selatan. Perjumpaan yang menggabungkan 25 buah parti politik dan menandatangani satu resolusi 5 perkara, menentang tindakan Kerajaan Perancis memperlihatkan kepada dunia mesej jelas dan tegas betapa seriusnya rakyat Malaysia, tanpa mengira fahaman dan ideologi menentang keras pembinaan dan ujian senjata nuklear oleh mana-mana negara. Pendirian rakyat Malaysia ini selaras dengan komitmen seluruh dunia termasuk kuasa-kuasa nuklear

yang telah berjanji akan membekukan program nuklear masing-masing sebelum mengharamkan sepenuhnya pembinaan ujian dan penjualan senjata dan teknologi nuklear menjelang tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Malaysia yang begitu lantang juga telah diteruskan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali atau Non-Aligned Movement (NAM) di Columbia dan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel atau Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM) di New Zealand.

Di samping itu Malaysia juga telah mengemukakan bantahan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau International Courts of Justice (ICJ) di Hague, Belanda dengan harapan pembinaan ujian pemilikan dan penggunaan senjata nuklear oleh mana-mana negara diharamkan.

Kita merasa bersyukur kerana Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) minggu lalu berjaya mengeluarkan satu kenyataan khas mengutuk mana-mana negara yang menjalankan ujian nuklear dan menggesa ujian dihentikan serta-merta. Sebelum itu, semasa perhimpunan Ahli-ahli Parlimen Asia Pasifik mengenai alam sekitar dan pembangunan atau Asia Pacific Parliamentarian Conference on Environment and Development (APPCED) yang berlangsung di Kuala Lumpur awal bulan ini juga telah berjaya mengeluarkan satu kenyataan mengutuk tindakan negara-negara yang menjalankan ujian nuklear di rantau Asia Pasifik.

Malaysia dan banyak lagi negara lain tidak mahu terus berada dalam keadaan takut dan gelisah memikirkan ancaman senjata nuklear terhadap kesejahteraan hidup mereka. Sepertimana saya nyatakan pada awal ucapan saya bahawa senjata nuklear sama ada digunakan atau tidak, merupakan ancaman berterusan terhadap kehidupan manusia dan alam

sekitar. Senjata-senjata nuklear yang tidak disenggarakan dan dijaga dengan baik berpotensi mendatangkan kemusnahan seperti kebocoran reaktor Chernobyl di negara bekas Soviet Union, yang telah menyebabkan alam sekitar di beberapa negara Eropah Timur dicemar bahan radioaktif. Akibatnya, ratusan manusia termasuk kanak-kanak menghidapi sakit teruk menunggu maut, tidak ada jaminan bahawa tragedi Chernobyl tidak akan berulang lagi. Malangnya, kuasa-kuasa besar tidak belajar daripada tragedi tersebut. Senjata-senjata nuklear terus disimpan, teknologi baru terus diterokai dan dikeluarkan secara lebih canggih dan terbaru berkenaan dengan persenjataan nuklear atau nuclear armourment, dengan izin.

Hakikatnya, buat masa ini senjata nuklear merupakan elemen utama dalam menentukan imbalan kuasa serantau. Sebuah negara kecil sekali pun boleh mempengaruhi imbalan kuasa serantau dan mengancam negara lebih besar jika ia mempunyai senjata tersebut. Ini salah satu sebab mengapa kuasa-kuasa besar nuklear masih enggan menghapuskan senjata nuklear masing-masing. Mereka memilikinya atas alasan untuk menghindar negara-negara lebih kecil yang mereka sifatkan tidak bertanggungjawab daripada menggunakan senjata nuklear. Negara-negara maju terus bersikap double standard, dengan izin, dalam usaha menyekat perkembangan senjata nuklear. Mereka mendesak menggunakan PBB dan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu memastikan negara-negara membangun seperti Iraq, Iran, Libya dan Korea Utara agar tidak memiliki senjata dan teknologi nuklear. Tetapi dalam masa yang sama, mereka menghalalkan sendiri untuk terus menyimpan dan menguji senjata-senjata tersebut.

Sepertimana dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri semasa sesi ke-50 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 29hb September 1995 yang lalu, beliau menyatakan, "Kurang 6 bulan yang lalu kita menyaksikan bagaimana PBB digunakan secara kekerasan untuk meluluskan perjanjian menghadkan senjata nuklear. Sebelum dakwat perjanjian itu sempat kering, beberapa kuasa nuklear memulakan ujian senjata kejam mereka. Saya ingin bertanya apa yang melayakkan sesetengah negara ini untuk memiliki senjata itu secara berkekalan".

Mungkin negara-negara maju beranggapan bahawa mereka berhak membuat, menguji dan menyimpan senjata-senjata nuklear kerana mereka menggunakannya secara bertanggungjawab. Sementara negara-negara lain tidak berhak membangun dan menyimpan senjata tersebut kerana mereka tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menghapuskan ancaman nuklear tidak akan berhasil selagi negara-negara kuasa nuklear, terutamanya kuasa-kuasa besar tidak mempunyai komitmen dan keikhlasan dan masih menaruh perasaan syak-wasangka antara satu dengan lain. Ancaman nuklear nampaknya akan terus menghantui umat manusia untuk satu jangka waktu yang tidak dapat dijangkakan.

Apa yang kita kawatir ialah negara-negara bekas Sovet Union selepas pasca perang dingin masih mempunyai berpuluh-puluh rektor dan senjata-senjata nuklear. Kemelesetan ekonomi negara-negara bekas Sovet Union menghadkan keupayaan mereka untuk menyelenggara senjata-senjata tersebut dan ada kemungkinan senjata-senjata tersebut dijual ke negara lain, sama ada secara penyeludupan atau melalui pasaran gelap yang boleh membahayakan. Jika negara-negara seperti Perancis, China, Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara maju lain boleh memiliki dan menjalankan ujian senjata nuklear, maka tidak ada sebab untuk menghalang negara-negara lain atau pihak-pihak tertentu untuk mengambil tindakan yang sama.

Yang paling membimbangkan kita ialah teknologi pembuatan senjata nuklear mudah dipelajari. Dengan hanya sedikit kuantiti bahan mentah 3 kg. plutonium, sebuah senjata nuklear sudah boleh dibina dan sebuah negara kecil atau sekumpulan penjenayah yang tidak bertanggungjawab sudah boleh mengancam seluruh dunia.

Tindakan kumpulan Aum Shinri Kyo di Jepun misalnya boleh dijadikan iktibar. Keadaan ini telah mencetuskan satu fenomena lain pula, iaitu keghairahan mencuri bahan-bahan mentah nuklear, terutama dari bekas negara-negara Soviet Union di mana kawalan keselamatan begitu longgar. Ini terbukti dalam tempoh tahun 1991 hingga 1994 terdapat 6 kes penyeludupan bahan mentah nuklear. Kes yang paling sensasi berlaku di Republik Persekutuan Jerman pada bulan Ogos 1994 di mana polis merampas 363 gram plutonium grid senjata di Lapangan Terbang Munich.

Tuan Yang di-Pertua, Islam adalah agama yang cintakan keamanan bahkan perkataan “Islam” itu sendiri membawa berbagai erti. Ia meliputi:-

- (i) keselamatan, kesejahteraan yang berkekalan;
- (ii) kesempurnaan, bebas dari sebarang kerosakan atau kecacatan;
- (iii) pemeliharaan dari sebarang kehancuran, menyelamatkan dari sebarang bencana;
- (iv) ucapan yang disampaikan sebagai tanda hormat kepada orang yang disua; dan
- (v) kepuasan yang sempurna.

Dari maksud istilah “Islam” seperti saya sebutkan tadi, adalah jelas bahawa dari perspektif Islam tidak suka kepada sebarang kekerasan, kekejaman, penghancuran, kerosakan dan pencemaran apatah lagi jika perkara itu sengaja dibuat seperti ujian nuklear yang dilakukan oleh kerajaan Perancis di Lautan Pasifik Selatan.

Islam juga tidak pernah membenarkan manusia merosakkan harta benda, tanam-tanaman, apatah lagi nyawa manusia mahupun binatang.

Sejarah telah berkali-kali membuktikan bahawa perintah yang diberi kepada setiap pejuang Islam yang mengambil bahagian dalam peperangan ialah jangan sekali-kali menebang pokok-pokok dan tanam-tanaman atau merobohkan mana-mana bangunan atau merosakkan harta benda, kecuali jika terpaksa. Mereka juga tidak dibenarkan membunuh wanita, kanak-kanak atau orang-orang lain yang tidak mengambil bahagian dalam peperangan. Perintah ini menunjukkan betapa Islam memberi nilai yang amat tinggi kepada pokok, tanaman lain dan nyawa manusia yang tidak berdosa. Sudah tentu sekali Islam tidak menyebelahi mereka yang dengan sengaja menghancurkan alam semula jadi.

Amat jelas sekali bahawa segala kejadian alam ini adalah hak dan kejadian Allah S.W.T.. Allah menjadikan alam ini semata-mata untuk faedah dan kegunaan manusia. Semua kejadian ini adalah untuk kemudahan, keselesaan dan kebahagiaan hidup manusia jua. Kejadian ini bukan sahaja terdiri daripada apa yang terdapat di atas muka bumi ini, bukan termasuk apa juga yang terdapat di dalam perut bumi dan lautan serta juga apa yang terdapat di angkasa.

Apa yang menjadi rezeki kita, ada yang menjadi bahan untuk pakaian, rumah, bangunan, perjalanan, perhubungan dan juga kajian yang membawa faedah kepada kita. Ini amat jelas diterangkan oleh al-Quran di dalam surah An Nahl, ayat 10 ke-15 seperti yang diturunkan di bawah ini, maksudnya:-

“Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuhan, yang pada (tempat tumbuhnya) kamu menggembalakan ternakmu.

Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya pada

yang demikian itu benar-benar ada tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan.

Dan Dia menundukkan malam dan siang, matahari dan bulan untukmu. Dan bintang-bintang itu ditundukkan (untukmu) dengan perintahNya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) oleh kaum yang memahaminya.

Dan Dia (menundukkan pula) apa yang Dia ciptakan untuk kamu di bumi ini dengan berlain-lainan macamnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengambil pengajaran.

Dan Dialah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu), agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera belayar padanya dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari kurniaNya dan supaya kamu bersyukur.

Dan Dia menancapkan gunung-gunung di bumi supaya bumi itu tidak goncang bersama kamu, (dan Dia menciptakan) sungai-sungai dan jalan-jalan agar kamu mendapat petunjuk”.

Sudah tentu kita sebagai manusia yang juga merupakan ciptaan Tuhan tidak sepatut menyalahgunakannya, apatah lagi menghancurkannya. Sudah tentu dalam ujian nuklear yang dilakukan oleh kerajaan Perancis itu telah menghancurkan dan merosakkan bukan sahaja ketenangan dan kecantikan alam sekeliling yang boleh membawa pencemaran alam besar-besaran bahkan telah membunuh segala kehidupan di dalam lautan berkenaan serta yang

berhampiran. Oleh itu, ia merupakan suatu angkara yang sangat bertentangan dengan mana-mana tradisi masyarakat madani.

Perkara ini juga merupakan suatu pembaziran yang amat besar kerana perbelanjaan yang terpaksa dikeluarkan untuk melakukan ujian ini begitu besar sekali sedangkan faedahnya hanya akan membinasakan manusia dan segala makhluk Allah di dunia ini. Islam sememangnya melarang manusia melakukan pembaziran seperti ini.

Kesimpulannya, sudah sampai masanya negara-negara pemilik senjata nuklear lebih beriltizam atau komited untuk membataskan senjata nuklear menerusi pengurangan secara berjadual mengikut jangka masa yang ditetapkan. Bermula dengan menghentikan semua ujian nuklear dan seterusnya menghapuskannya sama sekali senjata tersebut. Perlumbaan dan pemilikan senjata nuklear dan ujian-ujian yang dijalankan hanya akan mengakibatkan kemusnahan alam sekitar, bukannya keamanan sepertimana yang selalu dilaung-laungkan.

Kerajaan Malaysia mengutuk mana-mana negara yang menjalankan ujian senjata nuklear dan mencadangkan supaya senjata nuklear tidak wajar dimiliki oleh mana-mana negara kerana ia akan memberi alasan kepada negara berkenaan untuk menggunakannya. Matlamat kita dan hasrat seluruh umat manusia ialah supaya dunia ini bebas daripada ancaman nuklear. Kita mahu mengharamkan sama sekali senjata nuklear di muka bumi ini sebagai agenda utama 'Dunia Ke Arah Keamanan Dan Kesejahteraan Semua'.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan Ahli-ahli Yang Berhormat menimbangkan dengan saksama, dengan penuh prihatin Usul yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Adalah menjadi harapan saya agar Usul ini mendapat sokongan padu dari Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Dewan ini meluluskan Usul ini sebulat suara. Sekian. [*Tepuk*]

3.59 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas Usul dan hujah-hujah yang dimajukan sebentar tadi. Saya menyokong penuh Usul dan hujah-hujah beliau. Saya juga cukup tertarik dengan pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang begitu mendalam dalam soal agama Islam, terutamanya hal-hal berkaitan perlindungan muka bumi dan sumber-sumber semula jadi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, untuk menguatkan lagi hujah-hujah beliau, saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada satu petikan pendek daripada al-Quran, yang bermaksud:-

“Janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya

Tuhan tidak suka kepada orang-orang yang membuat kerosakan.”

Maksud al-Quran, Al Qashash 77. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Perancis tidak ada apa-apa alasan munasabah untuk menjalankan ujian nuklear, malah ujian yang dilakukan di Lautan Pasifik Selatan baru-baru ini mencerminkan sikap bongkak dan degil sebuah negara maju. Perbuatan kerajaan Perancis itu amatlah mengecewakan lebih-lebih lagi ianya dibuat sebaik sahaja berakhirnya Persidangan Kajian Semula dan Perlanjutan Perjanjian bagi mencegah percambahan senjata

nuklear pada bulan Mei tahun ini di New York. Tindakan Kerajaan Perancis tersebut menjejaskan persetujuan-persetujuan yang dicapai di persidangan tersebut terutamanya semangat dan komitmen perjanjian tersebut. Komitmen yang telah diberikan oleh lima buah negara senjata nuklear termasuk Perancis untuk tidak memperluaskan lagi persenjataan nuklear jelas tergugat. Janji negara-negara senjata nuklear semasa persidangan tersebut untuk menahan daripada mengambil tindakan untuk menguji senjata nuklear tinggal janji-janji kosong sahaja. Tindakan Kerajaan Perancis menyambung semula ujian senjata nuklear di Lautan Pasifik Selatan juga menjejaskan semangat dan rundingan-rundingan masyarakat antarabangsa yang masih berjalan mengenai perjanjian menyeluruh untuk mengharamkan ujian senjata nuklear yang dijangkakan akan ditandatangani oleh semua negara pada tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia adalah amat jelas. Malaysia membantah dengan sekeras-kerasnya semua ujian senjata nuklear yang dilancarkan oleh negara-negara senjata nuklear. Malaysia juga berpendirian bahawa tidak sebuah negara pun di dunia ini sepatutnya mempunyai senjata nuklear. Senjata nuklear mestilah diharamkan terus oleh masyarakat antarabangsa. Malaysia akan memperjuangkan pendirian ini di peringkat antarabangsa sama ada secara bilateral ataupun melalui persidangan-persidangan antarabangsa seperti Persidangan CHOGM di New Zealand. Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menggesa kerajaan Perancis untuk memberhentikan ujian senjata nuklearnya dan bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk menjadikan dunia ini bebas daripada senjata nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persoalannya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dibuka untuk dibahas.

4.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, kemunculan senjata nuklear menandakan bahawa perlumbaan senjata tidak tamat selepas pasca perang dingin dan menandakan bahawa tabiat berperang suatu tabiat manusia yang boleh dinyatakan sebagai tabii selagi ada di kalangan mereka orang-orang yang melampaui batas, yang melakukan sesuatu mengikut hawa nafsu dan apa yang membimbangkan kita apabila nafsu memuncak menyebabkan manusia menjadi lebih ganas daripada binatang. Bukan sahaja melakukan perkara di luar peri kemanusiaan, tetapi melakukan lebih jauh daripada itu di luar peri kebinatangan. Kalau binatang yang buas, mungkin kemampuannya boleh membunuh beberapa orang sahaja, tetapi manusia yang diberi akal fikiran yang dikurnia oleh Allah dengan ilmu pengetahuan, apabila disalahgunakan mereka boleh menjadi lebih luas, lebih buas daripada binatang. Mencipta seperti senjata nuklear yang bukan boleh menghancurkan satu bandar bahkan satu negeri, bahkan satu benua, bahkan alam sejagat.

Walaupun peperangan merupakan perkara yang terdesak berlaku dalam masyarakat manusia bagi menentang pencerobohan, permusuhan, kezaliman dan lain-lain dan Islam mengakui wujudnya perkara ini. Tetapi hendaklah didahulukan perdamaian seberapa usaha yang dapat. Firman Allah S.W.T. “Wain janahu lissalmi fajnah laha watawakal allallah”, dan jika sekiranya mereka cenderung kepada perdamaian, maka berdamaianlah dan bertawakal kepada Allah sekalipun berlaku kemungkinan-kemungkinan daripada pihak musuh

pengkhianatan dan lain-lain. Tetapi hendaklah diutamakan perdamaian dan Islam menganggap peperangan yang berlaku dengan terdesak mestilah dengan alasan-alasan yang kuat kerana menentang kezaliman. Firman Allah di dalam Al-Quran “ Udhinallilazi nayuqa talu nabiannahum zulimu”, diizinkan kepada mereka yang diperangi, sesungguhnya mereka itu telah dizalimi dan dibenarkan kerana berlakunya ancaman kebebasan manusia termasuklah kebebasan beragama. Firman Tuhan, “ (Membaca sepotong ayat Al-Quran). Maksudnya “Kalaulah sekiranya Allah tidak mengizinkan peperangan itu berlaku, dengan cara yang benar, nescaya dibinasakanlah rumah-rumah ibadat, Orang-orang Yahudi, Gereja-gereja Kristian dan tempat-tempat sembahyang, masjid-masjid orang-orang Islam diroboh semua kalau peperangan itu tidak diizinkan untuk menentang kezaliman”. Walaupun ianya diizinkan, Islam menganggap ia adalah perkara darurat, laksana suatu pembedahan yang dilakukan oleh seorang doktor terhadap seorang pesakit. Dia tidak boleh membedah melainkan mengikut batas kesakitannya dan tidak lebih daripada itu.

Maka, begitulah peperangan dilakukan, diwajibkan mengelak mereka yang tidak terlibat dengan peperangan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, tidak boleh membunuh kanak-kanak, tidak boleh membunuh perempuan, tidak boleh membunuh orang tua, tidak boleh membunuh paderi-paderi dan sami-sami yang beribadat di rumah-rumah ibadat. Tidak boleh membunuh peniaga-peniaga, pekerja-pekerja yang tidak mengambil tahu langsung tentang peperangan dan tidak terlibat dengan peperangan dan diharamkan merosak alam sekitar yang memusnahkan punca makanan manusia sama ada daripada pertanian, perkilangan dan termasuklah sumber air, merobohkan rumah-rumah awam dan Islam tidak membenarkan melampaui batas walaupun orang yang terlibat di dalam peperangan itu. Tidak boleh dicincang orang yang sudah mati, yang sudah terbunuh, tidak boleh dibiarkan orang yang luka di dalam peperangan walaupun dia musuh supaya dia mati dengan kesakitan lukanya dan sebagainya. Ini adalah arahan yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran-ul-Karim dan hadis Rasulullah s.a.w.

Di antaranya ialah Firman Allah S.W.T. (membaca sepotong ayat Al-Quran) maksudnya “berperanglah dengan nama Allah, pada jalan Allah, perangilah sesiapa yang ingkar akan Allah, perangilah, jangan kamu melampauai batas, jangan kamu mengkhianati perjanjian yang telah dibuat, jangan kamu mencincang orang yang sudah mati, jangan membunuh perempuan dan begitulah lain-lain yang tidak terlibat dengan peperangan”.

Dan banyak lagi hadis yang lain dan tiap-tiap orang khalifah Islam memberi arahan kepada bala tenteranya, di antaranya ialah Abu Bakar Al Siddek r.a. yang mengarahkan kepada bala tentera Islam, maksudnya: ‘Jangan kamu khianat, jangan kamu melampauai batas, jangan kamu menyincang orang yang sudah mati, jangan kamu membunuh kanak-kanak, jangan membunuh orang-orang tua, jangan membunuh perempuan, jangan memotong pokok tamar yakni pohon yang berbuah, jangan membakarnya, jangan memotong pokok yang berbuah tanam-tanaman, jangan menyembelih binatang ternakan kecuali untuk memakannya dan kamu akan melalui dengan satu golongan manusia yang menghabiskan masa mereka di dalam gereja-gereja dan rumah-rumah ibadat, biarkanlah mereka dengan apa yang mereka lakukan, jangan kamu ganggu mereka. Inilah sikap Islam dan peraturan yang ditetapkan berhubung dengan peperangan.

Oleh kerana senjata nuklear merupakan satu tindakan yang melampauai batas, yang bercanggah dengan sifat dan hukum yang diwajibkan oleh Islam di dalam peperangan maka adalah suatu yang haram, yang mesti ditentang habis-habisan. Dan masyarakat antarabangsa hendaklah bertindak dengan cara yang menyeluruh, bukan sahaja terhadap Perancis bahkan terhadap kuasa-kuasa besar dunia yang lain, apa yang mendukacitakan kita semua anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mempunyai kuasa nuklear. Bagaimana

Bangsa-bangsa Bersatu diharapkan untuk menjaga keamanan dunia, maka terpulangnya kepada negara-negara yang sedang membangun, negara-negara anggota NAM dan lain-lain untuk memisahkan ikatan mereka di dalam perkara keamanan dunia ini daripada rangkaian yang dikuasai oleh kuasa-kuasa besar dunia.

Maka satu sikap yang menyeluruh hendaklah diambil oleh seluruh masyarakat antarabangsa dan negara kita hendaklah memainkan peranan yang lebih luas dalam perkara ini dan satu tindakan yang menyeluruh, yang bukan sahaja Perancis tetapi kuasa-kuasa besar yang lain dan kuasa nuklear yang lain hendaklah diambil dan saya suka mengingatkan di sana terdapat perkara-perkara yang menunjukkan terlalu double standard oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan negara-negara Barat termasuklah negara Barat yang mengutuk Perancis, mereka membiarkan Israel mempunyai nuklear dan pernah mengadakan ujian nuklear, akhbar-akhbar Barat tidak melaporkan, dilaporkan dalam berita yang kecil sahaja dan tindakan yang keras diambil khusus ke atas negara-negara umat Islam yang diura-urakan mempunyai bahan untuk nuklear, yang diura-urakan sahaja seperti Iran, Iraq, Pakistan, yang diura-urakan, yang dibimbang dan kita tidaklah bersetuju negara-negara ini termasuklah negara umat Islam mempunyai senjata nuklear yang boleh melampaui batas, tetapi kita mahu supaya masyarakat antarabangsa berlaku adil dan sangat mendukacitakan sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat Barat termasuk yang membantah nuklear ini. Sebagai satu contoh, kita dapati warga tua di Perancis, orang-orang tua di Perancis menyokong ujian nuklear, seolah-olah mereka membiarkan begitu sahaja kerana mereka memikirkan sebagai suatu cara kononnya untuk menghadapi kemunculan kuasa baru iaitulah kuasa Islam.

Hanya kalangan muda sahaja yang menentang dan kita sangat berdukacita dengan sikap yang dilakukan oleh China yang melakukan ujian nuklear di wilayah Zheng Jiang

iaitulah wilayah yang didiami oleh majoriti orang-orang Islam di negeri China. Adakah orang-orang Islam ini untuk dijadikan bahan untuk ujian nuklear?

Ini merupakan suatu perkara yang mesti kita peka, bukan di atas semangat fanatik Islam sahaja tetapi di atas semangat peri kemanusiaan yang mesti diperjuangkan bersama. Oleh kerana perkara ini perkara yang penting, perkara yang bukan sahaja untuk zaman kita, tetapi untuk keselamatan generasi-generasi yang akan datang demi keamanan dunia dan keselamatan manusia, maka saya bagi pihak PAS menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang.

4.18 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, pada 26hb. Oktober, 1995 yang lepas, 25 buah parti politik dalam negara ini telah mencapai kata sepakat mengutuk ujian nuklear yang dilakukan oleh Perancis di Pasifik Selatan. Persefahaman dan persetujuan tersebut adalah merupakan satu sejarah negara selepas merdeka.

Presiden parti Melayu S.46, Yang Berhormat dari Gua Musang, selepas perjumpaan tersebut telah mengucapkan tahniah kepada Presiden UMNO selaku penganjur di atas usaha dan kejayaan yang telah dicapai dalam mencari kata sepakat di atas isu kepentingan sejagat.

Hari ini di dalam Dewan yang mulia ini, saya mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Melayu S.46 mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membawa usul atas nama Perdana Menteri kerana membawa usul di dalam Dewan yang mulia ini. Dan sekiranya usul ini diluluskan sebulat suara, ini bermakna sejak pilihan raya tahun 1990 yang lepas, inilah kali kedua selepas usul mengenai Bosnia, Dewan yang mulia ini membuat ketetapan bahawa di dalam kepentingan kemanusiaan seluruh dunia, kita boleh mewujudkan persefahaman dengan mengetepikan perbezaan dan fahaman politik. *[Tepuk]*

Sokongan kami kepada usul ini jelas menunjukkan bahawa parti-parti pembangkang bukanlah tidak berfaedah seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 1996 yang lepas.

Kritikan dan bantahan kami kepada beberapa dasar yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional bukanlah semata-mata untuk mengkritik atau mencari publisiti murah tetapi ianya adalah berlandaskan kepada kesimpulan yang telah dibuat oleh kami setelah kajian mendalam dibuat. Rasa kecintaan kepada negara ini tetap unggul di atas kepentingan negara dan manusia sejagat, kami mempunyai pendirian yang tidak jauh berbeza dengan pendirian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Perang Dunia Kedua telah menimbulkan kesan yang mendalam kepada beberapa buah negara dan kesejahteraan manusia sejagat. Bagi mereka yang hidup di zaman tersebut, tentunya masih merasai bagaimana dahsyatnya Bandar Hiroshima dan Nagasaki mengalami kemusnahan dalam tahun 1945. Hiroshima dan Nagasaki menjadi padang jarak padang terkukur. Jepun terpaksa menyerah kalah. Peristiwa tersebut tidak berakhir di situ kerana bukan kemenangan atau kekalahan yang penting dalam perang, tetapi yang lebih penting ialah sejauhmana bom atom telah berjaya membawa kemusnahan kepada kehidupan manusia dan alam sekitar. Bahana daripada pengeboman tersebut telah menimbulkan kesan yang mendalam kepada rakyat Jepun dan kepada manusia seluruh dunia hingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlumbaan dalam senjata nuklear bukanlah perkara baru. Ianya telah menjadi suatu perkara, khususnya di kalangan negara kuasa-kuasa besar dunia. Perang dingin sudah berakhir dan kita mengharapkan perlumbaan untuk senjata nuklear sepatutnya

juga berakhir, tetapi sejak akhir-akhir ini masih ada negara yang nampaknya tidak senang jika tidak ada perancangan untuk menjahanamkan kedamaian dan kehidupan manusia di seluruh dunia. Saya menyatakan demikian kerana tidak ada sebab mengapa Perancis harus berdegil apabila menerima bantahan hampir daripada seluruh dunia. Jika mereka tidak ada niat untuk menggunakan senjata tersebut, alasan yang mengatakan bahawa ianya penting untuk pertahanan negara dan tidak menjejaskan alam sekitar, langsung tidak boleh diterima oleh akal.

Pada pandangan kami, kutukan dan bantahan perlu dibuat bukan sahaja kepada Perancis, tetapi kepada semua negara-negara kuasa besar yang masih bergiat aktif di dalam perlumbaan senjata tersebut. Ini termasuklah Republik Rakyat China, Britain, Amerika dan Russia sendiri.

Sehubungan dengan perkara ini, saya mencadangkan supaya Usul ini bukan sahaja diserahkan kepada kerajaan Perancis dan Parlimen Perancis tetapi juga kepada kerajaan negara-negara yang saya sebutkan tadi. Semua negara-negara dalam dunia sedar bahawa ancaman senjata nuklear adalah berbahaya kepada dunia dan manusia. Kesedaran sahaja tidak mencukupi, jika tidak diikuti dengan perbuatan. Ujian dan pemilikan senjata-senjata tersebut, Badan Dunia PBB adalah merupakan suatu forum yang tepat. Sejak tahun 1945 tidak ada suatu ketetapan yang jelas dan nyata dibuat oleh badan dunia ini untuk menangani masalah perlumbaan dan penggunaan senjata nuklear. Mahkamah Dunia baru sekarang sedang bersidang di Hague, Belanda untuk membuat keputusan bagi menimbang predentasi lisan yang dibuat oleh 25 buah negara termasuk Malaysia untuk mencari keputusan mahkamah atau badan dunia. Keputusan Mahkamah Dunia tidak boleh dipengaruhi oleh pandangan mana-mana kuasa besar demi kepentingan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kami berpendapat pendirian tegas yang perlu dibuat ialah menghalangkan terus pemilikan dan penggunaan senjata nuklear. Inilah pendirian yang kami buat. Bahawa satu pendirian tegas, ketetapan mesti dibuat sama ada melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bahawa senjata nuklear, sama ada ujian atau pemilikannya mestilah diharamkan terus. Ketua-ketua kerajaan Negara Commonwealth yang sedang bersidang di Auckland sekarang, harus membuat ketetapan yang lebih tegas, bukan hanya sekadar membuat satu resolusi sampingan tetapi membuat suatu resolusi khusus mengenai senjata nuklear hasil daripada mesyuarat yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan itu, saya mencadangkan supaya resolusi ini dihantar terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sekarang ini sedang menghadiri Mesyuarat Negara-negara Commonwealth supaya keputusan yang kita buat melalui Usul ini, semoga ianya dapat mempengaruhi pendirian Ketua-ketua Kerajaan Commonwealth yang sedang bersidang. Isu nuklear harus di jadikan agenda dunia. Oleh itu, forum terbaik ialah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya mencadangkan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini di hantarkan terus kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya juga mencadangkan supaya Usul ini disampaikan kepada Yang Berhormat Peguam Negara yang sekarang ini sedang berada di Hague, Belanda untuk menguatkan hujah beliau mengenai pendirian kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, resolusi yang telah dibuat oleh 25 buah parti-parti politik pada 26hb. November yang lepas adalah merupakan suatu resolusi yang membayangkan keprihatinan seluruh rakyat Malaysia di dalam menanggapi isu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak wakil-wakil rakyat daripada Parti Melayu Semangat 46, saya mohon menyokong Usul ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.
4.26 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengucapkan syabas dan tahniah serta menyokong penuh Usul yang dibentangkan pada ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Usul mengenai nuklear di Dewan Rakyat pada hari ini membuktikan keprihatinan Malaysia terhadap keselamatan serta kesejahteraan umat sejagat. Usaha ini selaras dengan pendirian negara yang mengamalkan dasar aman, bebas dan berkecuali. Usul ini juga selaras dengan pendirian tegas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang ditegaskan di Auckland, New Zealand, semalam bahawa “usaha ke arah mengharamkan senjata nuklear wajar diteruskan sebagai agenda dunia demi keamanan dan kesejahteraan semua”.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah murninya hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap pemeliharaan keselamatan dan kesejahteraan sejagat. Beliau tidak pernah penat dan jemu dalam memperjuangkan bantahan dunia terhadap senjata nuklear.

Pada 29hb. September, 1995 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersuara dengan lantang mengenai isu nuklear ini di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Pada 20hb. Oktober. 1995, beliau mengulangi pendirian yang sama di Persidangan Pertubuhan Negara-negara Berkecuali di Cartagena. Pada 10hb November, 1995 iaitu tiga hari lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula bertanggungjawab meyakinkan majoriti ketua-ketua negara Komanwel untuk menggubal

serta mengeluarkan kenyataan khas mengenai nuklear di persidangan negara-negara Komanwel di New Zealand.

Pembentangan Usul mengenai nuklear pada hari ini juga mencerminkan kesungguhan Ahli-ahli Parlimen dunia terhadap keselamatan serta kesejahteraan universal. Persidangan ASEAN Inter-Parliamentary organisation (AIPO) di Singapura pada 24hb September, 1995, Persidangan International Parliamentary Union (IPU) di Romania pada 13hb Oktober, 1995 dan Persidangan Commonwealth Parliamentary Association (CPA) di Sri Lanka juga pada pertengahan bulan Oktober, 1995 telah pun mengutuk sekeras-kerasnya sebarang usaha menguji senjata nuklear seperti yang dijalankan oleh Perancis.

Lantara itu, adalah sukar bagi umat dunia pada hari ini untuk menerima, apatah lagi menyokong perbuatan Perancis menjalankan siri ujian senjata nuklearnya di Selatan Pasifik. Sebab itulah majoriti umat dunia, termasuk kita di Malaysia hari ini terus menerus memprotes, membantah, mengecam dan mengutuk ujian senjata tersebut. Cetusan suara internasional ini tidak silap dan bukannya “tidak tepat, tidak konsisten dari segi intelektual dan tidak seimbang”, seperti yang ditegaskan oleh John Major, Perdana Menteri Britain di New Zealand tiga hari yang lalu.

Tanpa sebarang niat merendahkan martabat John Major, saya berani membuktikan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kenyataan Perdana Menteri Britain yang emosional itu adalah bercanggah dengan pendiriannya sendiri serta bertentangan dengan pendirian negaranya selama ini. Di Persidangan IPU di Bucharest, Romania, majoriti Ahli-ahli Parlimen British telah pun menyokong penuh satu usul khas yang mengutuk ujian nuklear Perancis di Selatan Pasifik.

Sewaktu berucap di Majlis Sambutan 50 tahun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 23hb. Oktober 1995, John Major sendiri membayangkan sikap optimisnya bahawa masalah ujian senjata nuklear pasti berakhir tidak lama lagi. Antara lain beliau berkata, dengan izin, “Only days ago the United Kingdom, France and the United States agreed to sign the Protocols to the Treaty of Rarotonga. And end to nuclear testing is now insight as we moved towards a Comprehensive Test Ban Treaty in 1996” ataupun, “Beberapa hari lalu, United Kingdom, Perancis dan Amerika Syarikat bersetuju untuk menandatangani Protokol kepada Perjanjian Rarotonga. Pastinya segala ujian nuklear akan berakhir apabila Larangan Ujian Komprehensif berkuatkuasa pada tahun 1996”.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan optimis John Major seperti di atas membuktikan bahawa kenyataan John Major di Auckland, Jumaat lalu adalah bercanggah dengan kenyataannya sendiri di New York. Beliau juga mencanggahi pendirian majoriti Ahli Parlimen British di Persidangan IPU di Romania.

Jadi, adalah aneh bagi John Major untuk berubah lagu sewaktu di Auckland. Pendirian beliau yang terbaru itu pasti akan menjejaskan sebarang inisiatif internasional mengenai Perjanjian Larangan Ujian Komprehensif yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kita insaf bahawa suatu ketika dahulu senjata nuklear memang terpaksa diperlukan untuk mewujudkan perimbangan kuasa dunia terutama sekali di antara blok demokrasi dengan blok komunis, di era dunia pelbagai polar ataupun di era dunia dwipolar. Tetapi senjata nuklear tidak lagi diperlukan sekarang. Blok Komunis Rusia telah pun hancur berderai. Blok-blok komunis lainnya juga mula menerima realiti bahawa persefahaman dan kerjasama global adalah perlu bagi menangani semua aspek kehidupan dunia multipolar yang mutakhir.

Jadi, adalah tidak wajar bagi Perancis dan mana-mana kuasa nuklear sekali-pun untuk terus-menerus melaksanakan siri ujian senjata nuklearnya. Usaha sebegini hanya membuktikan bahawa sebilangan superkuasa dunia kelihatannya memang sengaja berusaha ke arah kehancuran umat sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut sejarahnya, inisiatif menggubal Perjanjian Nuclear Non-Proliferation telah dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mulai tahun 1968. Pada ketika itu komuniti dunia, terutama sekali Amerika Syarikat, jadi panik dan terus dicengkam kebimbangan kerana Soviet Union memilih Cuba sebagai satu dari pangkalan peluru berpandunya.

Usaha memperkenalkan Perjanjian Nuclear Non-Proliferation ini telah mendapat pujian kerana ia selaras dengan Perkara 1(1) Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bermatlamat, dengan izin, “.....to take effective collective measures for the prevention and removal of threats to peace” ataupun secara literalnya, “.....mengambil daya usaha kolektif yang berkesan untuk menyekat dan menghapuskan ancaman kepada keamanan”.

Maka mulai ketika itu, masyarakat dunia pun berasa yakin bahawa kesemua superkuasa nuklear termasuk Perancis, pastinya akan secara sukarela maju ke meja perundingan dan akhirnya menghapuskan penggunaan senjata nuklear.

Sikap optimis masyarakat sejagat terhadap penghapusan senjata nuklear jadi kian meningkat apabila Soviet Union menarik balik peluru berpandunya dari Cuba. Setelah itu, Amerika Syarikat dan Soviet Union pun mendesak agar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menguatkuasakan Perjanjian Nuklear Non-Proliferation pada tahun 1970.

Keyakinan antarabangsa semakin melonjak apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga berjaya memaktubkan Perkara VI di dalam Perjanjian Nuclear Non-Proliferation

berkenaan yang menyatakan bahawa, dengan izin, “each of the parties to the treaty undertakes to pursue negotiations in good faith to take effective measures relating to the cessation of the nuclear arms and to nuclear disarmament”.

Ertinya, Tuan Yang di-Pertua, Perkara VI, Perjanjian Nuclear Non-Proliferation menuntut agar semua pihak yang menandatangani perjanjian tersebut hendaklah melaksanakan perundingan mengenai nuklear dengan niat yang murni ke arah pemberhentian persaingan senjata nuklear dan akhirnya, dengan niat yang murni untuk menghapuskan senjata tersebut buat selama-lamanya. Tetapi keyakinan dunia yang memuncak itu berakhir dengan kekecewaan yang panjang. Sejak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diwujudkan dalam tahun 1945 dan semenjak kelahiran Perjanjian Nuclear Non-Proliferation sehingga 1992, hampir 2,000 ujian senjata nuklear telah dijalankan oleh kuasa-kuasa nuklear dunia.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak terdaya langsung untuk melarangnya, biar pun Perjanjian Nuclear Non-Proliferation telah diwujudkan atas inisiatifnya sendiri. Kesannya, Tuan Yang di-Pertua, umat sejagat terus dicengkam kebimbangan. Keadaan ini berlarutan sewaktu Perang Dingin di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Untuk mengurangkan kebimbangan sejagat itu, Amerika Syarikat dan Soviet Union pun memwujudkan saluran bilateral untuk mengawal kegunaan senjata nuklear.

Maka terjalinlah apa yang dikenali sebagai SALT ataupun Strategic Arms Limitations Talk pada tahun 1972 dan yang keduanya pada tahun 1979. Apabila SALT I dan SALT II gagal menghakiskan kebimbangan umat sejagat terhadap ancaman senjata nuklear, Amerika Syarikat dan Soviet Union pun sekali lagi mewujudkan hubungan bilateral menerusi apa yang dikenali sebagai Strategic Arms Reduction Talk ataupun START dalam tahun 1982.

Usaha mengurangkan senjata nuklear yang dipersetujui menerusi START dijangka berkuatkuasa mulai 1992. Dengan itu, keputusan START ini tidak langsung start ataupun tidak langsung dapat dilaksanakan kerana Regim Soviet Union berakhir pada tahun 1992.

Setelah Perang Dingin berakhir, komuniti dunia bimbang dan terus bimbang terhadap penggunaan senjata nuklear oleh mana-mana kuasa nuklear dunia. Sebab itulah, maka Perjanjian Nuclear Non-Proliferation yang seharusnya dimansuhkan dalam tahun 1995 telah pun disambung semula sampai tempoh pemansuhan yang tertentu ataupun secara indefinite.

Ini membuktikan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masyarakat dunia dan masyarakat antarabangsa masih menggantungkan harapan agar Perjanjian Nuclear Non-Proliferation dijadikan perundangan yang efektif untuk menyekat penggunaan kuasa nuklear di era dunia unipolar.

Malangnya, penyambungan semula kekuatkuasaan perjanjian ini kelihatannya tidak langsung dihormati oleh golongan kuasa nuklear dunia termasuk Perancis. Ini bermakna Perancis yang bersama-sama 163 negara lain yang telah pun menandatangani Perjanjian Nuclear Non-Proliferation dalam tahun 1992, bertindak seolah-olah perjanjian itu telah termansuh. Ini bermakna Perancis di era dunia unipolar ini seolah-olah mahu membebaskan dirinya dari ikatan Perkara VI Perjanjian Nuclear Non-Proliferation seperti yang telah saya huraikan sebentar tadi.

Oleh itu, apakah siri ujian senjata nuklear yang dilakukan oleh Perancis di Selatan Pasifik pada 5hb. September 1995, 2hb. Oktober 1995 dan 27hb. Oktober 1995 itu merupakan satu penghayatan kepada semangat yang tersirat di sebalik Perkara VI Perjanjian Nuclear Non-Proliferation?

Pada waktu yang sama, ujian-ujian senjata nuklear yang dilakukan oleh Perancis adalah mencanggahi segala inisiatif antarabangsa dalam rundingan Perjanjian Larangan Ujian Komprehensif atau CTBT yang sedang berjalan sekarang.

Memang Perjanjian Larangan Ujian Komprehensif ini dijangka berkuatkuasa mulai musim gugur 1996. Tetapi apakah ertinya Perancis berjanji untuk menandatangani perjanjian tersebut, jika ia tidak langsung menunjukkan keikhlasannya untuk menghayati perjanjian berkenaan?

Inilah Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab bahawa segala bentuk protes, bantahan, kecaman dan kutukan masyarakat antarabangsa terhadap siri ujian nuklear Perancis di Selatan Pasifik adalah sah dan berasas.

Jadi, mengapakah Perancis tidak langsung menghormati suara dan bangkangan komuniti dunia terhadap segala ujian nuklear yang dijalankan?

Contohnya, walaupun majoriti pemimpin dunia yang berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah mengutuk ujian senjata nuklear Perancis, Menteri Luar Perancis, Herve De Charette, tetap tergamak untuk menegaskan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 27 September 1995 bahawa, dengan izin "The disarmament effort must of course be directed towards reducing existing stockpiles of nuclear weapons. The final series of tests now under way has no other purpose than to enable us to sign the treaty banning nuclear tests definitively."

Tuan Yang di-Pertua, usaha perlucutan senjata nuklear mestilah bertujuan mengurangkan stok senjata nuklear yang sedia ada. Siri akhir ujian nuklear yang dijalankan sekarang (oleh Perancis) hanyalah bertujuan membolehkan Perancis menandatangani Perjanjian Larangan Ujian Komprehensif dengan sepenuh hati.

Presiden Perancis, Jacques Chirac pula mengatakan kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 23 Oktober 1995 bahawa dengan izin, “let no one doubt France’s determination to ensure the success of the negotiation of the definitive, comprehensive and verifiable ban on nuclear test in 1996.” Janganlah sesiapa meragui kesungguhan Perancis untuk melaksanakan dan mematuhi pengharaman ujian senjata nuklear pada tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, apakah erti kedua-dua kenyataan di atas jika bukannya melambangkan kesombongan dan kebongkakan Perancis? Apakah ertinya kedua-dua kenyataan di atas jika suatu sikap yang langsung tidak sensitif kepada rayuan dan bantahan dunia terhadap apa yang dilakukan oleh Perancis di Pasifik Selatan?

Lantaran itu adalah relevan dan tidak salahlah jika masyarakat sejagat mengkaji implikasi kepada ujian nuklear Perancis seperti berikut:

- (i) Perancis gagal menghayati semangat bertindak dengan niat murni sebagaimana yang dituntut oleh Perkara VI di dalam Perjanjian Nuclear Non Proliferation.
- (ii) perbuatan Perancis melanggar Perkara VI dalam perjanjian itu menunjukkan seolah-olah negara tersebut tidak mahu meneruskan gencatan senjata nuklear, hari ini, esok dan mungkin buat selamanya.
- (iii) tindakan Perancis menjalankan siri ujian nuklearnya sekarang adalah bercanggah dengan “*jus cogens*” perkataan Latin “*jus cogens*” undang-undang antarabangsa yang mengatakan bahawa sifat saling menghormati dan kerjasama tradisional adalah benteng utama kepada undang-undang antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya menyokong penuh segala inisiatif dunia untuk menentang tindakan Perancis menjalankan ujian senjata nuklear seperti yang dilakukan oleh Parlimen Malaysia pada hari ini.

Saya harap Malaysia dan mana-mana kuasa dunia yang sedang membantah perbuatan ini tidak akan patah semangat dan berubah laku seperti John Major, janganlah hendaknya masa hadapan dunia dan kesejahteraan umat sejagat dikompromikan dengan mana-mana pihak yang tidak menghormati kehendak mutakhir umat sejagat itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, saya yakin Perancis dan lain-lain kuasa nuklear pasti tidak akan berani bertindak sembrono jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bertindak tegas untuk menyekatnya.

Ironinya, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kelihatannya hanya bertindak tegas apabila sesebuah negara Islam menggunakan senjata nuklear. Sikap berbeza-beza ini menimbulkan satu persoalan, apakah tidak salah untuk sesebuah negara bukan Islam menjalankan ujian serta menggunakan senjata nuklear? Apakah dosa besar jika umat Islam yang melakukannya?

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, Iraq yang menggunakan stesen janakuasa nuklear yang dibeli dari Perancis yang hanya mampu menghasilkan Uranium 238 untuk membuat senjata nuklear, telah teruk dikerjakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sehingga negara tersebut menjadi lumpuh dan tidak bermaya.

Pakistan yang mahu menjadi sebuah negara nuklear dan berusaha memiliki bom nuklearnya sendiri, seperti India juga telah dikutuk, dikecam serta dikenakan sekatan oleh kuasa-kuasa besar yang diketuai oleh Amerika Syarikat.

Oleh itu, saya berharap supaya usaha-usaha mengstrukturkan semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang sedang rancak diperkatakan sekarang ini mengambil kira hakikat peranan pertubuhan dunia ini terhadap menghapuskan terus-menerus senjata nuklear tanpa sebarang prasangkaan dan prasangka keagamaan.

Bila distrukturkan semula, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu wajarlah diberi kuasa penuh untuk menguatkuasakan segala perjanjian dan perundangan antarabangsa yang telah digubal dan diluluskannya selama ini.

Kuasa seperti ini pasti akan membolehkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bergerak serta bertindak melindungi keselamatan dan kesejahteraan umat sejagat tanpa sebarang ganggu-gugat ataupun manipulasi oleh mana-mana superkuasa yang berkuasa menonjolkan dominannya di jagat ini.

Pertubuhan dunia ini juga mesti diberi keinsafan untuk menghormati kesungguhan negara-negara Hemisfera Selatan untuk menghapuskan senjata nuklear menerusi Perjanjian Tlatelolco & Rarotonga, Perjanjian Zon Bebas Nuklear Afrika dan Deklarasi Pengharaman Nuklear di Atlantik Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sambil lewa terhadap hakikat ini, maka ianya mesti dipertanggungjawabkan jika superkuasa dunia terus-menerus mengamalkan apa yang dikenali sebagai konsep, dengan izin “Mutually Assured Destruction”, ataupun konsep kehancuran bersama yang terjamin, yang lebih dikenali dengan akronim M.A.D, di mana dalam Bahasa Melayu bererti “gila”!

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Keningau.

4.47 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyatakan sokongan daripada Parti Bersatu Sabah.

Usul ini memang ada kaitan dengan perjanjian yang telah pun ditandatangani oleh semua 25 parti politik dan bersatu hati untuk menentang ujian semula oleh kerajaan Perancis. Saya rasa maksudnya ini sudah pun dijelaskan dan dibincangkan, jadi tidak perlulah saya menghuraikannya. Oleh kerana itu di sini saya hanya merakamkan dengan secara formal sokongan dari Parti Bersatu Sabah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Kepong.

4.58 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri tadi, kita di dalam DAP sekali lagi menyokong isi kandungannya.

Kami menyeru semua forum antarabangsa termasuk Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu meluluskan resolusi tergepar untuk memberhenti ujian-ujian nuklear Perancis di Lautan Pasifik Selatan. Sepertimana yang berlaku di CHOGM Auckland, The Commonwealth Head of Government Meeting, Malaysia mestilah memainkan peranan yang aktif di semua forum international untuk mengemukakan hasrat Parlimen Malaysia bagi menyaksikan Presiden Perancis, Jacques Chirac menyahut seruan dunia dengan memberhentikan segala ujian nuklear di kawasan antarabangsa. Ini bukan di kawasan Perancis sendiri - kawasan antarabangsa.

Pada bulan Ogos 1995 Yang Berhormat Kota Melaka telah mengemukakan satu usul di Dewan Rakyat untuk membantah ujian-ujian tersebut sebelum ianya berlaku akan tetapi usul itu telah diabaikan. Pada bulan yang lepas Yang Berhormat Kota Melaka

membangkitkan usul itu semula, pada halnya kita masih ada usul yang serupa walaupun perkataan tidak banyak tetapi isi kandungannya serupa.

Yang Berhormat dari Tanjong telah mengulangi beberapa kali harapannya supaya usul seumpama ini dibahaskan di Parlimen kerana Kerajaan Perancis telah menjejaskan usaha-usaha untuk sebuah dunia yang bebas daripada senjata nuklear. Beliau telah mengambil bahagian dalam mesyuarat yang dianjurkan oleh The Socialist International Asia Pacific Committee di Sydney, Australia. Mesyuarat tersebut telah memperbincangkan isu ujian tersebut dan pendirian DAP adalah tegas. Walaupun kita ada usul, kita rela dan kita sanggup menerima usul Perdana Menteri.

Pada 26hb. Oktober lepas DAP telah menyertai mesyuarat semua parti mengenai isu tersebut yang dianjurkan oleh UMNO disebabkan oleh pendirian DAP untuk bekerja dengan lain parti-parti politik sama ada parti pemerintah atau pembangkang terhadap isu-isu nasional dan international yang kami mempunyai kepentingan bersama, issue of common interest, dengan izin. Ini, walaupun kami memperolehi satu usul, kita sanggup menyokong dan kami hendak menyaksikan Parlimen memperdebat dan meluluskan usul ini untuk menunjukkan harapan semua rakyat Malaysia untuk menghapuskan semua jenis senjata nuklear pada satu hari kelak kerana matlamat ini adalah sukar untuk dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, Tuhan memberikan kita dua mata, dua telinga dan satu mulut. Kita perlu banyak melihat dan mendengar. Letupan bom atom yang pertama telah berlaku pada 16hb Julai 1945 di Alamogordo, New Mexico, Amerika Syarikat. Kemudian pada 6hb dan 9hb Ogos, 1945 bom nuklear meletup masing-masing di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun mengakibatkan lebih 132,000 orang maut dan beratus-ratus ribu cedera dan mengidap penyakit radiasi bertahun-tahun kemudian.

Ujian bom hidrogen pertama Amerika Syarikat ialah pada 1hb. November, 1952. Russia mengadakan ujian bom atom yang pertama pada Ogos, 1949 dan bom hidrogen pada 12hb. Ogos 1953. Pada 1952, Britain mengadakan ujian bom atom pertama dan pada Mei 1957 bom hidrogennya. Pada 1960, Perancis meletupkan bom atom pertama dan bom hidrogennya pada 24hb. Ogos 1968.

Pada tahun 1964, China meletupkan bom atom pertama dan pada 17hb. Jun, 1967 bom hidrogen dan pada tahun 1974, India telah meletupkan bom atom pertama dan banyak negara lagi yang diketahui mempunyai bom tetapi belum meletup lagi kerana pihak kuasa-kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat tidak mahu mereka meletupkan bom kerana Amerika sahajalah yang boleh menentukan, boleh memastikan tidak ada sebaran nuklear dan tidak ada letupan bom walhal negara yang pertama yang meletupkan bom ini ialah Amerika Syarikat yang memusnahkan makhluk manusia.

TuanYang di-Pertua, ujian demi ujian telah dilakukan oleh negara-negera tersebut terutamanya Amerika Syarikat, beribu-ribu ujian. Negara yang pertama untuk mengadakan ujian di atol-atol atau terumbu ialah Amerika Syarikat yang mempunyai bom-bom nuklear yang paling sophisticated, yang kedua Russia dan yang ketiga, negara-negara yang lain itu samalah tarafnya. Tetapi yang paling sophisticated ialah Amerika Syarikat.

Setakat ini Nuclear Test Ban Treaty telah ditandatangani oleh beberapa negara sahaja - A Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT) belum diadakan walaupun disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Menurut Presiden Jacques Chirac, Perancis akan membincangkan CTBT setelah selesai ujian-ujiannya di atol-atol Mururoa dan Tangataufa pada Mei 1996. Besar kemungkinan Perancis akan memperolehi senjata nuklear yang lebih sophisticated selepas ujian-ujian tersebut kerana saya diberi tahu bahawa mereka akan

berjaya untuk mengadakan ujian simulated (simulated test). Ini memang, China pun ada hasrat yang sama dan begitu juga negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah mentaliti negara-negara yang mempunyai senjata nuklear. Ada negara-negara yang disyaki memperolehi senjata nuklear seperti Israel tetapi mereka belum membuat ujian dan mereka kuathir Iraq dan Korea Selatan mendapat senjata nuklear. Salah satu sebab Iraq dikalahkan ialah kerana disyaki mempunyai senjata nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, Prancis telah bertekad untuk membuat ujian-ujian nuklear dari bulan September 1995 hingga Mei tahun hadapan. Ini telah dibayangkan oleh Prancis dalam semua tindakan dan kenyataannya. Habiskan ujian-ujian yang telah dijadualkan kemudian kita boleh berbincang, kita boleh menandatangani perjanjian. Itulah sikap mereka. Apabila Setiausaha Agung UMNO dari Pulau, *[Disampuk]* ...Kulai?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini 'K', ini 'P', apa kata Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia ketawa, Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kulai?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mereka tahulah siapa Yang Berhormat maksudkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Susahlah. Kita ada 'K' ada 'P'. Walau bagaimanapun apabila Setiausaha Agung UMNO, Yang Berhormat Pulau menghantarkan bantahan daripada semua parti terhadap ujian-ujian tersebut, sikap angkuh Duta Besar Pranchis Monsieur Eduoard Braine adalah sangat dikesali. Di sini DAP menyokonglah UMNO. *[Tepuk]* Kita sokong, kerana bukan semua kita sokong, kerana ada setengah-setengah di sini pun angkuh juga bila

DAP mengemukakan pendapat. Tetapi walau bagaimanapun kita sokong UMNO menentang Duta Besar Perancis Monsieur Eduoard Brane.

Yang Berhormat Tanjong telah mengeluarkan kenyataan demi kenyataan mengenai pendirian DAP terhadap sikap takbur Duta Besar Perancis dan nuansa perasaan rakyat Malaysia. Saya akan mengulangi points yang pernah dibangkitkan oleh beliau.

Monsieur Braine telah mendakwa bahawa saintis-saintis termasuk dari Australia dan New Zealand telah menyifatkan ujian-ujian tersebut sebagai tidak berbahaya sama sekali. Ujian nuklear tidak berbahaya sama sekali, totally harmless, dengan izin. Kalau begitu, kita berharaplah Perancis mengadakan ujian di tanah air sendiri - totally harmless. Kita tidak payah adakan di dalam kawasan antarabangsa, di Lautan Pasifik Selatan - tidak payah!. Kita suruh mereka balik ke Perancis dan adakan ujian yang totally harmless, yang tidak berbahaya sama sekali.

Walau bagaimanapun, ini adalah jelas menunjukkan Kerajaan Perancis tidak peka kepada perasaan orang-orang khususnya para penduduk di Kepulauan Pasifik Selatan. Ini juga menggambarkan mentaliti penjajah, mentaliti kolonialnya. Rakyat Kepulauan Pasifik Selatan boleh dimudaratkan tetapi rakyat Perancis mesti dipelihara dengan baik. Itu mentaliti penjajah. Rakyat Grik pun kalau ikut Perancis, [*Ketawa*] boleh dimudaratkan, tetapi bukan rakyat Perancis.

Tuan Yang di-Pertua, ujian-ujian tersebut memang mengakibatkan kesan-kesan yang memudaratkan sepertimana yang dilaporkan oleh *Sydney Morning Post* tentang kajian-kajian di Perancis sendiri yang menunjukkan keretakan tapak ujian atoll dan kematian ikan yang mengerikan, dengan izin, grisly death of all the fish around the area and the crack of the test site.

Menurut laporan, *The atolls of Mururoa and Tangataufa*, the living environment and its evolution, dengan izin, “the underground tests have caused a degradation of the substrata (of the atoll) more considerable than in the case of aboveground tests.” Menurut laporan itu, ujian bawah tanah mengenai kesan ini adalah lebih dahsyat daripada ujian di atas tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perancis haruslah bersedia menerima semua tanggungjawab serta memberi pampasan kepada segala kemudaratan kesihatan para penduduk dan kerosakan sistem ekologi ekoran ujian-ujian yang lepas, sekarang dan masa hadapan di Lautan Pasifik Selatan. Kita di Malaysia mesti menekankan bahawa pihak Perancis memberi pampasan, menerima segala tanggungjawab ke atas apa yang berlaku di Pasifik Selatan.

Memandangkan Monsieur Braine ini bersikap degil, beliau sepatutnya mengesah atau menyangkal sama ada laporan *The Sydney Morning Herald* mengenai keretakan tapak ujian atol benar ataupun tidak. Kerajaan Perancis mestilah sanggup mendedahkan semua data kajian-kajian di Perancis kepada komuniti internasional.

Satu cadangan ialah sebelum CHOGM itu berlangsung dan dua tiga hari yang lepas telah tamat CHOGM, tetapi sebelum ia berlangsung, kita DAP membuat cadangan supaya CHOGM melantik pemenang Hadiah Nobel 1995, Joseph Rotblat dan Pugwash Conferences of Science and World Affairs, dengan izin, untuk mengkaji impak atau kesan ujian-ujian tersebut ke atas alam sekitar, sistem ekologi dan kesihatan para penduduk Kepulauan itu. Sekurang-kurangnya, satu jawatankuasa saintis-saintis internasional (International Commission of Scientists) yang bebas hendaklah dihantar ke tapak tersebut untuk membuat kajian seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha DAP untuk bersama-sama dengan kerajaan dan parti-parti yang lain untuk menjayakan usaha-usaha kita mendesak pihak Perancis memberhentikan segala ujiannya, kita memang bersedia untuk menyertai banyak lagi forum yang dianjurkan oleh pihak yang lain. Malaysia mestilah mengambil pendirian yang keras di forum-forum internasional terhadap ujian-ujian nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dilaporkan di CHOGM menurut kenyataan Yang Amat Berhormat, Malaysia mahu usaha ke arah mengharamkan senjata nuklear diteruskan sebagai satu agenda utama dunia demi keamanan dan kesejahteraan semua. Beliau menegaskan apa yang dicapai pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) masih jauh daripada matlamat akhir Malaysia. Malaysia mahu Komanwel mengambil ketetapan yang lebih dan menangani isu nuklear. Kecuali Britain, kesemua anggota Komanwel yang bersidang di sini mengutuk perbuatan Perancis dan China menguji senjata nuklear masing-masing. Di sini, kita memang menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kami berharap beliau akan pergi ke forum-forum internasional yang lain, untuk mengambil sikap dan pendirian yang sama, yang sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicapai di CHOGM masih jauh daripada matlamat dan Malaysia mesti terus berusaha ke arah mengharamkan senjata nuklear sebagai satu agenda utama dunia demi keamanan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kami pernah mencadangkan supaya CHOGM di Auckland seharusnya mempertimbang satu program sanction terhadap Kerajaan Perancis sekiranya ia masih ingkar dan masih menentang pendapat antarabangsa dan masih meneruskan ujian-ujian tersebut. Setakat ini Bangsa-bangsa Bersatu dan Non-Align

Movement (NAM) dengan izin, telah gagal untuk mengambil langkah-langkah yang positif dan konkrit terhadap Perancis yang begitu degil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Comprehensive Test Ban Treaty 1996, Perjanjian Pengharaman Ujian Nuklear yang menyeluruh, selain dari bertungkus-lumus untuk menggembelingkan masyarakat dunia bagi memberhentikan ujian-ujian tersebut, kami mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakan Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT) ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya berada di England sebagai pelajar di university, semasa itu ada Campaign for Nuclear Disarmament (CND) yang hangat diadakan di Britain dan Eropah. Di Britain pada tahun 60-an ada milestone march, beratus ribu orang menyertai untuk mengadakan pengharaman senjata nuklear.

Ada juga yang mencadangkan supaya Britain sendiri menunjukkan teladan dengan menghapuskan senjata nuklear di Britain. Tetapi walaupun kempen (march) seperti ini didengar di seluruh dunia dan diambil perhatian, memang ada kesannya (impak) tetapi sampai sekarang pihak Britain pun degil, lebih 20 tahun degil lagi dan pihak kuasa-kuasa yang lain pun enggan lagi untuk memberhentikan ujian-ujian ini dan untuk menjamin tidak berlakunya kemudaratan rakyat seluruh dunia.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kami menyedari bahawa adalah susah untuk mengadakan perjanjian Comprehensive Test Pan Treaty pada tahun hadapan. Setiap kuasa nuklear enggan menandatangani kerana faktor-faktor tertentu, iaitu psikologi, mentaliti, strategi serta teknik untuk memusnahkan

senjata nuklear adalah sangat rumit. Walau bagaimanapun, kita mestilah terus berusaha untuk mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

5.12 ptg.

Tuan Chang Kon You [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul.....

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ya, dia tak berapa tinggi. [*Ketawa*]

Tuan Chang Kon You: Tuan Yang di-Pertua, ujian nuklear oleh negara Perancis telah mencetuskan kebimbangan baru di seluruh dunia. Dalam tempoh 3 bulan terakhir, negara Perancis telah menjalankan 3 ujian nuklear di rantau Pasifik Selatan. Walaupun negara-negara di rantau ini dan seluruh dunia telah menyatakan bantahan terhadap ujian tersebut namun Perancis masih memekakkan telinga kepada suara global yang lantang ini.

Malaysia adalah di barisan hadapan menentang sebarang ujian nuklear yang akhirnya akan mengancam survival dan kesejahteraan umat manusia. Senjata nuklear tidak kira ia akan digunakan atau tidak, merupakan satu ancaman terbesar yang berterusan terhadap kehidupan manusia dan alam sekitar. Senjata ini boleh mendatangkan kemusnahan yang amat besar sehingga ia boleh melupakan seluruh manusia dari muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengutuk sekeras-kerasnya Perancis kerana menjalankan ujian nuklear di Pasifik Selatan. Perancis tidak seharusnya menggunakan rantau ini sebagai tapak ujian nuklearnya demi kepentingan sendiri. Perancis dan kuasa-kuasa nuklear lain tidak seharusnya menjalankan sebarang ujian nuklear di mana-mana pun di dunia ini. Kita mahukan sebuah dunia yang bebas daripada senjata nuklear. Senjata nuklear bukanlah penghalang kepada peperangan. Senjata nuklear juga bukanlah penyelesaian kepada masalah

manusia, akan tetapi ia akan membawa manusia sejagat lebih hampir ke medan maut peperangan. Ia merupakan sumber utama kepada permasalahan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, mesej perhimpunan 25 buah parti politik pada 26hb. Oktober lalu adalah jelas. Resolusi yang ditandatangani oleh pemimpin 25 buah parti itu mengandungi 5 perkara, iaitu:-

- (i) mengutuk sekeras-kerasnya Perancis kerana menjalankan ujian nuklear di kepulauan Pasifik Selatan tanpa menghiraukan bantahan global. Tindakan tersebut adalah tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab;
- (ii) menuntut Perancis meminta maaf tanpa syarat dan membayar ganti rugi kepada rakyat di Pasifik Selatan;
- (iii) mendesak Perancis menubuhkan satu dana untuk membiayai rakyat Pasifik Selatan memulihkan kehidupan mereka dan alam sekitar akibat daripada ujian nuklear;
- (iv) meminta seluruh rakyat dunia, khususnya rakyat dari kuasa senjata nuklear supaya mengutuk pengeluaran dan ujian nuklear; dan
- (v) menuntut kuasa-kuasa nuklear menghentikan sebarang ujian nuklear sebelum treaty pengharaman ujian komprehensif, iaitu Comprehensive Test Ban Treaty diadakan pada tahun 1996.

5 perkara tersebut telah pun dimasukkan dalam ketetapan-ketetapan yang diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan Malaysia dalam isu nuklear ini tidak seharusnya terbatas kepada ujian nuklear semata-mata, tetapi harus mencakupi secara menyeluruh semua

kegiatan senjata nuklear sehingga ia diharamkan sama sekali pada akhirnya. Sebagaimana yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya quote:-

“Kita pandang serius semua kegiatan memiliki senjata nuklear, meningkatkan keupayaan senjata nuklear atau ujian nuklear. Kita mahu senjata nuklear diharamkan”.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyuarakan secara lantang tentang banyak isu antarabangsa. Walaupun Malaysia ialah sebuah negara yang kecil, namun ia telah menunjukkan kewibawaannya sebagai sebuah negara yang memperjuangkan hak kesejagatan. Malaysia menyeru supaya pembaharuan dibuat atas struktur dan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya hak kesamarataan dapat dinikmati oleh semua negara dan rakyat mereka, supaya keamanan dunia adalah lebih terjamin.

Setelah menonjolkan konflik Bosnia-Herzegovina sebagai satu isu antarabangsa dan memperlihatkan beberapa tindakan penyelesaian krisis tersebut. Malaysia kini mengalihkan usaha kepada isu ujian nuklear Perancis yang menggugat ketenteraman dunia. Bersama 24 negara yang lain, Malaysia membawa isu ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (International Court of Justice). Mahkamah tersebut diharap memutuskan bahawa segala pemilikan, pembuatan, ujian dan penggunaan senjata nuklear diharamkan. Walaupun kuasa-kuasa besar nuklear seperti Amerika Syarikat, Russia, Britain, Perancis dan China telah mengumumkan bahawa mereka tidak terikat kepada sebarang keputusan International Court of Justice, namun keputusan mahkamah itu tetap akan memberi penekanan yang significant atas kuasa-kuasa besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengemukakan isu ujian nuklear di Persidangan NAM, di Columbia. Malaysia juga memainkan peranan yang proaktif dalam isu yang sama di CHOGM yang baru berlangsung di Auckland, New Zealand. Satu kenyataan khas telah

diisytiharkan oleh Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada 10hb. November, iaitu tiga hari yang lepas, mengutuk ujian senjata nuklear dan menggesa sebarang ujian nuklear dihentikan serta-merta walaupun negara Britain menentang kenyataan khas tersebut, namun pada pendapat saya CHOGM telah mencapai matlamatnya tentang isu ujian nuklear yang dijalankan oleh negara Perancis.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia harus meneruskan usaha supaya deklaras, resolusi dan kenyataan mengenai ujian nuklear dimeterai dalam tindakan jitu dan bukan sekadar menjadi hiasan persidangan sahaja. Walaupun negara Perancis telah mengurangkan bilangan ujian nuklearnya daripada 8 kali kepada 6 kali, ini tidak dapat diterima. Perancis harus menghentikan sebarang ujian nuklear tanpa syarat dan dengan serta-merta. 60% daripada rakyat Perancis sendiri menentang ujian nuklear, tetapi kerajaan Perancis dengan keegoan imperialismenya meneruskan ujian nuklear di Mururoa, iaitu 1,400 km. jauhnya dari Tahiti. Ini ialah bukti yang nyata tentang sifat penjajah Perancis yang bersedia mengorbankan nasib rakyat jajahannya kerana mahu menguatkan statusnya sebagai kuasa nuklear.

Pada 5hb. September, Perancis telah menyambung semula ujian pertamanya dengan kekuatan 20 kilo tan tnt., kekuatan yang lebih handal daripada bom atom yang diletupkan di Hiroshima pada tahun 1945. Pada 6hb. September, pertempuran antara polis dengan rakyat yang protes telah tercetus di ibu negara Tahiti dan lapangan terbang 20 kilometer dari ibu negara tersebut. Tambahan pula, demonstrasi-demonstrasi tersebut telah menjadi satu pergerakan pro kemerdekaan (pro-independent) yang semakin kencang. Tidaklah hairan sekiranya suatu hari nanti Perancis akan melakukan tindakan yang keras terhadap pergerakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Perancis adalah amat angkuh dan degil. Setakat ini ia telah menjalankan 3 daripada 6 ujian nuklear yang telah dijadualkan dan ia mahu menghabiskan 3 lagi ujiannya menjelang bulan Mei tahun depan.

Sekiranya Perancis mahu meneruskan ujiannya, saya cadang supaya Malaysia melancarkan kempen boikot barangan Perancis atau apa-apa tindakan yang sesuai untuk menunjukkan ketegasan Malaysia dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan CHOGM telah melahirkan kenyataan mengutuk ujian nuklear Perancis dan negara-negara yang lain. Selain daripada ini, satu pencapaian lain ialah Persidangan CHOGM juga menggantung keahlian Nigeria berikutan tindakan regim tentera Nigeria menghukum mati penulis Ken Saro Wiwa dan lapan aktivis lain yang memperjuangkan hak asasi manusia. Perlaksanaan hukum mati oleh regim tentera Nigeria pimpinan General Sani Abacha telah mencabuli Deklarasi Harare 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Nigeria harus membebaskan 43 lagi tahanan politik lain dan mengembalikan demokrasi kepada rakyat Nigeria. Sekiranya tidak, ia patut disingkir daripada menganggotai Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dah disingkirkan.

Tuan Chang Kon You: Okay.

Tuan Yang di-Pertua, abad ke-21 harus dijadikan satu abad yang bebas daripada ancaman senjata nuklear. Umat manusia tidak boleh hidup dalam kegelisahan kerana kewujudan ancaman ini. Treaty pengharaman ujian komprehensif (CTBT) harus diselesaikan dan ditandatangani oleh kuasa-kuasa nuklear pada tahun depan. Ia amat penting sebagai satu langkah ke arah perlucutan senjata nuklear dengan harapan menghapuskan

sama sekali senjata nuklear. Seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia mahu semua usaha ke arah mengharamkan senjata nuklear diteruskan sebagai satu agenda utama di dunia demi kamanan dan kesejahteraan umat sejagat. Pendirian Malaysia dalam hal ini amat jelas dan kita tidak seharusnya berganjak seinci pun daripada pendirian ini. Malaysia tetap memperjuangkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Santubong. Saya rasa boleh dikatakan kesemua parti sudah berucap. Selepas ini, saya meminta Yang Berhormat Menteri akan menjawab ya. Santubong.

5.20 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak dan rakyat Sarawak keseluruhannya turut menyokong usul yang telah dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu mengutuk sekeras-kerasnya kerajaan Perancis kerana telah menyambung ujian nuklear dan juga menentang apa juga penggunaan semua kuasa nuklear di dunia ini. Saya mengucapkan syabas pada pihak kerajaan kerana telah mengambil inisiatif membawa usul ini ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kerana inisiatif Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia kerana telah mengadakan satu Persidangan Anti-Nuklear yang dihadiri oleh semua parti politik di Malaysia. Langkah ini sangat-sangat dialu-alukan dan menunjukkan semua pihak telah sepakat dan sependirian mengutuk tindakan yang diambil oleh negara China dan juga negara Perancis yang telah membuat ujian nuklear.

Di United Nation baru-baru ini, banyak negara telah dengan lantang termasuk negara kita telah menentang sekeras-kerasnya ujian nuklear ini. Nyata di persidangan itu, negara Perancis telah menunjukkan kesombongan dan bongkaknya melalui ucapan di Persidangan United Nations baru-baru ini iaitu Presiden Perancis Jacques Chirac mengatakan negaranya akan patuh kepada kehendak United Nations iaitu akan menandatangani Non- Proliferation Of Nuclear Weapon Treaty ini tetapi setelah selesai mengadakan ujiannya yang selanjutnya. Ini menunjukkan bahawa negara Perancis tidak mendengar suara orang lain dan mementingkan diri sendiri.

Di negara-negara kepulauan di Lautan Pasifik Selatan telah membuat beberapa protes dan kerana ujian ini telah dijalankan berdekatan dengan pulau-pulau mereka dan bahkan ada yang menegur dan telah membuat komen di dalam persidangan baru-baru ini di United Nations bahawa setelah ujian itu, suhu di tempat mereka telah dengan mendadak naik. Kepanasan begitu terasa dan saya pasti banyak kehidupan laut dan juga natural habitat yang lain, dengan izin, telah dan akan musnah di mana di persekitaran tempat ujian telah berubah dengan adanya ujian nuklear yang hebat yang telah dikatakan oleh rakan-rakan yang lain.

Kebanyakan negara menyoal kenapa ujian ini dijalankan jauh dari negara Perancis? Dan jawapan yang telah diberikan oleh wakil daripada negara Perancis di persidangan di United Nations itu mengatakan bahawa ianya dijalankan di dalam jajahan Perancis. Dan negara China pula tidak banyak memberi komen di persidangan tersebut dan ujian yang telah diadakan pula adalah di tanah China sendiri, jadi dengan cara begitu negara Cina tidaklah menerima tamparan yang begitu hebat seperti dibandingkan dengan apa yang diterima oleh negara Perancis.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bangga kerana di Persidangan Ketua Negara Komanwel (CHOGM) baru-baru ini telah menggunakan perkataan ‘mengutuk’ ujian nuklear iaitu dengan bahasa Inggerisnya ‘deplore’. Ini adalah sejajar dengan pendirian negara kita yang dari awal telah menggunakan perkataan ‘mengutuk’ dan tidak perkataan yang lebih ringan dan di rundingan di United Nations baru-baru ini, banyak perbincangan telah terbantut atas penggunaan perkataan yang keras ini. Ramai negara-negara ahli tidak mahu menggunakan perkataan yang begitu keras tetapi telah mencadangkan supaya menggunakan perkataan yang lebih ringan.

Jadi, dengan itu, saya sangat mengalu-alukan Persidangan CHOGM baru-baru ini yang telah dapat menggunakan perkataan yang lebih keras daripada perkataan-perkataan yang dicadangkan di mesyuarat di United Nations baru-baru ini. Kita sangat mengalu-alukan kenyataan Malaysia yang mengutuk bukan sahaja ujian nuklear tetapi juga menyarankan agar penghapusan segala penggunaan apa jua jenis senjata nuklear di dunia ini. Saya berharap agar perjanjian pengharaman ujian komprehensif akan termetrai secepati mungkin dengan tanpa ada gangguan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.30 ptg.

Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam usul ini, mereka ialah terdiri daripada Ahli Yang Berhormat dari Marang, dari Parit Sulong, Keningau, Kepong, Ipoh Timur,

Machang dan Santubong yang turut membahaskan usul yang dikemukakan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dari ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, jelas sekali memperlihatkan kesepakatan dan keikhlasan semua parti-parti politik di Malaysia sama ada dari parti-parti kerajaan mahupun dari parti-parti pembangkang dalam menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan kepentingan sejagat.

Hari ini, Dewan yang mulia ini telah menyaksikan satu lagi peristiwa bersejarah di mana persetujuan dan sokongan sebulat suara yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengulangi peristiwa pertemuan 25 buah parti politik yang wujud di tanah air di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 26hb. Oktober, 1995 yang lalu.

Peristiwa ini, secara simboliknya telah membuktikan keikhlasan perjuangan sejagat dan juga memperlihatkan bahawa parti-parti pembangkang boleh bekerjasama dan tidak semestinya membangkang membuta tuli atau mengambil sikap berkecuali dalam segala usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan khususnya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Peristiwa ini secara tidak langsung membuktikan satu lagi keunikan di dalam sejarah politik negara kita di mana segala percanggahan pendapat, aliran fahaman dan ketidak-seragaman matlamat perjuangan parti masing-masing hanyalah pada nama dan matlamat parti semata-mata, sedangkan kita bersedia bersatu, berbincang secara rasional dan profesional serta boleh mengeluarkan satu pernyataan bersama apabila memperjuangkan kepentingan dan pendirian negara serta rakyat mengenai isu-isu yang membabitkan kepentingan dunia dan insan sejagat.

Kami dari parti-parti kerajaan berharap peristiwa ini bukan hanya pertama dan terakhir, tetapi seharusnya dijadikan agenda baru dalam hubungan antara parti-parti pihak pembangkang dengan pihak kerajaan sesuai dengan keadaan dan suasana semasa. Tidak ada gunanya kita bertelingkah mengecam peribadi individu, melemparkan tohmahan-tohmahan liar dan menentang sesuatu dasar atau tindakan kerajaan secara melulu.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang tidak boleh membangkang, kalau perlu bangkang, bangkanglah, tetapi kalau ada benda baik yang perlu disokong, sokonglah secara bertanggungjawab. Dewan yang mulia ini memerlukan ahli pembangkang yang konstruktif, yang mampu memberi idea-idea yang bernas dan berwawasan bukan untuk mempopularkan parti atau peribadi tetapi hendaklah di atas kepentingan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam usul point pertama kita telah dihuraikan ataupun ditunjukkan bahawa banyak pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti CPA, AIPO, IPU, APPCED, NAM dan CHOGM telah menyuarakan ketidak-setujuan ataupun mereka telah mengutuk atau menentang ujian-ujian nuklear yang dibuat oleh Kerajaan Perancis. Seperti yang dilaporkan bahawa Kerajaan Perancis telah mengatakan bahawa, dengan izin, 'this test ban is totally harmless'. Kalau betul, ia 'totally harmless', saya ingin menyeru supaya Kerajaan Perancis eloknya menggali lubang di Istana Xeon Et Elijea iaitu di istana Jacques Chirac dan selepas itu diletupkan bom nuklear testing di belakang istana itu. *[Tepuk]*

Jikalau dengan teknologi yang canggih, yang telah diperolehi oleh saintis-saintis dan technologist negara Perancis, eloklah mereka menggunakan simulated test, dengan izin, menggunakan komputer daripada menggunakan nuclear bomb yang digunakan dengan letupan di Lautan Pasifik Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia, saya percaya kemufakatan dan kesepakatan yang tidak berbelah-bagi dan sebulat suara ini akan meletakkan suara rakyat Malaysia selaras dengan komitmen di seluruh dunia untuk mengharamkan sepenuhnya pembinaan ujian dan penjualan senjata serta teknologi nuklear di muka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin menjaga kepentingan masa hadapan anak cucu cicit kita supaya dunia yang mereka diami nanti akan menjadi sebuah dunia yang selamat daripada ancaman nuklear. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti yang telah dibentangkan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:-

- (1) Mengutuk sekeras-kerasnya Kerajaan Perancis kerana menyambung semula ujian nuklear di Lautan Pasifik Selatan, perbuatan yang tidak bermoral dan bertanggungjawab bukan sahaja kepada rakyat Pasifik Selatan tetapi terhadap kemanusiaan walaupun terdapat bantahan masyarakat seluruh dunia;
- (2) Menuntut sekeras-kerasnya kepada semua kuasa-kuasa nuklear untuk berikrar akan menghentikan sama sekali sebarang ujian nuklear dan menghormati moratorium mengenai persenjataan nuklear menjelang penerimaan perjanjian pengharaman ujian nuklear yang menyeluruh pada tahun 1996;
- (3) Menyeru sekuat-kuatnya kepada rakyat seluruh dunia dan khususnya kepada rakyat negara-negara pemilik senjata nuklear supaya terus berjuang untuk mengutuk sebarang pengeluaran dan ujian peralatan nuklear yang akan menjejaskan usaha-usaha antarabangsa ke arah perlucutan dan seterusnya penghapusan senjata nuklear;

- (4) Menuntut sekeras-kerasnya kepada Kerajaan Perancis supaya memohon maaf tanpa syarat kepada rakyat kepulauan Pasifik Selatan dan membayar ganti rugi kepada mereka kerana kesalahannya menjejaskan menghancurkan alam sekitaran semula jadi mereka dan tidak mengendahkan tentangan dan bantahan masyarakat antarabangsa yang meluas terhadap ujian-ujian nuklearnya itu;
- (5) Menuntut sekeras-kerasnya kepada Kerajaan Perancis supaya menubuhkan dana di bawah kelolaan PBB untuk membiayai rakyat Pasifik Selatan memulihkan kehidupan mereka yang terjejas oleh kesan-kesan nuklear itu; dan
- (6) Dewan ini membuat ketetapan menyerahkan usul yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kepada Parlimen Perancis serta ahli-ahli lain Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. [*Tepuk*]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua**DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut”. [*9hb. November, 1995*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading, sila sambung ucapan.

5.36 ptg.

Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya masa yang begitu panjang selama empat hari berfikir untuk menyambung semula ucapan saya bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, latihan untuk melahirkan tenaga buruh yang tahan lasak haruslah di pertingkatkan. Kita berasa hairan, mengapa kebanyakan belia kita,

kebanyakannya cuma berminat bekerja di kilang-kilang yang gajinya cuma lebih kurang RM600, sedangkan orang-orang asing yang datang dari luar boleh mendapat gaji yang lebih baik dan lebih lumayan di sektor perladangan atau pembinaan. Jawapannya ialah kerana belia-belia kita tidak tahan lasak. Kalau mereka ini tahan lasak, sudah tentu mereka sanggup bekerja di tempat-tempat yang menawarkan gaji yang lebih lumayan dari apa yang didapati daripada kerja-kerja dikilang. Inilah yang perlu dilihat oleh kita semua, program tenaga kerja perlu diberikan pendekatan yang lebih hebat lagi.

Untuk itu, saya suka mencadangkan supaya bagi melahirkan belia-belia yang tahan lasak, pelajar-pelajar selepas menjalani peperiksaan SPM diwajibkan menjalani latihan asas ketenteraan supaya pelajar-pelajar itu tidak sempat untuk melepak atau terpengaruh dengan unsur-unsur negatif. Dalam kursus-kursus tersebut juga disertakan dengan kursus-kursus memantapkan akidah dan moral, kursus rumah tangga dan lain-lain yang kita namakan kursus tersebut ialah Kursus Jatidiri Peggerak Wawasan.

Tuan Yang di-Pertua, kad kredit Islam. Langkah kerajaan menghadkan penggunaan kad kredit yang lebih menjurus kepada kenaikan kadar inflasi adalah wajar. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh nafikan keperluan mempunyai dan menggunakan kad kredit ini, apa yang kita musykilkan ialah adakah kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sistem kad kredit yang berlandaskan sistem Islam. Dalam cara muamalah moden ini, penggunaan wang plastik itu adalah kaedah yang begitu memudahkan, jadi dalam melahirkan masyarakat madani, sistem yang baik boleh kita ubahsuai supaya ianya tidak bertentangan dengan hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pungutan zakat yang lebih sistematik. Saya menyokong saranan beberapa orang rakan yang menyuarakan supaya satu mekanisme dicari supaya orang-orang Islam membayar zakat dengan lebih teratur dan lebih menyeluruh.

Di sini, saya suka menambah iaitu jika denda dan hukuman di kenakan kepada anggota masyarakat yang gagal membayar cukai pendapatan, maka hukuman juga hendaklah dikenakan kepada masyarakat Islam yang engkar mengeluarkan zakat. Di zaman Khalifah Abu Bakar As-siddiq Radiallahu'anh, beliau telah memerangi orang-orang Islam yang ingkar untuk mengeluarkan zakat.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan agama Islam - saya amat mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menambah peruntukan bagi meningkatkan lagi prasarana pendidikan agama di tanahair ini bagi melahirkan lebih ramai lagi ilmuan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita apabila wakil pembangkang dari Marang menyebut bahawa sistem pendidikan agama di Malaysia hanyalah melahirkan ulama-ulama burung kakak tua. Dahulu kita pernah dengar pembangkang menggelar ulama yang menyokong kerajaan sebagai ulama terompah kayu. Tidakkah Yang Berhormat dari Marang sedar, bahawa mereka juga adalah dilahirkan dari sistem pendidikan yang ada pada hari ini. Sepatutnya mereka bersyukur dan menghayati Firman Allah S.W.T. yang dibaca oleh rakan saya dari Larut yang berbunyi [*Membaca ayat Al-Quran*], yang bermaksud “sekiranya kamu bersyukur nescaya Aku tambah, dan sekiranya kamu kufur bahawasanya azabKu amatlah pedih”.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah mereka sedar bahawa ulama-ulama yang digelar burung kakak tua inilah yang telah banyak berjaya membantu kerajaan dalam usaha

menegakkan syiar Islam di negara ini. Mereka bukan sahaja bercakap tetapi bekerja bersungguh-sungguh sehingga membuah dan menghasilkan sesuatu yang baik. Bukan seperti pembangkang, umpama “burung belatuk” yang hanya membuat bising sambil memusnahkan - makin banyak berketuk, makin banyak kerosakan dibuat. Lubang sana, lubang sini. Saya bimbang kata-kata pepatah ini akan berlaku “punggur rebah, belatuk tumpang mati”.

Tuan Yang di-Pertua, antara burung kakak tua dengan burung belatuk banyak bezanya. Burung kakak tua harganya mahal, burung belatuk tidak laku dan burung kakak tua dia suka puji tuannya, kalau tuannya kata “assalamu’alaikum” dia kata “assalamu’alaikum” dan kalau tuannya kata “selamat pagi”, dia kata “selamat pagi”. Burung belatuk dia cuma tahu ketuk sahaja. Punggur tempat dia cari makan pun dia ketuk dan dia hentam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan iaitu kerajaan mestilah mengambil lebih banyak lagi tindakan untuk menjadikan pendidikan agama di negeri ini dengan lebih berdaya maju lagi. Sikap kita ialah, kita bukan hanya mahu melahirkan ulama yang berwibawa yang tahu membuat hukum sahaja,. Tetapi ulama itu mesti tahu cara hendak berniaga, membuat kapalterbang, mahir dalam sektor perladangan, perumahan, perubatan, kejuruteraan dan lain-lain lagi, barulah kita boleh menyaingin apa yang telah dibuat oleh ulama-ulama silam seperti Ibnu Sina, Ibnu Rusyd dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kemudahan-kemudahan bagi sekolah-sekolah agama rakyat mestilah ditambah dan diberikan perhatian yang sewajarnya. Pengwujudan perjawatan guru agama dan kakitangan mestilah dipertimbangkan dengan sewajarnya. Saya rasa sedih kerana permohonan mewujudkan jawatan guru-guru agama dan kakitangan bagi Sekolah Menengah Agama Ma’ahad Johor dan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor di Kluang, yang sebelum ini saya adalah menjadi pengetuanya, yang dipohon sejak tahun 1981

hingga sekarang belum diluluskan, walaupun telah beberapa kali dibuat perundingan dengan JPA, namun hingga sekarang belum ada hitam putih kelulusan pengwujudan jawatan tersebut. Semasa rundingan secara lisan - setuju. Laporan demi laporan diminta tetapi hingga sekarang jawatan belum diwujudkan. Hampir 100 orang tenaga pengajar dan kakitangan di Ma'ahad dan Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang, daripada pengetuanya sampailah penolong kanannya dan guru-gurunya berjawatan kontrak ataupun guru yang dipinjam. Macam manalah sekolah agama hendak maju dan bersaing dengan sekolah-sekolah lain?

Oleh itu, harapan saya kelulusan pengwujudan jawatan tersebut hendaklah disegerakan. Begitu juga permohonan-permohonan lain yang dimajukan oleh Jabatan Agama Johor hendaklah dipertimbang dan diluluskan. Antaranya, permohonan melaksanakan gaji dua skim guru-guru agama kerajaan Johor. Kedua, permohonan pengiktirafan sijil perguruan asas guru-guru agama kerajaan Johor, dan ketiga, permohonan 92 orang guru agama kelulusan SRP ke jawatan tetap.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Jelebu bekas pegawai JPJ selalu menyuarakan masalah JPA, apa salahnya saya bekan pegawai pendidikan. Jabatan Agama menyuarakan hal-hal agama dan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-anti hadis - gerakan anti-hadis masih lagi menjalar dalam masyarakat terutama di pusat-pusat pengajian tinggi yang menjadi kegelisahan masyarakat. Di Dewan ini, sukalah saya mengulangi sekali lagi pendapat saya bahawa tindakan untuk menyekat serta membanteras gejala-gejala yang boleh merosakkan akidah serta mengancam perpaduan ummah Islam yang dilakukan oleh kumpulan ini mesti disekat dan dibanteras serta-merta. Kalau kerajaan boleh mengambil tindakan kepada kumpulan al-Arqam melalui undang-undang ISA, mengapakah tidak tindakan yang sama boleh diambil

atau tidak diambil terhadap kumpulan ini? Jangan sampai sudah terantuk baru tengadah - nasi menjadi bubur. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Hamzah bin Ramli: Ya. Permasalahan jalan tar di luar bandar. Terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan peruntukan yang besar untuk kemudahan penduduk luar bandar, terutama kemudahan menaikkan taraf jalan tanah merah kepada jalan berturap tar. Ini memang satu keperluan bagi penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini, jalan-jalan kampung yang diturap dengan tar sering dilalui atau diceroboh oleh lori-lori yang membawa muatan berat yang berlebihan. Lori-lori ini mencuri melalui jalan-jalan ini terutama pada waktu malam untuk jalan pintas ke bandar-bandar atau pekan yang berhampiran. Lori yang membawa muatan berat seperti kelapa sawit, bahan-bahan binaan dan kadang-kadang lori balak pun ikut curi lalu. Macam mana jalan-jalan tar kampung boleh tahan lama? Kalau ada tangkapan, senyap sekejap, dua tiga minggu selepas itu lori-lori lalu semula. Sebagai contohnya jalan di kawasan Parit Yani menghala ke Sengkuang dalam Parlimen Sri Gading. Jalan Parit Botak menghala ke Rengit. Ini dijadikan jalan pintas ke Batu Pahat atau Pontian oleh lori-lori berat. Ini bukan sahaja menyebabkan jalan tersebut rosak teruk malah mengganggu ketenteraman penduduk kampung dalam keheningan malam apabila lori-lori berat lalu, bukan sahaja jalan yang rosak, malah rumah-rumah kampung di kiri kanan jalan bergegar tiang seri dibuatnya. Kasihan - mereka mengadu kepada saya, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk mengatasi perkara ini, dua perkara saya sarankan. Pertama - saya sokong kalau kerajaan buat jalan di luar bandar biarlah jalan itu betul-betul kukuh sebagaimana yang diperkatakan oleh Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya. Kedua, tindakan tegas

mesti diambil kepada lori-lori degil yang membawa muatan berat yang merosakkan jalan-jalan kerana perosak mesti dihukum. Allah tidak suka kepada orang yang membuat kerosakan - firman Allah [*membaca ayat al-Quran*] - yang bermaksud, Allah tidak suka kepada orang-orang yang membuat kerosakan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Hamzah bin Ramli: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah minta gulung tadi, sudah cukuplah itu.

Tuan Hamzah bin Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua .

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.49 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam ini”.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang dikemukakan tadi iaitu:

Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam ini,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam ini.

Bacaan Kali Yang Kedua**DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

Perbahasan disambung semula.

5.50 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Belanjawan 1996 menerima pujian oleh banyak pihak terutama media massa yang dikuasai oleh Barisan Nasional sebagai Belanjawan baik untuk membantu rakyat tetapi hakikatnya rakyat dari golongan berpendapatan rendah masih terus bertarung dengan kos sara hidup yang semakin meningkat baik dari kawasan luar bandar mahupun dari kawasan bandar kerana mereka kurang mendapat faedah dari Belanjawan tersebut. Saya ingin memberi contoh dalam beberapa bidang yang penting kepada kesejahteraan hidup yang mana golongan miskin tidak mendapat fair deal, dengan izin.

Pertama ialah mengenai bidang penjagaan kesihatan. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada mengumumkan dalam ucapan Belanjawannya yang lalu mengenai cadangan memansuhkan duti import dan cukai jualan ke atas peralatan perubatan. Saya mengakui bahawa ini merupakan langkah baik tetapi pemansuhan duti import dan cukai jualan ini nampaknya lebih memberikan faedah kepada badan-badan korporat yang mempunyai hospital-hospital persendirian.

Saya tidak yakin, misalnya kos pembedahan akan dikurangkan berikutan pemansuhan duti import dan cukai jualan ke atas peralatan perubatan. Saya tidak yakin pemansuhan ini akan membawa kepada pengurangan kos penjagaan kesihatan rakyat kerana apa juga

pengurangan kos pembelian peralatan perubatan, ia memberi kesan kepada kos modal pada jangka panjang sahaja. Contohnya mesin MRI yang menelan kos berjuta ringgit, pemansuhan duti dan cukai tidak akan menghasilkan penurunan caj rawatan perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi prihatin kepada kita mengenai kenaikan kos penjagaan kesihatan di Malaysia ini ialah kegagalan kerajaan mengawal harga ubat-ubatan dan juga pengenaan cukai perkhidmatan 5% ke atas kos rawatan perubatan. Kebanyakan pesakit mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta dan saya ingin menegaskan di sini bahawa pengecualian cukai dan duti ini tidak akan memberi faedah kepada golongan pesakit berpendapatan rendah baik tua mahupun muda. Berapa ramaikah pesakit yang boleh membeli peralatan sendiri berikutan pemansuhan duti dan cukai ke atas peralatan perubatan yang diperlukan misalnya mesin haemodialisis. Hanya pesakit buah pinggang yang kaya dan berkemampuan boleh membeli alat tersebut sedangkan pesakit-pesakit miskin terpaksa bergantung kepada mesin rawatan yang disediakan oleh hospital kerajaan atau hospital swasta.

Bagaimana pula pesakit-pesakit lain yang memerlukan rawatan jangka panjang seperti terpaksa menelan ubat pada setiap hari misalnya pesakit jantung, diabetes, barah, hypertension dan berbagai-bagai lagi di mana mereka memerlukan ubat setiap hari bagi meredakan kesakitan sedangkan harga ubat semakin mahal. Penyakit apabila datang, ia tidak mengira orang kaya atau miskin, tua atau muda. Bagi yang tidak berkemampuan, penyakit yang dihidap akan menyebabkan pesakit kehilangan keupayaan bekerja, tidak ada sumber pendapatan sedangkan tiap hari mereka perlu memakan ubat sedangkan ianya mahal.

Oleh itu, apa yang kerajaan patut berbuat ialah mengenal pasti keperluan perubatan asas bagi pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan. Saya mencadangkan supaya Yang

Berhormat Menteri Kewangan memperluaskan lagi skop pengecualian cukai dan duti ke atas ubat-ubat yang diimport terutama ubat yang perlu dimakan setiap hari oleh pesakit. Apa yang sungguh dikesali ialah Malaysia adalah salah sebuah daripada beberapa negara di dunia yang mana tidak terdapat kawalan harga ubat-ubatan. Akibatnya harga ubat di Malaysia semakin meningkat setiap tahun. Masalah ini juga menyumbang kepada kenaikan kos penjagaan kesihatan dan seterusnya mengakibatkan inflasi.

Ini juga satu fakta bahawa kebanyakan harga ubat meningkat mahal lebih cepat daripada kadar inflasi itu sendiri. Ini berpunca daripada harga ubat yang tidak dikawal selia oleh kerajaan. Adalah sungguh malang kerana Kementerian Kesihatan tidak banyak berbuat untuk menurunkan malah menstabilkan harga ubat di negara ini. Jika kerajaan benar-benar hendak membantu golongan pesakit miskin dan tidak berkemampuan, maka semua ubat yang diimport patutlah dikecualikan daripada cukai. Masa kini, 70% ubat yang diperlukan dalam negara ini datangnya dari pengimportan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cukai perkhidmatan pula yang sehingga kini masih lagi dikuatkuasakan adalah munasabah jika kerajaan dapat menghapuskannya dari terus dikenakan ke atas setiap bil perubatan dan rawatan kerana dengan ini beban kewangan golongan pesakit miskin dapat dikurangi. Bukan semua pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital swasta mampu membayar 'fee' rawatan dan perubatan yang tinggi dan mahal. Kebanyakan pesakit terutamanya yang berpenyakit serius memutus untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta kerana mereka tidak sanggup menunggu giliran yang terlalu lama di hospital kerajaan.

Kebanyakan pesakit selepas menjalani rawatan di hospital swasta menjadi pemikul hutang. Dengan penghapusan cukai perkhidmatan 5% dari dikenakan ke atas bil perubatan, sedikit-sebanyak ia boleh membantu meringankan beban golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta kerajaan menimbang semula rancangan korporatasi semua hospital besar di seluruh negara kerana masanya belum sampai lagi. Walaupun Malaysia sedang bergerak dalam proses menjadi negara maju selaras dengan Wawasan 2020. Kita tidak boleh menafikan hakikat bahawa masih ramai golongan pesakit miskin yang bergantung kepada hospital kerajaan kerana di situ mereka dikenakan caj nominal sahaja.

Trend komersilisasi sektor perubatan telah pun diprogramkan di Malaysia. Kita boleh memerhatikan sepanjang dekad yang lepas terdapat pertumbuhan dan pertambahan bilangan hospital swasta dan lain-lain kemudahan penjagaan kesihatan. Semuanya dimiliki oleh syarikat perniagaan yang mana objektif utama ialah mencari keuntungan. Oleh itu, jika semua hospital kerajaan telah diswastakan, maka golongan berpendapatan rendah akan dinafikan hak equitable access dan affordable treatment, dengan izin, yang boleh diperolehi di hospital awam.

Saya berharap kerajaan dapat menggugurkan rancangan penkorporatasian hospital-hospital kerajaan bagi memastikan penjagaan kesihatan tidak menjadi bahan komoditi dan budaya niaga (culture of profit) dalam urusan harian masa kini. Saya ingin kerajaan memahami, mengejar keuntungan sebagai matlamat utama mengkorporatiskan hospital tidak patut diterima dari sudut pandangan profesional, sosial dan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang kerajaan kurang membantu golongan miskin ialah penyediaan rumah awam kos rendah untuk mereka. Dalam ucapan

Belanjawannya, Menteri Kewangan ada menyebutkan bahawa tambahan RM1 bilion akan diperuntukkan lagi bagi Tabung Perumahan Kos Rendah memandangkan jumlah rumah yang terbina masih belum dapat menampung permintaan yang sentiasa bertambah.

Menurut jawapan bertulis pada satu soalan di Dewan ini pada 23hb. Ogos tahun ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa sasaran rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keenam ialah RM40,000 tetapi sehingga Julai tahun ini, hanya sejumlah 11,506 unit atau 28.8% telah siap dibina. Bagaimana bakinya? Bilakah dapat disiapkan? Kerana tempoh Rancangan Malaysia Keenam hampir sampai ke garis penamat.

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun baru-baru ini ada berkata bahawa ada 93% rumah telah siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Keenam tetapi daripada jumlah rumah yang siap dibina itu iaitu 573,000 buah rumah kebanyakan daripada rumah itu ialah rumah-rumah kos sederhana dan kos tinggi dan kos rendah hanya berjumlah 28.8% sahaja.

Semua orang tahu bahawa objektif utama pemaju swasta ialah mengaut keuntungan dari jualan rumah yang dibina, kerana harga rumah kos sederhana dan tinggi semakin meningkat. Faktor ini mendorong mereka melakukan full swing pembinaan rumah kos sederhana dan mahal, sebaliknya mengabaikan pembinaan rumah kos rendah dan gagal menjaga kebajikan golongan miskin yang tidak mempunyai rumah. Ini satu rekod yang sungguh dikesali, bayangkanlah tempoh Rancangan Malaysia Keenam akan tamat kurang 2 bulan lagi. Ini satu prestasi yang memalukan kerana kerajaan gagal dalam tugasnya menyediakan rumah yang cukup bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Kerana kegagalan kerajaan golongan dan keluarga miskin menghadapi masalah perumahan yang paling teruk khasnya di kawasan-kawasan bandar, ia menimbulkan masalah sosial yang sukar diatasi. Ini bermakna keluarga terpaksa tinggal di rumah-rumah setinggan yang serba-serbi kekurangan kemudahan asas serta persekitarannya seperti slump, kadar sewa pun tinggi juga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan selalu bercakap besar tidak mahu kalah sejak beberapa dekad lalu dan kerap menghantar delegasi ke luar negeri seperti Singapura untuk belajar bagaimana kerajaan tersebut berjaya membina rumah yang cukup untuk rakyat, tetapi mengapa kerajaan kita masih gagal?

Di Kuala Lumpur misalnya terdapat lebih 100,000 keluarga berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyewa dan membeli rumah kos rendah sejak bertahun-tahun lalu, tetapi masih belum berjaya lagi.

Saya ingin menggesa kerajaan supaya melakukan kajian menyeluruh mengenai kegagalannya dalam program perumahan kos rendah. Untuk tujuan ini adalah wajar sebuah lembaga khas perlu ditubuhkan bagi merancang dan membangunkan perumahan rumah kos rendah secukupnya untuk golongan miskin, sebagai memenuhi keperluan mereka sekurang-kurangnya sehingga tahun 2020.

Satu perkara lagi yang saya ingin timbulkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk oleh jawapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya di Dewan ini pada 2hb November, iaitu kerajaan akan menswastakan projek pembinaan dua buah jalan, Jalan Sungai Besi dan Jalan ke Putrajaya. Ini merupakan satu lagi projek penswastan pembinaan jalan yang menguntungkan syarikat-syarikat swasta yang diberikan perjanjian konsesi.

Saya terkejut kerana projek yang sebahagian besarnya meliputi penglebaran jalan yang ada, bukan pembinaan jalan baru masih boleh dibenarkan mengutip tol selama 33 tahun. Ini merupakan satu projek yang membawa keuntungan beratus-ratus juga jika bukan ribuan juta ringgit kepada syarikat konsesi.

Rakyat negara ini nampaknya terpaksa membayar caj tol yang tidak munasabah memandangkan banyak jalan dan lebuh raya yang diswastakan. Selepas perjanjian konsesi ditandatangani bilangan trafik semakin bertambah berbanding dengan bilangan trafik yang dijangkakan sebelum perjanjian jauh berkurangan. Atas alasan bahawa bilangan trafik berkurangan, maka syarikat konsesi diberikan tempoh kebenaran mengutip tol yang lama bagi menampung semula kos yang telah mereka keluarkan. Apa yang berlaku bilangan trafik bertambah banyak selepas kutipan dijalankan dan syarikat meraih banyak keuntungan.

Begitu juga projek melebarkan Jalan Cheras dari dua ke tiga lorong sebelah bermula dari sempadan Kuala Lumpur-Selangor ke pekan Kajang di Selangor yang mana kutipan tol akan dibuat oleh syarikat konsesi bagi tempoh sangat lama juga. Rakyat terpaksa memikul beban membayar tol bagi kerja projek yang tidak seberapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan supaya mengumumkan secara terbuka semua perjanjian konsesi projek penswastaaan jalan-jalan lebuh raya, jambatan di seluruh negara kerana rakyat berhak mengetahui apakah syarat ada terma yang memihak kepada syarikat konsesi yang mana pengguna jalan raya dan rakyat seluruhnya menjadi mangsa kepada syarat yang tidak adil. Misalnya, satu syarat yang membenarkan PLUS menyemak setiap tiga tahun kadar pengenaan tol di lebuh raya sungguhpun PLUS sudahpun mengaut keuntungan berlipat ganda. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hulu Terengganu.

6.05 ptg.

Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, pertama sekali saya dapat berpeluang untuk sama-sama membahaskan Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan beberapa minggu yang lalu.

Saya juga sebagai Wakil Rakyat Parlimen yang jauh iaitu Hulu Terengganu telah dapat bercakap terkemudian kerana hulu ini jauh sedikit. Namun demikian, Belanjawan yang dibentangkan berjumlah RM55.67 bilion merangkumi Belanjawan bagi Pengurusan dan juga Pembangunan bolehlah disifatkan sebagai Belanjawan yang berteraskan kebajikan negara.

Intisari daripada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, tiga perkara penting dapat disimpulkan.

Yang pertama sekali, hasrat pemimpin besar kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya untuk menjadikan negara Malaysia negara yang aman makmur dan berkeadilan. Saya percaya kalimah yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, *Aauzubillahiminasayaiton nirojim*, ‘*Baldatun Taiyibatun Warobbun Ghafur*’ iaitu negara yang berkeadilan dan mendapat keampunan Allah S.W.T ini mungkin akan tercapai, dengan sebab empat perkara penting mesti diwujudkan.

Yang pertama sekali ialah kestabilan politik dalam negara ini. Kalau kita sebut kestabilan politik, sudah jelas apa yang disebut oleh Nabi besar kita Muhammad s.a.w yang bermaksud: Pertolongan Allah S.W.T itu datang daripada jemaah yang banyak. Maka jemaah yang banyak sudah pastilah kumpulan Barisan Nasional yang mana terdiri daripada pelbagai kaum dan juga parti-parti politik yang bergabung dalam satu barisan yang kuat.

Yang kedua ialah keamanan yang terjamin sudah pasti hidup dalam negara yang berbilang kaum, kita mempunyai persefahaman yang baik dan boleh menjamin keamanan.

Yang ketiga ialah ekonomi yang mantap dan meningkat. Sudah jelas kita lihat Belanjawan hari ini bagi tahun 1996 akan datang ini, telah menjuruskan kepada kemantapan ekonomi dan juga ketentuan keselamatan bagi menjamin keseluruhan rakyat dapat hidup dengan baik dan selesa.

Yang keempat ialah keadilan sosial.

Inilah keempat-empat yang penting, yang seharusnya kita fikirkan.

Kita berterima kasih dan mengucapkan tahniah. Rakyat Hulu Terengganu berasa berbangga dengan Belanjawan yang telah dibentangkan. Nanum demikian, saya suka juga hendak menyuarakan terutama sekali bagi negeri Terengganu khususnya Hulu Terengganu mempunyai satu empangan yang besar iaitu Hidro Elektrik Kenyir yang telah termasyhur yang dianggap terbesar setakat ini. Empangan ini telah dibina lebih 15 tahun yang lalu dan telah beroperasi dengan mempunyai empat objektif.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali ialah untuk menjana elektrik yang menjadi bahan tenaga ke seluruh negara telah pun beroperasi dengan begitu besar.

Yang kedua ialah, takungan air untuk membendung banjir. Alhamdulillah, persisiran daripada Kenyir sampai ke Kuala Terengganu tidak lagi berlaku banjir walaupun hujan begitu lebat.

Yang ketiga ialah, memproses air. Kerajaan Negeri Terengganu telah pun menjalankan usaha joint-venture dengan syarikat-syarikat Timur Tengah untuk menjual air daripada Tasik Kenyir ini ke Timur Tengah. Insya Allah, dalam masa beberapa tahun lagi sesiapa yang akan pergi menunaikan fardu Haji, dia akan dapat minum air Kenyir yang telah

diproseskan di Mekah. Ini dapat memasukkan perbelanjaan dan keuntungan kepada Kerajaan Negeri.

Yang keempat ialah, industri pelancongan. Saya hendak menyentuh soal pelancongan ini kerana saya lihat perbelanjaan bagi industri pelancongan ini amat besar. Jadi, setakat ini Tasik Kenyir yang telah dipromosikan sebagai pusat pelancongan dan diharapkan menjadi pusat yang begitu besar yang setaraf dengan Langkawi atau lain-lain pusat pelancongan. Tetapi industri pelancongan ini telah pun diurus atau dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Terengganu Tengah iaitu KETENGAH yang telah mengambil alih tugasnya daripada Kerajaan Negeri. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada KETENGAH yang telah berusaha bagi mempromosi dan memajukan tetapi namun demikian, bagi meningkatkan sebagai sumber pelancongan yang boleh mendatangkan hasil yang baik kepada negara, salah satu sumber terbaru yang menjadi penambahan ekonomi kepada negara, maka saya mengharapkan Tasik Kenyir ini diperbadankan ataupun dibentuk satu lembaga yang khusus bagi memajukan Tasik Kenyir dan bukan sahaja untuk mempromosikan tetapi merancang dan membangunkan Tasik Kenyir itu sendiri.

Jadi, saya mengharapkan Kerajaan Pusat supaya menyelidiki semula Tasik Kenyir ini yang menjadi idaman yang baik, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kerap kali secara senyap-senyap pergi ke Tasik Kenyir. Begitu juga Timbalan Perdana Menteri yang pernah datang ke Tasik ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu banyak kali rakan-rakan kita bercakap dalam soal pendidikan. Saya suka juga hendak bercakap soal pendidikan ini kerana rakyat Malaysia yang akan lahir dalam tahun 2,020 ataupun 2020 adalah menjadi aset kepada negara kita. Oleh sebab itu, tiga perkara penting yang saya nampak dalam soal pendidikan ini yang sedang

dihadapi terutama sekali bagi rakyat-rakyat di luar bandar, penduduk-penduduk di pedalaman, yang pertama sekali ialah tentang penempatan guru. Kita sentiasa heboh baik dalam media massa ataupun lain-lain diperkatakan bahawa kekurangan dan kelemahan murid di luar bandar terutama sekali dari segi bahasa Inggeris dan Matematik.

Saya teliti dalam soal ini, sudah banyak guru-guru menyatakan bahawa penempatan guru tidak berkualiti, penempatan guru di kampung-kampung dan luar bandar banyak mendatangkan masalah yang besar. Guru-guru yang berkebolehan bahasa Inggeris dan Matematik tidak mahu bertugas di luar-luar bandar dan mereka suka bertugas di kawasan yang berhampiran dengan bandar ataupun dalam bandar.

Jadi, masalah ini akan timbul kekosongan guru-guru yang baik yang mempunyai kebolehan bahasa Inggeris ataupun Matematik tetapi ditempatkan guru-guru sandaran yang tidak berkebolehan. Tahun ini sahaja bila kita lihat keputusan SMR ataupun sekolah di peringkat asas, sekolah menengah di luar bandar, keputusan begitu jauh sekali dari segi bahasa Inggeris dan juga Matematik. Jadi, kalau sudah peringkat sekolah rendah sudah pun mereka mendapat kelemahan bahasa Inggeris ataupun Matematik, apatah lagi untuk menghadapi mata pelajaran Sains bagi tahun 1996, maka sudah tentu murid-murid ini apabila datang ke sekolah menengah mereka lagi nampak gelap dan gagal menghadapi mata-mata pelajaran tersebut.

Yang kedua, dari segi kemudahan kekurangan bilik-bilik darjah. Ini juga menjadi satu hal yang amat penting. Di kawasan saya di Hulu Terengganu ada dua buah sekolah, iaitu Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan sebagai sekolah yang pertama wujud di daerah ini, sekarang ini sudah meningkat 2,000 lebih penuntut tetapi menghadapi dua masalah besar.

Yang pertama sekali, sesi pengajian yang sepatutnya boleh dibuat sebelah pagi telah berlaku dua sesi iaitu pagi dan petang.

Yang kedua, masalah kesesakan dan tidak ada ruang belajar yang baik. Jadi, saya mengharapkan Kementerian Pendidikan dengan peruntukan yang begitu besar cuba menyelidiki kekurangan bilik-bilik darjah dan juga asrama-asrama khususnya asrama-asrama desa mestilah diperbaiki.

Yang ketiga dalam soal pendidikan ini, ialah masalah kenaikan pangkat guru-guru. Saya melahirkan rasa amat dukacita selaku rakyat Terengganu dan banyak guru-guru daripada Terengganu pada tahun 1996, tahun ini kenaikan pangkat 20 orang lebih kekosongan yang berlaku di Terengganu, seorang pun guru-guru Terengganu tidak dapat kenaikan pangkat. Rungutan daripada rakan-rakan saya di kalangan guru-guru berasa amat sedih, adakah tindakan ini memungkinkan bahawa guru-guru Terengganu tidak layak kerana ada guru yang menjadi Pengetua Sekolah Gred B semenjak tahun 1994 sampai sahaja penilaian bagi tahun 1995 tidak dapat naik pangkat jadi Pengetua untuk sekolah Gred A. Saya tidak tahu di mana silapnya dan telah menjadi isu yang amat penting kepada guru-guru di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal pendidikan ialah soal pertanian. Kerana kita datang daripada keluarga pertanian kawasan yang 100% pertanian. Hulu Terengganu, barangkali juga Tuan Yang di-Pertua pun termasuk orang dalam kawasan saya, Hulu Terengganu. Di Terengganu dan mungkin juga di negeri-negeri lain banyak kawasan-kawasan tanah terbiar. Jadi, tanah-tanah terbiar ini tidak boleh kita biarkan kerana penduduk negara Malaysia pada tahun 1995 telah meningkat 20 juta dan dalam tahun hendak sampai 2020 mungkin meningkat sampai 30 atau 40 juta. Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri pernah menyatakan bahawa negara Malaysia mampu menampung 70 juta rakyat. Jadi, kalau sudah peningkatan rakyat begitu lebih, mestilah permintaan untuk bahan makanan itu meningkat dan sekarang ini juga negara kita masih lagi mengimport bahan-bahan makanan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal yang ada di hadapan kita ini, kawasan-kawasan pertanian yang ramai rakan kita daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap untuk menambah peningkatan bahan makanan dalam negara ini, apa yang penting kepada kita ialah menumpukan sepenuhnya pemilik-pemilik tanah yang terbiar, tidak boleh kita bertolak ansur. Saya mencadangkan kepada beberapa kementerian yang berkenaan, terutama sekali Kementerian Pertanian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan juga agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan dengan tanah, termasuk juga Majlis Tanah Negara cuba disepadukan, memprogramkan satu gerakan yang bersepadu dan melihat mana-mana tanah yang terbiar hendaklah dimajukan dengan begitu baik supaya dapat menghasilkan tanaman-tanaman yang boleh memberi bahan makanan dan penambahan hasil makanan ini kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T. telah pernah menyebut, maksudnya, “Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. iaitu Nabi Besar kita Muhamad S.A.W. adalah contoh Nabi yang baik kepada kita”. Di dalam soal penggunaan tanah ini, pernah Rasulullah S.A.W. menyebut, mana-mana pemilik tanah yang tidak diusahakan boleh ditarik balik. Ini risiko yang tinggi, saya bercakap ini. Mungkin orang marah tetapi demi untuk kebaikan, meningkatkan prestasi tanaman kita, maka perlulah kerajaan khususnya Kementerian Pertanian meneliti supaya kawasan-kawasan tanah terbiar hendaklah dimajukan bagi menambahkan hasil makanan kepada rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah soal media massa iaitu Kementerian Penerangan Malaysia. Saya bukan hendak bercakap soal TV atau media massa, tetapi saya hendak bercakap tentang soal Jabatan Penerangan Malaysia sebab saya pernah berkhidmat dengan Jabatan Penerangan ini dan saya perlu bercakap. Pertama sekali, ramai Menteri kita, Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang datang ke Terengganu ataupun yang berada di Terengganu, mana-mana majlis rasmi mestilah digunakan alat siaraya daripada Jabatan Penerangan dan ada-kalanya dia slack, tak bersuara. Bila kita tilikki, ada alat-alat yang telah berumur 30 tahun tidak diganti. Saya hendak bertanya Kementerian Penerangan ini kerana nampaknya tumpuan lebih kepada media elektronik, tumpuan lebih kepada masalah TV tetapi tidak kepada Jabatan Penerangan.

Dalam soal Jabatan Penerangan ini ada seksyen yang penting, iaitu Bahagian Hal Ehwal Khas. Sekarang ini kalau kita hendak mendapat maklum balas (feed-back) dengan baik dan mengetahui hati nurani rakyat, tidak padan dengan TV, hanya setakat berita (news) dan sebagainya. Tetapi kalau hendak bersemuka, mestilah dengan pegawai itu sendiri, membuat perhimpunan sivik dan sebagainya. Tetapi apa yang menyedihkan kita, peruntukan bagi Jabatan Penerangan ini agak sedikit dan sekarang ini seolah-olah macam terpinggir. Jadi, saya mengharapkan Kementerian Penerangan supaya mengkaji secara mendalam dan mengubah suai cara tindakan mengikut selera sekarang ini. Alat-alat hendaklah diganti.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukuplah. Minta gulung, ya.

Tuan Haji Mustafa bin Muda:....alat-alat baru yang lebih canggih mestilah diganti. Jadi, oleh sebab itu saya mengharapkan supaya Kementerian Penerangan dalam soal komunikasi bersemuka ini iaitu interaksi di antara pegawai dengan orang ramai mestilah

dipertingkatkan supaya dapat membendung apa juga masalah ataupun isu yang berlaku daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-bbilang terima kasih. Kesimpulannya, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Belanjawan yang telah dibentangkan ini. Insya-Allah, kita mengharapkan negara kita akan menjadi negara “Baladun Tayyibatun Warabbun Ghafur”, negara yang mendapat keampunan Allah dan berkebajikan mudah-mudahan, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu. Minta Yang Berhormat berucap 15 minit, ya, supaya kesemua boleh berucap pada malam ini, 15 minit ya?

6.26 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain ingin menyatakan hasrat dan rasa kesyukuran di atas pembentangan Belanjawan 1996 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 27hb. yang lalu dan sesungguhnya rata-rata masyarakat menyatakan bahawa Belanjawan tahun hadapan adalah merupakan satu belanjawan yang mantap bagi masyarakat dan rakyat yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan pembahagian peruntukan-peruntukan kepada kementerian-kementerian, kita amatlah berterima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil kira kepentingan-kepentingan bagi kementerian-kementerian untuk memberikan perkhidmatan yang baik di antara yang terbaik kepada masyarakat kita.

Ingin saya menyentuh kepada Kementerian Pengangkutan, Tuan Yang di-Pertua, iaitu masalah nombor pendaftaran kenderaan. Nombor pendaftaran kenderaan ini sebagaimana

yang kita tahu, bagi nombor-nombor single iaitu 1 sampai 10, ianya dikenakan tender yang begitu tinggi, kadang-kadang ada nombor itu yang melebihi daripada harga kenderaan seseorang itu.

Apa yang ingin saya syorkan ialah nombor-nombor ini juga haruslah dipertimbangkan kepada golongan politik, Ahli-ahli Parlimen, Wakil-wakil Rakyat, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen. Kalau boleh, kementerian juga memikirkan kemungkinan mereka yang berkenaan ini hanya diberikan token pembayaran umpamanya 10% daripada keseluruhan harga yang telah ditender oleh seseorang kerana dewasa ini kementerian hanya mempertimbangkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri sahaja untuk kegunaan kenderaan rasmi. Ini adalah cadangan saya dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat memang bersetuju kalau kita dapat minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberikan peluang yang sedemikian.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan sistem pemeriksaan yang telah diswastakan kepada pihak PUSPAKOM ataupun anak syarikat daripada DRB yang mana pada saya kualiti pemeriksaan yang ada pada hari ini adalah rata-ratanya boleh dipertikaikan. Rata-ratanya kita lihat di bandar-bandar masih lagi kedapatan kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam (KPA), kereta sewa dan teksi yang masih mengeluarkan asap yang hitam. Tidak ada bezanya, kalau JPJ buat dahulu pun macam itu juga dan PUSPAKOM buat pun lebih dahsyat lagi.

Jadi, saya mintalah supaya Kementerian Pengangkutan bersama dengan DRB dapat betul-betul memanfaatkan proses penswastaan yang telah diambil alih oleh pihak PUSPAKOM. Kita minta supaya tidak ada pilih kasih dalam soal menentukan kenderaan yang diperiksa. Sebagaimana yang kita faham Intrakota adalah milik DRB, PUSPAKOM

adalah milik DRB, kita tidak mahu adanya berlaku pilih kasih di dalam soal pemeriksaan bagi menentukan keselamatan ataupun selamat digunakan di jalan raya bagi kenderaan-kenderaan KPA kerana ia melibatkan nyawa manusia yang begitu ramai. Kita tidak mahu ada pilih kasih dan kita minta supaya Kementerian Pengangkutan akan menentukan bahawa sistem pemeriksaan itu haruslah dibuat dengan sistem yang sebenar-benarnya.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, saya masih mengulangi supaya Kementerian Pengangkutan memikirkan semula sistem ujian undang-undang yang mana telah diperuntukkan 150 soalan dan 150 jawapan secara objektif, lulus 42 soalan ataupun 42 jawapan yang betul. Apa yang mendukacitakan ialah masalah orang kampung, Orang Asli, kaum India di estet, orang-orang Cina di kampung-kampung baru masih tidak tahu hendak membaca. Kadang-kadang memang kita tidak dapat menafikan bahawa mereka ini tidak kenal huruf, masih berlaku buta huruf. Manalah dia faham kalau soalan itu yang begitu komplikated, jawapannya tiga jawapan yang seiras-iras sama jawapannya, dia hendak yang betul, yang baik di antara yang terbaik. Jadi, ini masalahnya. 10 kali, 20 kali pun ambil periksa, tak lulus juga.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, apa yang saya suka menyarankan supaya Kementerian Pengangkutan cuba memikirkan cara bagaimana untuk lebih memudahkan supaya mereka ini boleh faham peraturan keselamatan jalan raya dan dia senang dapat lesen. Yang mustahaknya cara pemanduan, bukan pemahaman dari segi undang-undang. Yang melibatkan kemalangan di jalan raya ialah sistem pemanduan, kemalangan disebabkan oleh skill, pengetahuan dan juga pendidikan.

Yang menjadi masalah bukan pemahaman undang-undang yang melibatkan kemalangan, tetapi oleh kerana sikap, sikap yang tidak bertanggungjawab daripada pemandu-pemandu yang tidak berhemat, jadi saya suka menyaran supaya kementerian ini memikirkan cara untuk memudahkan soalan berbentuk lisan yang akan diberikan kepada mereka yang buta huruf yang tak bolehlah kita nak samakan dengan mereka yang cerdik pandai, yang bersekolah tinggi, yang lulusan universiti dan sebagainya. Apa yang berlaku sekarang ini ialah soalan itu juga, standardnya diberikan kepada orang yang buta huruf, macam mana hendak lulus? Sepuluh kali pun RM100 sudah terbang tidak lulus juga. Ini masalahnya yang saya ingin menyarankan supaya, saya rasa masyarakat di luar-luar bandar, umpamanya Orang-orang Asli, masyarakat di estet-estet akan dapat juga menikmati lesen memandu yang sah. Kalau tidak pun mereka ini telah memandu selama lima ataupun sepuluh tahun, Tuan Yang di-Pertua, hasil pun tidak dapat. Mereka kalau mati pun, kalau accident pun mati katak sahaja. Ini yang menjadi masalah. Saya minta dan saya merayu, sebagai seorang bekas pegawai kerajaan yang tahu ceritanya, masalah-masalah mendapatkan lesen memandu ini, saya menyeru supaya kementerian khususnya JPJ akan memikirkan semula tentang sistem peperiksaan ujian lisan ataupun cara bertulis bagi Bahagian Pertama Ujian Undang-undang Jalan Raya.

Yang keempat, masalah senjata. Dulu juga saya telah menyarankan, kita jangan lupa masalah 18hb. Oktober di mana anggota JPJ daripada Selangor telah diugut dan telah dihimpit kenderaannya, telah dirosakkan kenderaan kerajaan. Ini adalah merupakan tindakan saman yang diberikan kepada satu syarikat berkenaan. Jadi, runner mereka ini telah menggunakan kekerasan kepada anggota-anggota penguatkuasa JPJ di mana telah merosakkan kenderaan JPJ, jadi sekiranya kemudahan senjata, satu senjata sama ada

senapang patah ataupun pistol dibekalkan kepada salah seorang daripada kumpulan berkenaan. Saya memikirkan bahawa masalah ini tidak akan berlaku, Insya-Allah, kerana senjata memberikan semangat untuk mereka ini lebih bertanggungjawab untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai dengan kemalangan yang menimpa anggota JPJ Kedah pada 17hb. Oktober yang lalu yang telah mengorbankan dua orang anggota di mana kenderaan telah terlibat dalam kemalangan. Ini, oleh kerana masa bertugas seseorang itu atau kakitangan itu dalam satu kumpulan melebihi 8 jam, jadi saya suka mencadangkan supaya pihak JPJ memikirkan juga masalah masa bertugas di luar di kawasan-kawasan timbang dan sebagainya dihadkan kepada masa yang minimum supaya mereka ini tidak mengantuk, letih dan sebagainya kerana kita tahu bahawa kemalangan juga disebabkan oleh masalah letih dan sebagainya. Dan di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, insurans secara berkelompok haruslah dikuatkuasakan kepada anggota-anggota penguatkuasa JPJ ini kerana apa yang saya difahamkan bahawa anggota ini tidak dibekalkan dan tidak diliputi dengan insuran secara berkelompok. Jadi, ini saya mintalah supaya JPJ memikirkan apabila seseorang anggota itu melaporkan diri sahaja ke jabatan-jabatan tersebut mereka diwajibkan untuk diinsuranskan secara berkelompok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kenaikan LKM 25% kepada kenderaan-kenderaan melebihi 2,000 c.c. Saya setuju tetapi kita kena fikirkan juga, Tuan Yang di-Pertua, bagi kenderaan-kenderaan yang 2,001 c.c. ke atas yang lebih daripada 15 tahun. Kadang-kadang peneroka-peneroka ataupun peniaga-peniaga di kawasan-kawasan luar bandar menggunakan kenderaan-kenderaan Opel Rekord, Volvo dan sebagainya yang melebihi 2,000 c.c. tetapi umurnya sudah 15 ke-20 tahun, Tuan Yang di-Pertua. Tidak wajarlah

kalau kita hendak kenakan juga kenaikan 25%. Mungkin berdasarkan kepada jangka masa kenderaan itu didaftarkan, kenderaan itu dibuat, mungkin ia boleh difikirkan supaya ia dikurangkan atau kenaikan itu berdasarkan percent yang berpatutan, 5% ke lebih daripada 15% ataupun 2% lebih daripada 20 tahun dan sebagainya kerana kenderaan-kenderaan ini yang lebih daripada 20 tahun pun ada lagi bergerak di jalan raya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mintalah supaya pihak kerajaan memikirkan juga dan juga saya bersetujulah dengan cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Sipitang bagi kenderaan-kenderaan yang pusingan empat roda ini diberikan kelonggaran di Sabah, Sarawak dan juga di kawasan-kawasan pertanian, umpamanya di kawasan Sungai Ruan, di Raub. Satu kajian telah pun dibuat oleh pihak kementerian dan JPJ yang kemungkinan kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh petani-petani di kawasan Sungai Ruan, Raub ini juga akan diberikan kemudahan untuk pembayaran yang begitu murah sepertimana yang berlaku di Cameron Highlands. Jadi, saya mencadangkan supaya perkara ini dapat dikaji semula dan supaya dapatlah faedah-faedah ini dinikmati oleh golongan-golongan petani juga, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah insuran kenderaan. Apa yang mendukacitakan sekarang, kenderaan yang lebih 10 tahun, macam-macam dikenakan, 'PA'lah, loading dan sebagainya. Dan kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan insurans Third Party pun begitu susah, kalau dapat pun mahal. Kadang-kadang insurans itu melebihi daripada bayaran road tax sebenarnya, ataupun bayaran lesen kenderaan motor itu sendiri. Umpamanya, kenderaan yang berkuasa 1,800 c.c. saya difahamkan melebihi RM250 untuk bayaran insuransnya sedangkan road taxnya tak sampai pun RM300. Inilah yang membebankan mereka yang memiliki kenderaan yang sudah uzur,

yang melebihi 10 tahun, kecualilah kenderaan-kenderaan antik, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh kita rangkumkan sebagai kenderaan antik, ini tidak apalah, kerana pemilik-pemilik kenderaan antik ini mereka yang berkemampuan ataupun kenderaan itu melebihi daripada kenderaan yang sedia ada yang dimiliki oleh mereka. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pembayaran road tax ataupun LKM kenderaan-kenderaan antik ini dapat dibuat secara biasa, kerana kebanyakan apa yang dimaklumkan bahawa kenderaan-kenderaan antik yang dibuat pameran-pameran di satu motor show itu tidak mempunyai road tax kerana mereka ini menggunakan kenderaan-kenderaan antik ini sebagai kenderaan pameran sahaja. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya insurans ini dikeluarkan satu bentuk garis panduan yang khas supaya pemilik-pemilik kenderaan tidak menjadi mangsa agen-agen yang tidak bertanggungjawab kerana pembayaran yang tidak seragam dan kesusahan pemilik-pemilik kenderaan untuk mendapatkan insurans yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kemalangan yang begitu menggerunkan kita sekarang ini, kerana Malaysia merupakan salah satu negara yang tertinggi kadar kemalangan yang berlaku, antara 'top ten'lah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Malaysia ini merupakan negara yang agak malanglah dari segi keadaan kemalangan maut yang berlaku di negara kita, suka saya mencadangkan di lebuhraya-lebuhraya, Lebuhraya Utara-Selatan ataupun Timur-Barat, juga dipasang kamera-kamera ataupun speed trap camera sebagaimana yang dipasang di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Walaupun harganya mahal, lebih kurang RM80,000, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ia memberikan kesan psikologi kepada pemandu-pemandu.

Umpamanya di Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur, kita ada lebih kurang 14 unit kamera, walaupun yang berfungsi itu hanya tiga ataupun empat tetapi keseluruhan 14 unit itu telah memberikan kesan kepada seluruh pemandu yang berhemat. Jadi, walau bagaimanapun, memang pihak polis telah berpuas hati dengan pemasangan kamera perangkap laju itu yang telah pun memberikan kesan yang begitu baik dan berkesan kepada pemandu-pemandu. Saya suka mencadangkan supaya perkara ini dapat diperbanyakkan dan dipasang di kawasan-kawasan lebuhraya yang lain

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan latihan kepada pemandu-pemandu untuk kenderaan perkhidmatan awam haruslah diberi tumpuan. Saya suka mencadangkan supaya satu pusat latihan bagi pemandu-pemandu khas untuk kenderaan perkhidmatan awam ini diwujudkan di mana pemandu-pemandu yang akan dibekalkan kepada syarikat-syarikat kenderaan perkhidmatan awam, bas ekspres, persiaran, bas berhenti-henti, bas sekolah dan sebagainya dikeluarkan dan diambil daripada pusat berkenaan yang telah disahkan oleh pertubuhan ataupun pihak Kementerian Pengangkutan sendiri kerana pada waktu ini, kita dapati permasalahan pemandu begitu ketara. Sehinggan pendedatang-pendedatang asing pun dapat menjadi pemandu KPA, yang tidak tahu sejarah tentang Malaysia kita.

Jadi, inilah yang harus kita tekankan supaya pihak JPJ bertanggungjawab di dalam soal pemberian lesen PSB ataupun lesen vokasional kepada pemandu-pemandu ini. Kalau sudah orang tidak tahu cerita negara kita, Tuan Yang di-Pertua, hendak jadi pemandu teksi apa benda? Jadi, kalau pun penumpang-penumpang yang datang daripada luar negeri pun bertanya: “Macam mana sejarah Kuala Lumpur?” “Tidak tahu! - enggak tahu pak.” Kerana dia orang seberang yang tidak faham tentang sejarah negara kita. Ini yang menjadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah suntuk.

Tuan Yunus bin Rahmat: Banyak benda yang saya hendak cerita tetapi, Alhamdulillah.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah pembayaran road tax. Apa yang berlaku di JPJ sekarang road tax hanya boleh dibayar 6 bulan ataupun 12 bulan untuk petrol. Jadi, apa yang saya suka mencadangkan supaya untuk menggalakkan mereka ini membayar road tax dan menambahkan lagi pendapatan kepada Kementerian Pengangkutan, hasil JPJ, suka saya mencadangkan supaya kenderaan petrol juga dibenarkan untuk membayar road tax bulan ke bulan - sebulan ke sebulan dan sebagainya macam juga diesel.

Jadi, untuk memudahkan lagi mereka yang menggunakan kenderaan ini dapat membayar LKM dengan secara berterusan, tambah pula lagi dengan kenaikan 25% bagi kenderaan yang lebih daripada 2,000 c.c.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya minta ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, setengah minit sahaja. Minta izin, mengenai dengan sekolah-sekolah, saya mohonlah supaya Kementerian Pendidikan akan dapat memikirkan permohonan yang telah dikemukakan oleh jabatan pendidikan negeri mengenai pembinaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan Sekolah Menengah Rendah Agama di kawasan Parlimen Jelebu iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Kampung Chenah, Kenaboi, Jelebu, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Air Itam, Jempol dalam kawasan Parlimen saya juga dan Sekolah Menengah Rendah Agama Kuala

Kelawang yang mana peruntukannya tidak cukup dan mintalah Kementerian Pendidikan akan dapat mempertimbangkan pemberian peruntukan tambahan bagi membina sekolah-sekolah ini.

Saya ingat, itu sahajalah yang dapat saya nyatakan, walaupun banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas peluang yang telah diberikan dan saya dengan ini menyokong belanjawan yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Mersing.

6.45 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbahasan atas belanjawan ini dengan rakaman sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang sekali lagi telah memperlihatkan keperkasannya dalam bidang perancangan dan pengurusan kewangan negara sehingga meletakkan paksi yang teguh, mantap dan segar kepada pertumbuhan resam ekonomi kita.

Tidak lupa juga, setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dengan nasihat, restu dan sentuhan ampuhnya telah memungkinkan Belanjawan tahun depan terus menyusuri liku dan ruang yang dipenuhi pelbagai harapan yang cerah dan ceria.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana tahun yang sebelumnya, Belanjawan 1996 menjanjikan sebahagian lagi manfaatnya untuk semua golongan rakyat, sama ada warga desa, para pengkhidmat awam, para perajurit, golongan pelajar, usahawan dan sebagainya. Saya tertarik dengan ungkapan Al-adlu wal-ihsan iaitu keadilan dan ihsan yang menjadi teras pembentangan belanjawan kali ini. Adil bermakna sama rata dan diletakkan di tempat yang sewajarnya, manakala ihsan bererti berbuat baik, ikhlas, bertimbang rasa dan tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik.

Apabila digarap kesemua hasrat, cadangan, sumbangan dan perkiraan yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, maka tepat sekali segala-galanya mencakupi dan meliputi ciri-ciri keadilan dan kebaikan. Betapa tidak, melihat sahaja kepada sebegitu banyak sektor yang mendapat pelupusan cukai, pengurangan duti import, meningkatkan tabungan dan caruman, insentif dan tambahan peruntukan untuk perumahan, pemberian gaji serta bonus, memaparkan kesaksamaan kerajaan yang sentiasa mendekati rakyat dalam segala hal, inilah satu dasar perimbangan yang saya rasa amat tepat, untuk meleraikan cengkaman inflasi dan menggerakkan rakyat untuk berjimat ketika ada, berhemat ketika senang dan berbakti ketika hidup.

Kempen Inflasi Sifar harus diselaras dan diawasi kerana kita tidak mahu rakyat terpesona dengan aneka barangan yang diperagakan, sedangkan dalam masa yang sama, inisiatif diambil untuk menggalakkan mereka menabung untuk masa depan diri dan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan negara bergantung kepada keteguhan politik, kesegaran ekonomi dan tahap keselamatan negara yang sentiasa aman dan sentosa. Sebelum membincangkan isu-isu belanjawan yang lain, ada baiknya saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk mengenang jasa petugas keselamatan sama ada pihak polis, tentera, pasukan kastam dan lain-lain yang telah mengorbankan sebahagian besar usia muda mereka, membanting tenaga, mendepani benteng pertahanan negara, memastikan maruah negara terus terpelihara dan tidak tergugat. Sesuai dengan pengorbanan mereka yang tidak berbelah-bagi itu, elok rasanya menerusi tambahan peruntukan RM1 bilion untuk penyediaan rumah kos rendah, mereka yang memperjuangkan nyawa dan jiwa raga itu diberi keistimewaan memiliki ruang kediaman tersebut dengan kadar yang lebih rendah dan tidak perlu bersusah-payah mendapatkan borang permohonan daripada pihak pemaju.

Saya rasa melalui langkah inipun, tidak terbalas rasanya kita kepada pengorbanan tinggi yang telah mereka hulurkan kepada kita semua. Dalam konteks perumahan kos rendah inipun, yang harus diperhatikan ialah, kaedah pengagihan bakal pemiliknya yang selama ini diragui cara penyelarasannya.

Biaya sudah pun ditambah, maka kewajaran pula yang perlu dititikberatkan. Jangan sampai terus berleluasa permohonan yang menggunakan nama individu yang berpendapatan rendah, sedangkan pemilih sebenarnya menambah bilangan rumah kos rendah tahun demi tahun. Gejala yang diketengahkan ini adalah secebis dari ratusan bentuk perilaku yang tidak berhemat dan mementingkan diri sendiri yang harus dihentikan. Kita tidak mahu peruntukan belanjawan yang ditambah saban tahun tidak kesampaian kepada golongan sasanya seperti golongan daif dan mereka yang memerlukan. Janganlah sampai niat ikhlas pimpinan kerajaan dikhianati oleh segelintir mereka yang menanggung di air keruh, memasang lukah di terusan sempit.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan agar 37% kepada semua pembayar cukai pendapatan dikecualikan daripada cukai pendapatan pada tahun depan harus diterima dengan penuh kesyukuran tetapi bersulam keinsafan. Ini penting, kerana kita tidak ingin melihat tekanan inflasi semakin mendesak. Pada hal langkah demi langkah dilancar untuk memenuhi matlamat inflasi sifar. Saya berharap, dengan galakan menabung dan menyimpan menerusi pelbagai cara yang diumumkan seperti pengwujudan bon Simpanan Nasional yang bernilai RM1 bilion mulai tahun depan, pengecualian atas faedah simpanan akaun simpanan, deposit tetap dan lain-lain. Langkah kerajaan menaikkan caruman KWSP pekerja dari 10% kepada 11% dilihat sebagai langkah mendidik rakyat secara halus supaya sentiasa ke arah usaha tabiat menabung yang sudah pasti memberi makna yang cukup besar di kemudian hari kelak.

Tuan Yang di-Pertua, pembelaan dan naungan terhadap golongan usahawan bumiputera menerusi dana RM400 juta yang boleh dipohon dari PUNB, CGC dan lain-lain, memberi satu harapan kepada mereka yang sedang dan ingin bergiat cergas dalam dunia

keusahawanan. Sekali lagi, saya berharap pertimbangan dan pemberian bantuan melalui dana ini dibuat secara ihsan dan saksama. Jangan sampai berlakunya usahawan dari kelompok kenalan dan teman sepermainan terlebih layanan daripada saingan yang layak tetapi kurang berkenan kerana tiada hubungan peribadi.

Pada usahawan bukan sekadar diberi bantuan kewangan untuk menerokai bidang baru dan luas potensinya, malah wajar diberi latihan dan pendedahan dari segi pengurusan dan pemasaran untuk menikmati kejayaan yang berterusan. Ini bersesuaian dengan pandangan cendekiawan silam bahawa “berikan aku kail dan tunjukkan cara mengailnya, nescaya akan aku perolehi ikan sepanjang masa, jangan berikan aku ikan, kerana nikmatnya hanya untuk sehari”.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat harus menyambut baik pengurangan duti import atau cukai 800 barangan termasuk barangan makanan, barangan plastik, barangan emas dan perak serta peralatan percetakan dan perubatan. Pengurangan cukai import 710 barangan terkawal lebih 10 tahun juga dikurangkan. Apa yang kita harapkan ialah kecekapan dan ketangkasan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memastikan peraturan-peraturan baru ini dipatuhi supaya rakyat, khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan usahawan kecil tidak menjadi mangsa para penjual dan pengedar yang tidak bertimbangrasa. Apabila harga barangan yang menjadi keperluan rakyat di kawal pada kadar harga yang munasabah, akan mengurangkan penggunaan wang di pasaran dan boleh meredakan keresahan golongan yang terhimpit kehidupannya dalam dunia yang segalanya bersumberkan wang. Dengan adanya sedikit kelegaan itu, beserta kenaikan gaji kakitangan awam tahun depan dan pengurangan cukai individu akan membantu mereka menyahut

saranan kerajaan untuk menyimpan dan menabung dengan perasaan bersyukur dan helaan nafas yang kian lega.

Inilah satu cara berterima kasih oleh pihak kerajaan kepada golongan marhaen dan masyarakat desa yang selama ini memberi sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional untuk terus memerintah. Memang benarlah belanjawan ini penuh berhemat dan membawa nikmat kepada sebilangan besar rakyat, karyawan, usahawan dan sebagainya untuk turut bersama mengecapi arus kemajuan yang menghijau dan mewarnai segenap sektor negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dunia karyawan tidak juga dilupakan. Peruntukan RM50 juta yang diberikan harus disifatkan sebagai satu amanah untuk membudayakan masyarakat tempatan khususnya belia ke arah hasil seni dan karya yang sihat, bermarwah dan membina, jiwa yang luhur dan berkeperibadian unggul. Para karyawan harus meninggalkan kecenderungan untuk membaratkan mesej dan hasil yang ingin dipaparkan kepada masyarakat kerana akibatnya amat mendukacitakan sekali. Dalam pada itu, karya bercorak picisan atau semata-mata bermotifkan keuntungan tanpa mengambil kira harga dan nilai agama, budaya dan tradisi yang diamalkan sekian lama perlu dijauhi. Kerajaan harus terus menguasai segala hasil sumbangan pada karyawan agar tidak sekadar menghasilkan filem, drama, melodi dan lirik yang menggambarkan kelesuan semangat bangsa mahupun kekecewaan yang tidak lagi sepadan dengan hasrat menjayakana Wawasan 2020.

Di teater atau pentas harus memperbanyakkan pementasan kisah keagungan Kerajaan Melayu silam, nilai tradisi dan budaya Islam yang mampu menghidupkan daya juang dan daya saing untuk membentuk jiwa masyarakat peribumi yang kaya budi dan bakti kepada agama, nusa dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, ada dua perkara yang hendak saya utarakan dalam perbahasan ini. Misalnya, sokongan secara jelas terhadap membangunkan sektor eco-tourism harus juga diberi perhatian. Sesuai dengan potensi pelancongan yang kian berkembang pesat di negara kita, didukung untuk mewujudkan lebih banyak taman laut di beberapa lokasi strategik di Pantai Timur seperti Pantai Mersing yang kebetulan di kawasan Parlimen saya, amatlah bersesuaian sekali. Pesisir pantai dan pulau yang terdapat di sepanjang pantai Terengganu, Pahang dan Johor ini boleh dihubung antara satu dengan yang lain sebagai koridor pelancongan yang meliputi semua sektor iaitu kemudahan penginapan, sukan, taman laut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan langkah meningkatkan kadar cukai lapangan terbang untuk keluar negara sebanyak 100% ialah dari RM20.00 kepada RM40.00, perlu ada kesungguhan di pihak kerajaan, kerajaan negeri dan pihak swasta seperti agensi seperti Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia untuk memperbanyakkan kemudahan hotel berkualiti tinggi dan selesa serta pengangkutan yang terkini dan cekap serta kemudahan sokongan lain bagi mengisi permintaan yang mungkin meningkat ekoran galakan untuk tidak berkunjung ke luar negara. Lokasi seperti Langkawi, Pangkor, Tioman dan pulau-pulau di perairan Mersing dan destinasi-destinasi baru yang berpotensi harus diperkembangan untuk menampung pelawat dalam dan luar negara.

Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang telah membina hotel Sri Malaysia di Mersing. Sukalah dalam kesempatan ini, saya mencadangkan agar kadar kenaikan 100% cukai lapangan terbang yang saya nyatakan tadi dikaji semula, kalau tidak pun setakat kenaikan 50% sahaja, memandangkan ia akan turut melibatkan pemilikan individu dan keluarga yang besar yang

terpaksa berbuat demikian atas dasar untuk mendapat khidmat rawatan rapi, melanjutkan pelajaran atas biaya sendiri, lawatan silatur-rahim dan sebagainya. Dengan penurunan cukai ini, sekurang-kurangnya akan meringankan beban mereka yang ingin melawan sanak saudara di sekitar negara ASEAN, khususnya.

Tuan Yang di-Pertua , saya mengakhiri ucapan ini dengan harapan agar niat baik kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berjimat dan berhemat dapat dicapai dengan adanya sokongan erat oleh semua pihak. Rakyat terbanyak, kakitangan awam, pihak swasta dan mereka yang ingin melihat Malaysia terus makmur, menghiasi peta dunia bersama ikatan perpaduan yang dicemburui dan kepesatan ekonomi yang disegani.

Tuan Yang di-Pertua , saya mohon menyokong Belanjawan 1996 yang dibentangkan pada 27hb. Oktober lalu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukit Bendera.

7.00 mlm.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan 1996. Nampaknya nasib saya pada hari ini, dalam perbincangan Belanjawan ini adalah lebih baik jika dibandingkan nasib saya dalam perbincangan Pindaan Perlembagaan dan Rang Undang-undang Perancang Bandar di mana saya dipilih dalam giliran yang terakhir. Walau bagaimanapun, saya merasa sangat gembira dan biar saya ucap bahawa biar lambat, asalkan diberi peluang.

Belanjawan 1996 merupakan satu Belanjawan yang pertama selepas pilihanraya umum pada April yang lalu. Ramai orang terutama sekali pihak pembangkang menganggap bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan menaikkan cukai dalam Belanjawan ini kerana Kerajaan

Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencapai satu kemenangan yang cemerlang tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita bukan sahaja tidak menaikkan cukai tetapi telah mengurangkan cukai pendapatan dan mencatatkan satu rekod dengan pengumuman cukai sifar untuk alat komputer dan lain-lain peralatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional walaupun telah mencapai kemenangan yang besar, tidak sombong atau angkuh dan terus melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Pertumbuhan ekonomi sebanyak hampir 9% untuk 8 tahun berturut-turut dalam suasana kemerosotan ekonomi dalam beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah serta dalam keadaan bantahan dan kritikan dari pihak pembangkang bukanlah satu pencapaian yang mudah. Ini adalah hasil daripada satu kerajaan yang dinamik, dasar-dasar politik dan sosio-ekonomi yang progresif dan liberal dan tidak ketinggalan kerjasama dan sokongan dari rakyat Malaysia yang bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, satu pertumbuhan ekonomi yang pesat seperti ekonomi Malaysia memang ada membawa dan timbulnya beberapa masalah tetapi biarlah kita menghadap masalah yang timbul dari pembangunan dan bukan masalah yang timbul dari tidak ada pembangunan. Saya bergembira bahawa kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengatasi segala masalah yang timbul. Dalam lain perkataan, bagaimana kita dapat menguruskan kemewahan dan pertumbuhan ekonomi sambil mengatasi masalah-masalah yang timbul dan berkaitan. Di antara satu masalah yang mungkin timbul adalah masalah yang berkaitan dengan over-heating of economy, dengan izin.

Satu sektor ekonomi yang mula menimbulkan ciri-ciri over-heating adalah sektor harta-benda khususnya perumahan, bangunan komersil dan sektor pembinaan. Oleh sebab ini, saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa beberapa langkah perlu diambil untuk sejukkan kepanasan ekonomi kita tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha merendahkan suhu pembangunan ekonomi kita, jangan kita mencurahkan terlalu banyak air sejuk atau ais sehingga api pembangunan kita terus dipadamkan. Jadi, saya khuatir bahawa pembangunan sektor harta-benda rumah dan tanah mungkin menghadapi masalah kesejukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang ingin membuat beberapa cadangan untuk sektor perumahan dan cadangan saya adalah seperti berikut. Pertama, saya ingin menyeru kepada Menteri Kewangan supaya menarik balik circular Bank Negara yang menghadkan pinjaman bank ke tahap 60% sahaja. Circular ini akan memangsakan beberapa pembeli rumah khasnya mereka yang baru menandatangani surat perjanjian jual-beli itu. Saya memang setuju jika orang asing yang bukan negara tidak dibenarkan mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah tetapi untuk warganegara Malaysia, terpulanglah kepada bank-bank masing-masing untuk menentukan tahap pinjaman ini. Biarkan tekanan pemasaran menentukan dan mengawalseliakan had-had pinjaman itu kerana pada pendapat saya, levi dan cukai keuntungan harta real property gains tax yang diumumkan dalam Belanjawan ini adalah mencukupi untuk mengawal spekulasi harta.

Berkenaan dengan levi sebanyak RM100,000 itu yang dikenakan ke atas orang asing yang membeli harta, saya berpendapat bahawa satu levi yang berpatutan adalah levi sebanyak 20% atas harga jualan itu. Saya berpendapat bahawa levi mengikut peratusan harga jualan itu lebih adil dan dapat menjaga kepentingan pelabur asing yang kecil dan sederhana.

Satu lagi masalah yang timbul adalah berkenaan dengan mekanisme kutipan levi itu. Saya difahamkan bahawa jual-beli rumah pangsapuri yang tidak hak milik strata atau strata title tidak perlu melalui Pejabat Tanah. Jadi, bagaimana Kerajaan Negeri dapat mengutip levi itu, jika penjualan unit itu tidak melalui Pejabat Tanah? Mungkin kutipan levi itu boleh melalui stamp duty dan selepas itu disalurkan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kurang jelas setakat ini adalah berkenaan dengan kutipan levi untuk pembelian tanah untuk kilang-kilang dan industri. Saya membuat andaian bahawa levi sebanyak RM100,000 pun dikenakan ke atas tanah industri. Walau bagaimanapun, levi sebanyak RM100,000 untuk tanah industri adalah kecil jika dibandingkan dengan harga tanah industri tetapi saya tidak bercadang untuk mempertinggikan levi itu. Mungkin levi itu tidak perlu dikenakan kerana kita hendak menggalakkan pelabur-pelabur asing membina kilang-kilang dan khasnya kilang yang berteknologi tinggi tetapi untuk tujuan mengelakkan spekulasi tanah industri di kalangan pelabur-pelabur asing, saya bercadang supaya kerajaan menaikkan cukai keuntungan harta atau real property gains tax daripada 30% sehingga 50%.

Saya yakin bahawa pelabur-pelabur asing yang ikhlas akan terus melabur di Malaysia kerana cukai keuntungan harta ini tidak akan menambahkan capital cost mereka. Untuk pengilang yang tulen, keuntungan daripada harta benda bukanlah tujuan utama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, defisit akaun semasa sebanyak RM18 bilion itu pada awalnya nampaknya sangat menakutkan. Tetapi jika kita menganalisis akaun semasa terdapat kebanyakan defisit ini adalah untuk capital goods, perundingan dan perkhidmatan. Defisit ini bukan dibayar dengan pinjaman luar negeri, tetapi ini bermakna walaupun ekonomi

berkembang pesat, kita tidak ada simpanan atau rizab untuk kemungkinan kemerosotan ekonomi.

Saya menyokong cadangan Menteri Kewangan untuk mempertingkatkan simpanan kebangsaan untuk tujuan mengurangkan jarak sumber (resource gap) sebanyak 8.9% dalam tahun 1995.

Kerajaan mesti memainkan peranannya untuk menjimat dan menaikkan rizab negara kita. Untuk tujuan mencapai dan mempertinggikan rizab ini dan juga untuk menyejukkan suhu pembangunan ekonomi, kita harus mengkaji semula projek-projek yang besar di mana jangka masa mula atau siap boleh ditangguhkan.

Ini amat sesuai dan tepat apabila kita dimaklumkan bahawa Fasa II projek Putrajaya dijadualkan bermula pada tahun 2000 iaitu selepas projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Sukan Komanwel.

Projek Putrajaya patut dilaksanakan kerana Putrajaya merupakan satu projek wawasan Perdana Menteri kita untuk membawa Malaysia ke abad 21 dengan technology multimedia supercorridor dan telefon untuk komunikasi.

Pertumbuhan ekonomi kita telah pun menambahkan tekanan (stress) atas lain-lain sektor seperti infrastruktur, alam sekitar, pasaran buruh atau sumber manusia dan kemudahan sosial. Tekanan atas sektor-sektor yang tersebut akan membawa lebih banyak masalah jika langkah-langkah yang sewajarnya tidak diambil.

Saya tidak bermaksud bahawa pembangunan patut dihentikan. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa satu pembangunan mampan (sustainable economy) perlu diwujudkan. Oleh sebab itu, kita perlu menambahkan

peruntukan untuk pembangunan infrastruktur termasuk infrastruktur teknologi maklumat (infrastructure for information technology).

Perlindungan alam sekitar serta perhubungan struktur dalam transformasi intensive dari industri berasaskan buruh ke industri berteknologi tinggi dan capital industry. Jadi, saya ingin mengucapkan syabas di atas peruntukan dalam perbelanjaan di mana beberapa insentif diberi kepada dan untuk menarik industry wafer-fab ke negeri kita. Jika kita berjaya menarik beberapa syarikat antarabangsa membina kilang wafer-fab ini, saya yakin bahawa pelaburan dari negara asing akan meningkat lebih daripada RM20 bilion yang dijangkakan untuk tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menegaskan di sini bahawa oleh sebab ekonomi Malaysia yang masih berkembang pesat dan akan terus memberi tekanan atas sektor-sektor infrastruktur, alam sekitar, akaun semasa, tenaga manusia dan lain-lain, saya berharap kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang strategik untuk mengatasi masalah yang timbul.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu Belanjawan yang bertujuan untuk meneruskan kejayaan dan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat.

Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Di belakang yang memakai baju hitam. Ya, sila. Kawasan mana Yang Berhormat?

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Daripada Muar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Muar ya, okay.

7.15 mlm.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, marilah kita mengucapkan syukur kepada Tuhan Yang Maha Ihsan, Yang Maha Penyayang yang telah melimpahkan rahmat dan nikmatNya kepada seluruh rakyat Malaysia dan yang telah menjadikan negara kita ini sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera, belum lagi sampai ‘Baladun Taiyibatun Warobbun Ghafur’.

Sungguhpun negara kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan berbilang keturunan, berbilang bahasa dan kebudayaan juga berbilang agama, kita telah dapat hidup dalam suasana yang selesa semenjak kita mencapai kemerdekaan 39 tahun dahulu. Suasana ini wujud kerana adanya persefahaman antara kaum yang telah mengwujudkan keharmonian kaum, perpaduan rakyat dan kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, survival negara kita bergantung kepada keharmonian dan persefahaman antara kaum, perpaduan rakyat dan kestabilan politik. Suasana ini telah dapat diwujudkan oleh kerajaan kerana rakyat bersedia mengamalkan sikap toleransi dan bertolak-ansur. Oleh kerana rakyat dan kerajaan mengamalkan dasar-dasar yang liberal dengan tidak mengenyepikan dan mengorbankan kepentingan-kepentingan Melayu dan bumiputera sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan. Amalan demokrasi berperlembagaan ataupun amalan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan juga telah mengukuhkan perpaduan rakyat.

Kita patut mengucapkan syukur kepada Allah W.S.T yang telah menganugerahkan kita sebuah kerajaan yang memberi kepimpinan yang pragmatik dan realistik, yang jujur dan

adil, yang ikhlas dan yang sentiasa prihatin dan sensitif kepada isu-isu dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan juga sangat prihatin tentang kehendak-kehendak dan inspirasi-inspirasi rakyat.

Kita percaya kerajaan mempunyai kemahiran, kemampuan dan kebolehan untuk mengatasi apa-apa juga masalah sama ada politik ataupun sebaliknya yang dihadapi oleh negara dan rakyat. Itulah sebabnya dalam masa 8 tahun berturut-turut yang berlalu, kerajaan telah berjaya membangunkan ekonomi negara ke tahap lebih dari 8% tiap-tiap tahun.

Pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mantap selama 8 tahun berturut-turut telah dapat mengekalkan dan memperkukuhkan keharmonian kaum, perpaduan rakyat dan kestabilan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah dapat mengemukakan satu Belanjawan untuk tahun 1996 yang kita anggap sebagai “Belanjawan Rakyat” dan “Belanjawan Perpaduan”.

Belanjawan tahun 1996 telah mengambil kira semua isu-isu, cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dalam bidang ekonomi, sosial dan keselamatan. Belanjawan ini juga telah mengambil kira kepentingan semua lapisan rakyat yang tinggal sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar.

Sungguhpun Belanjawan ini telah menitikberatkan pertumbuhan ekonomi, pengawalan inflasi, penggunaan tenaga penuh dan semua aset sosial yang lebih penting matlamat Belanjawan ini ialah hendak mengekalkan perpaduan rakyat dan kestabilan politik. Oleh yang demikian, langkah-langkah, strategi-strategi dan dasar-dasar sama ada fiskal atau

kewangan yang telah dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan Belanjawan 1996 ini bukan sahaja patut bahkan mestilah diterima dan disokong oleh sekalian rakyat jelata.

TuanYang di-Pertua, satu perkara yang membimbangkan kita tentang kedudukan ekonomi kita ialah defisit akaun semasa. Kita bimbang kalau defisit akaun semasa yang berjumlah RM18.1 bilion bagi tahun 1996 itu tidak dapat dihapuskan atau dikurangkan, pertumbuhan ekonomi akan terjejas dan dengan ini sekali gus akan menjejaskan kesejahteraan rakyat dan perpaduan negara.

Kita mempunyai keyakinan defisit akaun semasa ini dapat diatasi sekiranya strategi-strategi, dasar-dasar dan langkah-langkah yang dikemukakan dalam Belanjawan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kita mencadangkan supaya kerajaan menyediakan Pelan Induk Perindustrian yang baru supaya kita dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan menambahkan eksport negara.

Pelan Induk Perindustrian Negara yang pertama telah dilancarkan dalam tahun 1986 dan telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan sokongan dasar-dasar fiskal dan kewangan yang realistik yang telah memanfaatkan negara khasnya dan pelabur-pelabur asing amnya. Kita berharap Pelan Induk Perindustrian yang baru ataupun yang kedua ini akan dapat dan mengenal pasti sektor ekonomi yang hendak dimajukan khasnya sektor perkilangan yang menggunakan teknologi tinggi.

Kita juga berharap insentif-insentif yang baru dan dasar-dasar fiskal dan kewangan yang baru dapat diwujudkan supaya kita dapat menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing. Pelabur-pelabur asing ini penting kerana mereka ini bukan sahaja membawa masuk

capital ataupun pelaburan, mereka ini juga akan membawa masuk teknologi perkilangan dan pasaran-pasaran antarabangsa.

Satu dasar dan strategi yang baru hendaklah digubal untuk meningkatkan pertumbuhan industri perkhidmatan. Yang lebih penting, bagi industri perkilangan, hendaklah mengurangkan penggunaan tenaga kerja supaya pergantungan negara kepada pekerja-pekerja asing dapat dikurangkan. Pelan Induk Perindustrian yang baru hendaklah mengenal pasti kawasan-kawasan dan lokasi-lokasi di mana industri-industri ini hendak ditempatkan dan Pelan Induk Industri yang baru juga hendaklah mengambil kira kepentingan-kepentingan pembangunan industri di negeri Sabah dan negeri Sarwak.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan yang telah dapat mencapai tahap gunatenaga yang penuh tetapi kita masih lagi bergantung kepada tenaga kerja asing untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi negara. Kita sokong penuh pendapat Yang Berhormat dari Pokok Sena supaya kerajaan mengkaji semula prosedur-prosedur dan dasar-dasar tentang pengambilan tenaga pekerja asing.

Kita difahamkan lebih daripada 650,000 pas kerja telah diberi kepada warganegara asing di berbagai-bagi sektor ekonomi seperti pembinaan, perkilangan dan perladangan. Kita pun dimaklumkan bahawa lebih daripada 170,000 pas kerja telah diberi ataupun dikeluarkan untuk pembantu rumah. Selain daripada itu, kita telah termaklum bahawa beratus-ratus ribu warganegara asing telah berhijrah ke Malaysia tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, warganegara asing berhijrah ke Malaysia untuk dua matlamat. Matlamat pertama ialah hendak mencari kerja dan selepas kerja mereka akan balik ke negara masing-masing. Matlamat yang kedua ialah mereka berhijrah ke Malaysia untuk

bermastautin. Bilangan besar jumlah negara asing yang telah datang ke Malaysia dengan cara izin atau tanpa izin adalah perkara yang sangat membimbangkan.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas sumbangan yang diberi oleh tenaga asing tentang pertumbuhan ekonomi kita. Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil sikap yang begitu tegas untuk mengawal kedatangan tenaga-tenaga asing tanpa izin tetapi kita berasa dukacita dan kecewa sungguhpun kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengesan pekerja-pekerja tanpa izin, bilangan mereka ini masih bertambah lagi. Kita difahamkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia ini kerajaan tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan alat-alat yang cukup untuk menyekat kemasukan pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang tanpa izin yang bilangannya beratus-ratus ribu itu mestilah dikesan. Kita mesti mencari jalan bagaimana mereka ini dapat dikenal pasti dan didaftarkan. Kerajaan mestilah mengadakan perundingan khas dengan negara-negara asing yang terlibat untuk mewujudkan kerjasama supaya pendatang-pendatang tanpa izin ini dapat dikenal pasti dan didaftarkan. Pendatang tanpa izin yang berhijrah di Malaysia yang hendak bermastautin akan merumitkan lagi masalah-masalah sosial dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita belum ada dasar imigrasi tentang pendatang-pendatang tanpa izin ataupun warganegara asing yang hendak bermastautin di negara kita ini. Saya harap Kementerian Dalam Negeri akan dapat mewujudkan satu dasar supaya keselamatan negara dapat terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menyekat kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin ini, saya suka mencadangkan supaya Kementerian Pertahanan hendaklah menggunakan tentera-tentera

laut dan darat untuk menyokong dan bekerjasama dengan kakitangan-kakitangan polis untuk menyekat kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin sama ada daripada darat ataupun daripada laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah melipatgandakan levi atas pekerja-pekerja asing. Dasar ini dapat mengumpulkan lebih daripada RM200 juta setahun sebagai levi daripada pekerja-pekerja asing yang diberi pas kerja. Wang ini patutlah digunakan untuk menambahkan kakitangan-kakitangan kerajaan dan alat-alat untuk meronda dan memastikan penghijrahan warganegara asing secara haram dapat dilumpuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, inflasi telah menjadi musuh ekonomi pada negara dan rakyat. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kebijaksanaan dan kebolehan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dapat mengimbangkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan dan consistent dengan inflasi yang rendah. Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang sentiasa peka dan prihatin untuk membanteras hoarding dan profiteering. Inflasi tidak dapat diatasi dengan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 50% peningkatan kadar inflasi adalah disebabkan oleh kenaikan harga bagi komponen makanan. Bilangan penduduk di negara kita ini makin bertambah lebih daripada yang dijangkakan. Hanya dengan kemasukan warganegara asing, perbekalan makanan pula akan terus berkurangan dan berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang telah mewujudkan tabung makanan untuk memberi pinjaman kepada mereka yang hendak menambah dan mengukuhkan pengeluaran makanan sama ada untuk memproses

ataupun untuk membuat ladang-ladang yang baru. Kita harap tabung makanan ini akan dapat disalurkan kepada bank pertanian yang mempunyai kepakaran tentang kredit pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggubal Dasar Pertanian Negara. Kerajaan telah menubuhkan FAMA, FIMA, MARDI, Bank Pertanian dan PORIM serta banyak lagi institusi-institusi untuk menggalakkan pertubuhan pertanian dan meninggikan pendapatan petani-petani, khasnya petani-petani yang kecil dan nelayan-nelayan, tetapi malangnya negara kita ini belum lagi ada Dasar Makanan Negara dan Dasar Nutrition Negara. Kita pernah adakan kempen menggalakkan rakyat makan buah tempatan. Kempen ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri kita dalam tahun 1967. Kempen ini telah berjaya tetapi kita tidak ada kempen untuk menggalakkan pengeluaran buah-buahan tempatan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan supaya Majlis Perundingan Industri Makanan dapat ditubuhkan. Majlis Perunding Industri Makanan ini bolehlah menggubal dasar-dasar tentang pengeluaran, pemasaran, import dan memproses makanan-makanan. Saya harap Majlis Perunding Industri Makanan ini dapat ditubuhkan.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dungun.

7.33 mlm.

Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk menyertai perbahasan ini dan menyokong cadangan Belanjawan 1996 yang

dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 27hb. Oktober 1995.

Setiap kali Belanjawan dibentangkan, rakyat pasti bertanya apakah perubahan yang akan dilakukan oleh kerajaan? Bagi golongan berada, mereka menunggu apakah yang kerajaan akan kutip dari mereka? Manakala bagi golongan kurang berada, mereka menunggu apakah imbuhan yang akan kerajaan anugerahkan kepada mereka? Kakitangan kerajaan pula boleh tersenyum panjang berikutan persetujuan kerajaan untuk memberikan bonus sebulan gaji dan persetujuan kerajaan untuk membuat penyelarasan gaji sepertimana yang dituntut oleh pihak CUEPACS.

Bagi rakyat yang tidak bekerja dengan kerajaan, terutama mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, kawasan luar bandar, yang tinggal di pekan-pekan kecil, saya fikir peruntukan pembangunan yang berjumlah lebih daripada RM1.1 ribu juta adalah satu peruntukan yang tidak terhad. Ini kerana selain daripada peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kementerian-kementerian lain juga akan menyalurkan kemudahan dan peruntukan.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana begitu prihatin akan nasib masyarakat luar bandar. Walaupun kerajaan memiliki keupayaan yang terhad, tetapi diharapkan pengagihan peruntukan untuk rakyat luar bandar seboleh-bolehnya dibuat secara saksama, adil dan secara sama rata mengikut negeri-negeri dan kawasan-kawasan Parlimen.

Saya insaf masyarakat luar bandar memerlukan pembelaan dan untuk itu, saya akan memberi pandangan untuk mengatasi segala kesulitan dan kerumitan mereka. Saya sendiri terpilih untuk mewakili kawasan Parlimen Dungun, iaitu kawasan yang kedudukannya boleh

diiktirafkan sebagai kawasan luar bandar. Saiz kawasan Parlimen saya lebih besar daripada negeri Melaka, tetapi penduduknya berjumlah kurang daripada 110,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang begitu luas itu sebahagian besarnya terdiri daripada kampung-kampung kecil. Kawasan pantai diduduki oleh nelayan, manakala sepanjang Sungai Dungun sehingga sempadan negeri Pahang terdirinya kampung-kampung terpencil. Kampung-kampung tradisional di pedalaman dalam kawasan saya dianak-angkatkan oleh pihak KETENGAH dan pertebaran itu melibatkan tiga perempat kawasan Parlimen Dungun. Ini bermakna sebilangan besar penduduk perlu merasai nikmat peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, selain daripada Kementerian Pertanian. Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan dapat memberi perhatian kepada kawasan Parlimen Dungun yang begitu dahagakan pembangunan fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kawasan yang diduduki oleh masyarakat nelayan, saya menyeru kepada Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan supaya mengambil sikap terbuka apabila hendak mengatasi masalah nelayan. Nelayan-nelayan yang menangkap ikan secara tradisional dan beroperasi secara kecil-kecilan sepatutnya tidak ditekan apabila didapati hasil laut semakin berkurangan. Untuk itu, saya cadangkan satu kajian menyeluruh dijalankan untuk mengenal pasti sebab-sebab kekurangannya sumber laut, termasuk penyusut yang pada satu ketika dahulu memang begitu galak mendarat di Pantai Rantau Abang. Saya tidak mahu nelayan-nelayan yang kerap kali menyokong dan mendukung kerajaan akan berpaling kepada penyokong parti pembangkang semata-mata peluang mereka mencari rezeki di laut terbatas. Pada masa yang sama, mereka dihasut oleh dalang-dalang yang sememangnya anti-kerajaan walaupun dasar Kerajaan Barisan Nasional itu sentiasa baik, pragmatik, dinamik dan praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan pertanian di kawasan pedalaman yang ditadbirkan oleh KETENGAH juga tidak kurang masalahnya. Walaupun peruntukan yang disalurkan menerusi KETENGAH itu banyak, tetapi pencapaian matlamatnya tidak begitu membanggakan. Pendapatan purata isi rumah masih di bawah RM500 sebulan, satu tahap yang kurang selesa bagi keluarga yang terdiri daripada 5 hingga 7 orang, apatah lagi jika anak-anak masih bersekolah. Kerajaan Negeri Terengganu menerusi agensinya Yayasan Pembangunan Keluarga banyak memberi sokongan untuk menyelesaikan permasalahan ini, tetapi apa yang rakyat mahu lihat ialah satu usaha perancangan yang menyeluruh bagi meningkatkan pendapatan mereka. Pertumbuhan kawasan industri dan kilang yang mampu memberi peluang pekerjaan kepada generasi muda yang tidak lagi berminat dengan bidang pertanian sangat terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan perindustrian Kerteh bersempadan dengan Dungun, saya cadangkan agar pihak Petronas dan syarikat-syarikat rakan kongsinya yang lain terus membuka tapak kawasan baru untuk perindustrian berasaskan petroleum dan gas ke utara dan tidak setakat berhenti di Kampung Pak Harun, mukim Paka dalam kawasan Dungun. Dengan adanya loji dan kilang bolehlah anak-anak muda setempat dilatih bekerja dan ini tentunya akan memberi punca pendapatan yang baru kepada mereka.

Saya juga ingin menyarankan agar apabila projek-projek besar dilaksanakan, berilah peluang dan ruang kepada kontraktor dan usahawan tempatan untuk mengendalikan dan menyelenggarakan projek-projek kecil yang mampu mereka usahakan. Kenakanlah syarat kepada kontraktor utama supaya mereka memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan, khususnya yang melibatkan kerja-kerja sivil dan struktur.

Pengalaman di Kerteh menunjukkan kontraktor tempatan tidak mendapat faedah walaupun banyak projek raksasa dibina oleh Petronas dan syarikat joint-venture dengan Petronas. Kontraktor utama dan subkontraktor yang menjalankan pembinaan lebih berminat mengambil pekerja asing, terutama dari Indonesia dan Bangladesh atas dasar commercial viability, dengan izin, semata-mata tanpa mengambil kira sumber manusia tempatan yang menganggur yang perlukan latihan, asuhan, didikan, selain daripada memberi punca pendapatan. Akibatnya, belia kita terjebak dalam kancah penyalahgunaan dadah dan penyakit-penyakit sosial yang lain, termasuk penyakit lepak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan di kalangan penduduk Dungun juga adalah satu fenomena yang belum dapat diatasi. Masih terdapat rumah yang dibangunkan di atas tanah haram milik kerajaan dan milik orang perseorangan yang beroperasi ala-tenant's landlord, dengan izin. Saya percaya kerajaan negeri boleh menyediakan tapak sekiranya Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sanggup memberi peruntukan untuk membina rumah kos rendah. Saya tahu ada satu tapak dalam peringkat perancangan, tetapi mengikut perkiraan saya, tapak tersebut tidak mencukupi untuk menampung permintaan semasa.

Pihak swasta tidak begitu minat untuk memajukan projek perumahan kos rendah kerana harga tanah yang tinggi dan ini pastinya menjejaskan keuntungan mereka. Saya cadangkan supaya Jabatan Perumahan Negara mengenal pasti satu tapak baru yang berdekatan dengan pusat bandar Dungun untuk menampung keperluan perumahan penduduk Dungun yang tidak bertanah dan tidak memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Dungun pada tahun 50-an dan 60-an begitu pesat membangun kerana adanya lombong bijih besi di Bukit Besi, 25 km. dari bandar Dungun. Dengan terhentinya aktiviti melombong itu, maka pembangunan Dungun menjadi lembab dan

tidak bermaya, tiada lagi aktiviti ekonomi yang boleh membantu dan memecut pembangunan di Dungun.

Untuk meningkatkan semula era kepesatan pembangunan Dungun, kita tidak boleh menyerahkan kepada kerajaan negeri. Masalah Dungun perlukan penyelesaian dari Kuala Lumpur. Saya cadangkan satu perancangan tempatan atau local plan, dengan izin, dilaksanakan sepertimana yang telah dibuat untuk bandar Kuala Terengganu dan bandar Chukai, Kemaman. Saya tidak mahu lagi mendengar derita rakyat Dungun melalui akhbar dan media elektronik, seperti isu kemiskinan, keciciran dan persekolahan dan baru-baru ini kebakaran rumah dan bangunan perniagaan sebanyak 3 kali dalam masa tiga minggu dan kemalangan jalan raya di selekoh maut di Bukit Bauk dan di Bukit Besi.

Saya sarankan agar pelbagai agensi kerajaan memberi penekanan khusus dan menyeluruh kepada Daerah Dungun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti. Dan untuk ini berilah peluang kepada Ahli Parlimen Dungun menduduki dalam Jawatankuasa Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh untuk Daerah Dungun. Oleh kerana Belanjawan tahun ini merupakan salah satu yang terbaik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga orang nombor dua dalam kerajaan, maka saya berharap pegawai pelaksana dalam jabatan dan agensi kerajaan menjalankan tugas dengan baik dan biarlah peruntukan kerajaan sampai kepada kumpulan sasar. Saya juga mahu sungutan rakyat mengenai kelewatan bantuan, pembaziran, rasuah, kurang cekap, pilih kasih, penyelarasan yang kurang berwibawa dan perkhidmatan yang kurang memuaskan tidak lagi kedengaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong Belanjawan 1996. Terima kasih.

7.42 ptg.

Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dalam perbahasan ini. Saya juga ingin memberi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan

kerana telah berjaya mengemukakan Belanjawan yang sungguh komprehensif dan membawa manfaat kepada semua.

Kementerian Pelajaran, yang pertama akan saya sentuh. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal pelajaran, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada beberapa isu berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum bahasa Iban oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk pengetahuan Dewan ini, bahasa Iban telah dijadikan salah satu daripada mata pelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah rendah di Sarawak semenjak tahun 1956. Kali pertama bahasa ini dijadikan salah satu daripada mata pelajaran dalam peperiksaan di dalam Sarawak Junior School Certificate ialah dalam tahun 1957.

Pada masa itu, mata pelajaran ini dikenali sebagai Asian Language, dengan izin, tetapi mulai daripada tahun 1983, semenjak bahasa Iban diterima sebagai mata pelajaran tambahan di dalam KBSM ia dikenali sebagai Bahasa Iban. Semenjak diperkenalkan sehingga kini, Bahasa Iban memang sentiasa dikemukakan di dalam peperiksaan di peringkat Sijil Rendah Pelajaran di Malaysia. Ini bermakna, Bahasa Iban yang dikemukakan dalam Peperiksaan PMR ini, kini adalah kesinambungan daripada Bahasa Iban yang dimulakan pada tahun 1956, sebelum Sarawak merdeka dalam Malaysia lagi. Ia telah dijadikan mata pelajaran peperiksaan semenjak 38 tahun yang lalu hingga sekarang. Ini bererti Bahasa Iban di dalam kurikulum pendidikan di Malaysia bukanlah mata pelajaran yang baru seperti yang difahami oleh sesetengah orang. Semenjak diperkenalkan dan diterima sebagai salah satu daripada mata pelajaran tambahan di dalam KBSR, KBSM, jumlah calon yang menduduki kertas bahasa Iban bertambah setiap tahun, misalnya pada tahun 1992 bilangan calon yang menduduki kertas bahasa Iban ialah 1,800 orang, pada tahun 1993 bilangan calon yang menduduki kertas bahasa Iban di peringkat PMR adalah 3,439 orang, pada tahun 1994

bilangan calon yang menduduki kertas ini meningkat kepada 3,645 orang dan pada tahun ini, 1995 bilangan calon yang menduduki kertas bahasa Iban terus meningkat kepada 4,056 orang. Di sekolah rendah, bahasa Iban diajar mulai daripada Tahun Tiga, jumlah pelajar yang belajar bahasa Iban di sekolah rendah dan di sekolah menengah ialah tidak kurang daripada 28,392 orang dan bilangan guru yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan bahasa Iban ialah tidak kurang daripada 946 orang. Mata pelajaran ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia, tidak mengira kaum atau agama.

Bahan pelajaran, setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendidikan telah berjaya menyediakan sukatan pelajaran, buku teks dan kertas peperiksaan untuk mata pelajaran ini. Sebagai sokongan kepada usaha Jabatan Pendidikan baru-baru ini, Kementerian Pembangunan Masyarakat Negeri Sarawak dan Dayak Cultural Foundation telah berjaya menyusun sistem ejaan Bahasa Iban dengan bantuan kepakaran Profesor Datuk Dr. Asmah Haji Omar dari Universiti Malaya. Seminar untuk Ketua Masyarakat Iban, Temenggong, Pemancar dan Edit Elit Iban telah diadakan di Kuching pada 12hb. Mac, 1995 bagi menyelaraskan sistem ejaan Bahasa Iban dan majlis pelancaran Buku Sistem Ejaan Bahasa Iban telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak di Miri pada 31hb. Jun 1995.

Masalah, Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Walaupun bilangan pelajar dan guru yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan kurikulum Bahasa Iban agak ramai dan jumlahnya bertambah setiap tahun, tetapi setakat ini tidak ada seorang pun pegawai yang ditugaskan khas untuk menyelaraskan pelaksanaan bagi kurikulum ini dan ini tidak begitu memuaskan.

- (ii) Setakat ini, mata pelajaran ini dianggap sebagai mata pelajaran tambahan. Oleh sebab itu, di kebanyakan sekolah ia diajar di luar sidang. Ini menimbulkan banyak masalah kepada guru dan murid.
- (iii) Bilangan murid yang berminat untuk belajar Bahasa Iban semakin meningkat setiap tahun. Ini menimbulkan masalah kekurangan guru untuk mengajar mata pelajaran ini.

Cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Bahasa Iban setakat ini merupakan satu-satunya bahasa pribumi yang telah diterima sebagai salah satu daripada mata pelajaran di sekolah masa kini yang berpotensi untuk maju sebagai pelengkap atau penyokong kepada Bahasa Melayu, adalah dirasakan wajar pihak Kementerian Pendidikan mengambil berat tentang pelaksanaan kurikulum mata pelajaran ini sama dengan sikapnya dengan mata pelajaran elektif yang lain. Berikut adalah diantara isu-isu yang memerlukan penyelesaian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia:

- (i) Sekurang-kurangnya seorang pegawai ditugaskan khas untuk menyelaraskan pelaksanaan kurikulum Bahasa Iban di peringkat Jabatan Pendidikan Sarawak, Bahagian Pembangunan Kurikulum. Tugas-tugas pegawai ini adalah seperti berikut:
 - (a) menyelaraskan kerja-kerja mengadakan kursus kepada guru-guru bahasa Iban;
 - (b) menyelaraskan pelbagai aktiviti kebahasaan untuk murid sekolah rendah dan sekolah menengah;

- (c) menyelaraskan aktiviti penyediaan bahan-bahan pelajaran bagi bahasa Iban;
 - (d) menyelaraskan kerja-kerja penilaian bahasa Iban PMR;
 - (e) mengumpul data dan statistik berkaitan dengan pelaksanaan kurikulum bahasa Iban.
- (ii) Pihak Kementerian Pendidikan perlu memberi arahan yang jelas mengenai jadual waktu untuk mengajar mata pelajaran bahasa Iban.

Adalah amat baik sekiranya mata pelajaran ini dapat diajar di dalam sidang seperti mata pelajaran yang lain. Masa yang diperuntukkan untuk mengajar mata pelajaran ini sekarang ialah 120 minit dalam seminggu. Masa yang diperuntukkan adalah memuaskan, yang menjadi masalah ialah kerana ia diajar di luar sidang.

- (iii) Pihak Kementerian Pendidikan perlu memberi slot bagi guru-guru pelatih yang berkecualan mengambil pengajian bahasa Iban sebagai mata pelajaran elektif mereka di maktab-maktab perguruan. Langkah ini baik kerana ia boleh menyelesaikan masalah kekurangan guru bahasa Iban.

Tuan Yang di-Pertua, bahasa lain diajar seperti bahasa Perancis, bahasa Punjabi dan kita tidak nampak mengapa bahasa Iban belum diberi pengiktirafan yang seperti itu. Zero defect atau kecacatan sifar yang dijanjikan oleh seorang pegawai tertinggi apabila beliau menerajui Kementerian Pendidikan mesti ditunaikan, oleh kerana selagi-lagi masalah ini belum diselesai, saya rasa masih ada kecacatan yang besar yang masih ternampak di Jabatan Pendidikan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan tentang bahasa Iban ini, memandangkan bahasa Iban merupakan salah satu daripada mata pelajaran di dalam kurikulum KBSR, KBSM, adalah diharapkan bahawa Kementerian Pendidikan mengambil sikap yang serius di dalam pelaksanaannya. Sikap serius ini boleh dimanifestasikan dengan memenuhi segala keperluan untuk melaksanakan kurikulum bahasa Iban dengan memberi peluang kepada bahasa dan budaya masyarakat setempat untuk berkembang maju.

Adalah satu daripada ciri-ciri keprihatinan Kerajaan Malaysia terhadap keperluan rakyatnya. Bagi masyarakat Iban, di sini saya ingin merakamkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kerajaan Malaysia di atas sumbangan dan jasa baik kerajaan dengan memberi peluang bagi mata pelajaran bahasa Iban diajar di sekolah-sekolah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang daif di luar bandar. Di Sarawak masih terlalu banyak sekolah rendah yang terlalu daif dan serba kekurangan dari segi pembekalan guru dan kemudahan-kemudahan yang lain seperti rumah guru dan bahan untuk pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan harus ada sasaran untuk mengkaji kelemahan-kelemahan yang sedia ada dan menukar wajah-wajah sekolah di luar bandar, jika tidak, Wawasan 2020 hanya akan dinikmati oleh murid di bandar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Saraan Baru (SSB) di sekolah. Saya dapati sistem ini sangat tidak sesuai di peringkat sekolah, ia meruntuhkan semangat kekitaan di kalangan guru-guru, oleh kerana saingan yang hebat untuk mendapat pergerakan gaji menegak atau melintang. Guru-guru yang tidak mendapat pergerakan gaji yang seperti itu bersikap negatif terhadap yang berjaya. Mereka juga hilang penghormatan terhadap guru besar atau pengetua mereka. Saya bercadang semua kakitangan di sekolah patut diberi pergerakan gaji yang sama jika prestasi sekolah itu tinggi. Dengan mengambil kira weightage dari kedudukan sekolah

itu, tetapi sekurang-kurangnya nisbah yang mendapat pergerakan gaji menegak atau melintang patut dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang projek Hidro-elektrik Bakun. Projek ini terletak di kawasan pendalaman yang begitu terpencil, oleh yang demikian, biasanya tempat yang seperti ini mungkin tidak dapat membangun dengan pesat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan di mana saya telah dilantik sebagai Naib Pengerusi untuk pengkhususan saya iaitu Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya telah melawat tapak projek ini pada 10hb. dan 11hb. November hujung minggu lalu. Saya dapati projek ini adalah lebih dari selamat, mengikut kajian yang telah dibuat oleh Lahmaya International dari Germany. Pakar rujuk mereka ialah Bary Cook, guru untuk rockfield dams seperti ini. Laporan dan keputusan mereka telah diperakukan oleh Syarikat Haza Engineering dari Amerika Syarikat. Walaupun tempat itu bukan tempat gempa bumi pernah berlaku tetapi empangan itu selamat hingga, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hingga 'ground acceleration' 0.12G.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tetapi yang lebih relevan, projek itu akan meninggikan taraf hidup rakyat, khususnya yang duduk di kawasan itu dan pada amnya semua rakyat di Malaysia. Penduduk di situ akan dengan serta merta beralih dari, dengan izin, subsistence economy kepada money economy. Mereka yang terpaksa menyerahkan tanah dan kebun mereka untuk projek ini akan diberi pampasan dan saya difahamkan beberapa orang daripada mereka akan menjadi jutawan dengan serta merta.

Ladang untuk kelapa sawit sedang diusahakan untuk mereka yang berminat menyertainya. Kita yang lain akan beruntung kerana akan dibekalkan dengan sumber tenaga yang murah, bersih dan akan bersama dengan kita untuk selama-lamanya.

Oleh yang demikian, projek ini harus disokong oleh kita semua dan saya harap, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan terus menjalankan projek ini tanpa mengira kritikan dari pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu perkapalan negara, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana prihatin terhadap perkembangan pelabuhan dan perkapalan dan merangka sistem rangkaian data elektronik untuk membolehkan urusan pengendalian kargo dijalankan dengan lebih cekap. Saya juga berharap, kerajaan akan terus memberi bantuan yang konkrit dan bersepadu supaya industri perkapalan dikuasai oleh warga Malaysia untuk menentukan bayaran keluar freight dan insurans tidak menjadi masalah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bekerja rapat dengan Kementerian Perumahan di negeri Sarawak, oleh kerana tiap-tiap kali kita mendengar ada kawasan yang dibuka untuk rumah kos rendah di Sarawak, orang yang memohon rumah itu, jumlah mereka jauh lebih ramai dari rumah yang dibina dan ini menyulitkan mereka yang hendak mengubah taraf hidup mereka dan ini menyebabkan mereka menjadi setinggan dan apabila mereka menjadi setinggan, rumah mereka juga dirobuhkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhirinya, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Barat.

7.58 mlm.

Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan bagi tahun 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah berjaya membentangkan belanjawan yang saya anggap amat cemerlang dan bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara mencapai kemerdekaan dan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, inilah buat pertama kalinya Barisan Nasional telah berjaya merampas seluruh kawasan Parlimen kerusi negeri bagi Kinta Valley dari parti pembangkang semasa pilihan raya umum yang lalu

Pembangunan Kinta Valley juga agak mundur dalam jangka masa 38 tahun yang lalu, oleh itu kerajaan seharusnya memandang berat perkara ini dan seterusnya memberi lebih peruntukan bagi tujuan untuk membangun dan memajukan Kinta Valley. Ini adalah sebagai membalas jasa penduduk di sini yang telah memberi sokongan yang padu dan tidak berbelah-bagi semasa pilihan raya umum yang lalu.

Kerajaan haruslah memberi pertimbangan yang sewajarnya untuk memberi peruntukan yang lebih besar bagi membina semula pasar-pasar lama yang telah berusia 50 tahun dan juga dewan orang ramai.

Bangunan-bangunan ini adalah terdapat di kampung baru di dalam kawasan saya iaitu Buntong, Kampung Pejam dan Kampung Tawas. Selain daripada itu, pasar-pasar lama itu juga terlalu sesak disebabkan pertambahan kawasan perumahan di sekitar kampung baru ini.

Adalah lebih baik sekiranya pasar-pasar yang lama ini digantikan dengan yang baru. Adalah didapati sistem perparitan di Bandaraya Ipoh adalah agak teruk dan tidak ada sebarang tindakan yang diambil untuk memperelokkannya. Ini menyebabkan masalah banjir di kebanyakan tempat. Pihak JPS negeri Perak dan Dewan Bandaraya Ipoh (DBI) masing-masing telah pun memohon peruntukan sebanyak RM59 juta dan RM30 juta khas untuk mengatasi masalah banjir ini. Oleh itu saya merayu kepada kerajaan supaya memberi perhatian yang berat mengenai masalah ini dan seterusnya menyediakan Master Drainage Plan Study, dengan izin, bagi seluruh Dewan Bandaraya Ipoh.

Untuk menggalakkan perkembangan industri di Kinta Valley, kerajaan seharusnya mengadakan sistem infrastruktur yang bagus bagi kawasan ini memandangkan Kinta Valley kekurangan dari segi perkembangan industri jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain. Ipoh adalah merupakan bandar raya yang ketiga besarnya tetapi dari segi kepesatan ekonomi ia agak ketinggalan. Ini adalah disebabkan selama ini Ipoh berada di bawah kuasa parti Pembangkang. Bagi mengekalkan kuasa Barisan di bandar ini kerajaan seharusnya menimbangkan untuk memberi lebih peruntukan bagi bandar raya ini.

Projek penswastaaan yang dijalankan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Objektif Akta Perkhidmatan Pembetungan, 1993 juga adalah amat bagus kerana ia telah memberi penglibatan yang lebih baik serta suasana persekitaran yang bersih. Penswastaaan projek di bawah IWK telah menimbulkan banyak bantahan dan rungutan dari rakyat. Jika dilihat dari cadangan asal yang dikemukakan oleh pihak IWK, ianya begitu lengkap dan memuaskan seperti yang dikehendaki. Tetapi amat menyedihkan kerana apabila perancangan dijalankan ia tidak menepati seperti apa yang digambarkan. Dengan kata lain, dengan izin, the original proposal by IWK was colourfull

and beautiful drawing, but it is sad to conclude that the drawing is without colour during the implementation period. IWK juga tidak menjalankan sebarang perkhidmatan kepada rakyat tetapi telah mula mengenakan bayaran kepada mereka yang mana tarikh kuat kuasanya bermula dari tahun 1994.

Perkhidmatan yang diberikan itu adalah tidak memuaskan jika dibandingkan semasa bahagian pemetungan di bawah penjagaan Dewan Bandaraya Ipoh. Di samping itu, rakyat tidak boleh menghubungi pejabat IWK melalui telefon. Saya ada mendengar banyak rungutan dari rakyat di kawasan saya mengenai sikap IWK yang tidak menghirau masalah rakyat. Segala surat yang dihantarkan kepada IWK juga tidak diambil tindakan. Rakyat sedia membayar sebarang bayaran yang dikenakan, namun perkhidmatan yang diberikan oleh IWK langsung tidak memuaskan hati mereka dan ini menyebabkan mereka merasa agak berat untuk membayar perkhidmatan tersebut. Kadar bayaran yang dikenakan juga terlalu tinggi kepada bidang perniagaan dan sektor industri. Oleh itu pelabur juga merasa bimbang dengan kadar yang dikenakan memandangkan IWK tidak menyediakan sebarang sistem pemetungan dan perkhidmatan pembersihan, pembuangan sisa industri seperti yang tercatat dalam cadangan mereka.

Kadar bayaran bagi Syuen Hotel, Ipoh, five star hotel adalah lebih dari RM40.00 sebulan dan lebih dari RM500,000 setahun. Bagi Kampus USM, cawangan Perak, di Tronoh pula, bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM17,000 sebulan, meskipun universiti tersebut ada mempunyai 'sewerage treatment fund' sendiri dan kos penyelenggaraan ditanggung oleh pihak universiti. Bagi rumah-rumah yang mempunyai tangki najis individual IWK seharusnya menjalankan pembersihan tangki najis sekali dalam setiap dua tahun. Jumlah bayaran yang dikenakan bagi setiap rumah yang mempunyai tangki najis adalah

sekitar RM300.00 untuk tempoh 2 tahun, tetapi semasa di bawah Dewan Bandaraya, perkhidmatan yang sama juga diberikan dengan bayaran hanya RM80.00.

Saya tidak ragu-ragu, bahawa pekerja-pekerja dan peralatan IWK adalah mencukupi bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan untuk membersihkan kesemua tangki najis sekali dalam setahun setiap dua tahun. Tuan punya kedai kopi dan restoran terpaksa membayar antara RM500 ke-RM2,000 setiap bulan kepada IWK. Kos ini akhirnya akan berpatah balik kepada pengguna dan oleh itu inflasi sifar yang menjadi polisi kerajaan tidak akan tercapai. Di dalam cadangan IWK pihak IWK seharusnya merancang dan membina main sewerage treatment plan dan industrial waste treatment plan tetapi sehingga ke hari ini rakyat tidak melihat sebarang aktiviti yang dijalankan. IWK seharusnya mewujudkan keadaan alam sekitar yang bersih, tetapi pihak IWK telah mengepam pembuangan dari tangki najis ke dalam sungai dan ini telah mencemar keadaan sungai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Dewan bahawa cara pemerosesan pelan kelulusan adalah terlalu lewat jika dibandingkan dengan pelan yang diproses oleh local authority. Ini adalah disebabkan oleh semua cadangan untuk sewerage treatment plan yang dikemukakan oleh pemaju perumahan atau cadangan tangki najis untuk individu seperti rumah banglo dan rumah kampung bagi seluruh negeri adalah diluluskan oleh seorang jurutera sahaja dan ini akan mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan untuk mendapatkan semula pelan yang telah diluluskan.

Selepas menyimpan sewerage treatment plan atau tangki najis untuk rumah individu dan selepas pemeriksaan terakhir oleh pegawai tempatan, ianya akan mengambil masa sekurang-kurangnya sebulan dari tempoh tersebut untuk mendapat surat kelulusan dari Jabatan Bekalan Air dihantar untuk dihantar kepada local authority bagi mendapatkan O.C.

Biasanya kelewatan untuk mendapatkan Sijil Pendudukan dari local authority adalah disebabkan oleh proses mendapatkan surat kelulusan sewerage treatment plan atau tangki najis.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan bahawa IWK telah membuat satu penipuan terhadap kerajaan dan rakyat dengan segala cadangan-cadangan yang telah diajukan. Oleh itu, saya sangat-sangat berharap kerajaan memberi arahan kepada IWK untuk menghentikan kutipan bayaran sebelum IWK benar-benar dapat melaksanakan projek serta memberi perkhidmatan yang baik dan memuaskan hati rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong rancangan kerajaan untuk memperuntukkan tambahan sebanyak RM1 bilion bagi pembinaan rumah kos rendah untuk rakyat miskin. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang lagi. Seorang 15 minit, kita boleh siap sehingga 8.45 malam. Batu Pahat, Yang Berhormat.

8.13 mlm.

Tuan Mansor bin Masikon [Batu Pahat]: Assalamualaikum- Warahmatullahi-Wabarakatuh. Selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi peluang pada petang yang amat berbahagia ini untuk bersama-sama membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 27hb. yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terus berucaplah. Jangan buat banyak bunga-bunga itu tidak guna. *[Ketawa]*

Tuan Mansor bin Masikon: Tuan Yang di-Pertua, saya ini Wakil Rakyat yang baru dalam Dewan ini. Jadi, saya ingin memberikan cadangan kepada Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya perhatikan selepas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan Belanjawan ini, Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada Wakil-wakil Rakyat untuk berucap selama kadang-kadang 2 jam, 3 jam dan Wakil-wakil Rakyat yang lain dan kawan-kawan saya tidak dapat berucap dengan panjang.

Jadi, saya cadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua memberikan giliran yang tertentu kepada Wakil Rakyat supaya dapat berucap dengan masa yang sesuai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lazimnya Ketua Pembangkang dapat masa yang lebih. Itu mana-mana Parlimen pun macam itu. Begitu juga ketua-ketua parti, seorang, dua. Lazimnya itu, dari pengalaman kita ataupun panduan yang telah dibuat dari semenjak merdeka lagi. *[Ketawa]* Saya ingat Zulkifli, mewakili PAS satu masa dahulu, telah berucap panjang sebagai Ketua Pembangkang.

Tuan Mansor bin Masikon: Terima kasih di atas pandangan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya serahkan untuk kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk mengaturkan perkara ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyediakan kertas kerja ini lama, jadi points yang hendak saya katakan sudah pun dibincang dan dibahaskan oleh rakan-rakan saya. Jadi, saya hanya ingin menyentuh dua, tiga perkara sahaja.

Perkara yang pertama iaitu di dalam Belanjawan yang baru berlalu, ada disentuh tentang defisit sebanyak RM500 juta yang melanda akaun dagangan pada tahun ini. Begitu juga dengan keadaan akaun perkhidmatan yang terus-menerus mencatatkan defisit. Justeru

mengakibatkan defisit akaun semasa meningkat kepada RM18.1 bilion iaitu 9% daripada KNK ataupun Keluaran Negara Kasar.

Secara jelas defisit ini adalah kesan dari bayaran keluar perkhidmatan terutamanya prade, insurans serta kontrak dalam perkhidmatan profesional. Juga sebahagian besarnya ialah pengaliran keluar dalam bentuk dividen dan keuntungan syarikat-syarikat asing.

Suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa hingga sekarang, sektor perkhidmatan negara masih kurang berupaya untuk menggantikan perkhidmatan yang diimport. Fenomena ini jelas kelihatan dalam perniagaan insurans yang merupakan satu bidang yang mampu menyumbang ke arah keutuhan ekonomi negara tetapi belum diberi perhatian yang sewajarnya. Defisit akaun semasa imbalan pembayaran negara ketika ini banyak didorong oleh aliran keluar bersih sektor perkhidmatan.

Ini adalah kerana sektor perkhidmatan negara kurang dinamik dan tidak mampu bersaing dengan pembekal perkhidmatan asing. Saya amat bersetuju dan memberi sokongan kuat terhadap penubuhan sebuah konsortium insurans semula yang dianggotai oleh beberapa bank dan syarikat-syarikat gergasi tempatan.

Konsortium yang bernama Malaysian Re-International Insurance Labuan Limited itu menggabungkan syarikat-syarikat gergasi seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, PETRONAS, Penerbangan Malaysia Berhad atau MAS, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (MISC) dan beberapa buah bank ternama. Konsortium Insurans semula yang akan mempunyai modal dibenarkan dan berbayar sebanyak US\$200 juta sekali gus menjadikan syarikat insurans semula terbesar di rantau ini.

Konsortium yang dijangka beroperasi di Labuan ini, pada pendapat saya, mampu membaiki keadaan defisit dengan pembendungan sebahagian besar daripada re-insurance premium yang mengalir ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita menerima hakikat bahawa sektor perkhidmatan telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Negara Kasar iaitu sebanyak 44.5% untuk tahun ini sahaja. Namun begitu, masih banyak yang boleh kita lakukan untuk membangunkan sektor ini supaya sektor perkhidmatan negara setanding dengan negara maju pada masa akan datang.

Ramai di antara kita masih kabur tentang peranan dan potensi insurans dan faedahnya jika tumpuan diberi untuk memperkembangkan perniagaan ini. Dalam tahun 1991, jumlah keseluruhan gabungan aset atau kumpulan wang insurans nyawa dan am adalah bernilai RM11.2 bilion dan terus meningkat kepada RM16.9 bilion dalam tahun 1993 iaitu peningkatan melebihi RM5.7 bilion dalam masa 2 tahun sahaja. Peningkatan ini dijangka akan berterusan bagi tahun-tahun berikutnya dan diprojekkan menjadi RM50 bilion menjelang tahun 2020.

Apa yang jelas ialah menjelang tahun 2020, industri insurans akan menjadi salah satu industri yang menjadi penyumbang utama di dalam pendapatan negara. Dari segi penglibatan industri ini dalam sektor pelaburan dan perkhidmatan jelas terbukti dalam tahun 1994; agregat pendapatan premium insurans nyawa berjumlah RM5.3 bilion, manakala insurans am pula bernilai RM3.8 bilion. Kedua-dua jenis insurans ini menunjukkan kadar pertumbuhan setiap tahun melebihi 15%. Justeru itu, menjelang tahun 2020 pendapatan daripada insurans nyawa dan am dianggarkan melebihi RM20 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, melihatkan pertumbuhan yang pesat dan jangkaan hadapan pulangan dari industri ini, pada hemat saya perlu ada satu perancangan digarap bagi membolehkan industri insurans menjadi penyumbang utama kepada kemajuan dan pembangunan negara setanding dengan industri kewangan yang lain. Tindakan memberi lesen kepada kumpulan syarikat gergasi yang menyertai Consortium Malaysian International Re-Insurance Labuan Limited amat saya sokong dan hargai. Tindakan ini ternyata melambangkan bahawa kerajaan sedar keadaan pengaliran keluar premium reinsurance atau insurans semula ini.

Dalam tahun 1994 sahaja premium keluar negara bagi insurans am adalah hampir RM1 bilion dan keperluan ini dijangka meningkat kepada angka RM2 bilion pada tahun 2000. Dengan tertubuhnya konsortium insurans semula, syarikat gergasi tempatan ini adalah diharapkan ia akan meningkatkan kapasiti untuk membendung premium insurans semula daripada keluar.

Kerajaan perlu memikirkan langkah yang wajar diambil supaya pembendungan ini berterusan. Ada beberapa perkara yang perlu dirancang dan dilaksanakan bagi mengukuhkan industri insurans yang sedia ada.

- (i) Syarikat-syarikat insurans yang ada hendaklah diperkukuhkan kedudukan kewangannya dengan meningkatkan modal masing-masing kepada sekurang-kurangnya RM100 juta.
- (ii) Keupayaan pengurusan yang tinggi dengan menekankan aspek latihan di peringkat pengurusan dan kakitangan.
- (iii) Membenarkan penubuhan beberapa syarikat insurans semula (reinsurance company).

- (iv) Menggalakkan lebih banyak pelabur tempatan melabur di dalam perniagaan insurans dan insurans semula.

Saya difahamkan perkara (i) dan (ii) yang disebutkan sedang dilaksanakan berperingkat-peringkat oleh Ketua Pengarah Insurans yang juga Gabenor Bank Negara. Tetapi perkara (iii) dan (iv) yang saya sebutkan perlu diambil pertimbangan oleh pihak ketua pengarah insurans.

Sesungguhnya Malaysia masih belum matang di dalam industri insurans jika dibandingkan dengan negara-negara Barat yang sudah lama maju seperti Great Britain, Eropah dan sebagainya. Walaupun begitu, kita sudahpun memiliki tenaga profesional dalam bidang tersebut.

Sehingga akhir tahun 1994 sahaja kita memiliki 805 orang tenaga profesional di dalam bidang insurans bertaraf ijazah dan diploma yang mana jumlah ini memadai untuk negara memiliki sebuah industri insurans yang mantap. Walau bagaimanapun, usaha untuk menambah bilangan tenaga profesional di dalam bidang ini perlu diteruskan agar pada satu ketika kelak kita boleh mengeksport kepakaran tenaga ke negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya penubuhan Malaysian International Re-Insurance Labuan Limited adalah satu cara kita membendung pengaliran insurans semula. Ini tidak dapat menyelesaikan masalah kita pada keseluruhannya kerana tidak keseluruhan pengaliran keluar yang disebutkan dapat dibendung apatah lagi dengan bertambahnya megarisk atau risiko-risiko gergasi yang akan wujud di Malyasia di masa akan datang. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya bilangan syarikat insurans semula di dalam negeri yang sekarang ini hanya satu iaitu MNRB ditambah kepada 6 lagi iaitu dengan kadar nisbah satu syarikat

insurans semula kepada 10 syarikat yang sekarang ini berjumlah 60 syarikat. Nisbah ini adalah yang paling minima yang berlaku di negara yang sudah maju.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa syarikat insurans yang mendapati sukar untuk meningkatkan modal berbayar mereka bagi membesarkan keupayaan perniagaan mereka dan di dalam masa yang sama juga pelabur tempatan sedang giat melabur di luar negara. Walaupun pelaburan di syarikat insurans adalah menguntungkan pada jangka masa panjang. Oleh itu, Ketua Pengarah Insurans perlulah mengambil langkah positif mempromosi dan menggalakkan pelaburan tempatan menceburi industri insurans.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang perlu saya sentuh ialah pada tahun 1984 menerusi Dasar Pembangunan Negara, industri insurans diminta menyusun semula modal ekuiti mereka bagi menggalakkan penyertaan ekuiti warganegara Malaysia secara berkesan.

Sehingga tahun 1994 sejumlah 42 buah cawangan syarikat insurans asing telah menyusun semula operasi mereka di Malaysia melalui penubuhan dan pengabungan menjadi 32 buah syarikat tempatan. Namun begitu, kita masih tertunggu-tunggu 5 lagi syarikat insurans asing yang masih enggan melaksanakan penyusunan semula syarikat mereka. Ini bermakna 100% modal ekuiti mereka dimiliki oleh warganegara asing.

Saya difahamkan kelima-lima syarikat insurans asing yang masih berdegil dan tidak mahu menyusun semula modal ekuiti ini, adalah terdiri dari syarikat-syarikat insurans gergasi yang telah lama mengaut keuntungan di negara kita ini. Ini bermakna mereka tidak pernah menghargai apa yang telah kita berikan kepada mereka dan secara terang-terang enggan mematuhi hasrat dan kehendak kerajaan. Sehubungan dengan ini, saya mencadangkan supaya tindakan yang lebih tegas diambil ke atas syarikat-syarikat insurans asing yang masih berdegil dan enggan memberikan kerjasama demi menjaga kepentingan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi pembentangan Belanjawan Negara 1996 ini juga memperlihatkan defisit besar akaun perkhidmatan yang disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang dijangka mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak 11 bilion atau 60% daripada defisit akaun semasa tahun ini. Sebahagian besar daripada aliran keluar ini ialah dalam bentuk dividen dan keuntungan syarikat-syarikat asing. Namun begitu pulangan lumayan yang diterima oleh syarikat-syarikat asing ini tidak mencerminkan kesedaran mereka dan akan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat tempatan.

Saya amat menyokong saranan Perdana Menteri pada 2hb yang lalu bahawa sektor swasta perlu memperbanyakkan projek pembinaan perumahan untuk pekerja-pekerja mereka yang boleh dimiliki oleh kakitangan mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat swasta yang majoritinya milik asing hendaklah memikirkan obligasi terhadap pekerja mereka. Jelas sekali, pada hari ini mereka berorientasikan keuntungan semata-mata, sepatutnya mereka sudah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk pembinaan rumah kos rendah untuk para pekerja sebagai manifestasi terima kasih terhadap kerajaan yang banyak membantu dengan memberi kemudahan dan pelbagai insentif kepada mereka. Kita bukan sahaja memberikan mereka tapak atau kawasan tanah dengan kadar harga yang rendah, kemudahan elektrik dan air yang relatif murah, jalan raya dan perhubungan serba canggih dan antara terbaik di Asia, buruh mahir yang kadar upah rendah di samping pengecualian berbagai-bagai jenis cukai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung sekarang, ya.

Tuan Mansor bin Masikon: Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya ingin sebut, kalau Tuan Yang di-Pertua, boleh beri satu minit, saya akan gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri satu minit. Ya.

Tuan Mansor bin Masikon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Justeru itu, syarikat-syarikat negara ini tidak seharusnya mementingkan keuntungan semata-mata, sebaliknya perlu mengimbangi kepentingan perniagaan dan tanggungjawab sosial mereka.

Adalah wajar bagi mereka membina rumah kos rendah untuk dijual pada kakitangan dengan harga yang berpatutan. Selain menjaga kebajikan para pekerja dan memastikan ikatan buruh kekal. Tindakan ini merupakan satu pengiktirafan kepada mereka yang memberi sumbangan lantas menentukan kejayaan syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dan pembangunan yang dicapai oleh negara perlulah seimbang dengan tidak membelakangkan sumbangan pekerja. Kemantapan ekonomi bergantung kuat kepada khidmat mereka. Sehubungan dengan itu mereka berhak menikmati kehidupan yang lebih selesa dan mengalami pengiktirafan taraf hidup yang selesa di dalam kepesatan pembangunan.

Saya amat berbangga dengan apa yang telah dicapai oleh Malaysia menjelang tahun 2000, empat tahun dari sekarang. Kita telah bersedia dengan pelbagai kemudahan dan teknologi. Kita memiliki sistem perhubungan yang baik, jalan raya utama yang amat sempurna, sistem telekomunikasi teknologi tinggi dan kelancaran penyelenggaraan tenaga. Tetapi apa yang membimbangkan ialah kepesatan pelbagai sistem ini tidak boleh disalahertikan dan dijadikan peluang untuk mengaut keuntungan segelintir pihak.

Kadar bayara tol misalnya, yang dinaikkan secara mendadak merupakan satu tindakan yang tidak digemari oleh semua rakyat. Kita terpaksa menggunakan lebuhraya memandangkan keadaan jalan-jalan alternatif banyak kekurangannya. Kenaikan tol atas alasan tidak mendatangkan keuntungan tidak mampu menyelesaikan masalah.

Pada saya ada jalan-jalan lain bagi pemaju lebuh raya memperbaiki aliran wang tunai di dalam keuntungan mereka dengan mempelbagaikan sumber kewangannya. Umpamanya, pemaju mempunyai land bank yang begitu luas di sepanjang lebuh raya yang boleh dimajukan. Banyak pihak yang berminat untuk membuat perniagaan di sepanjang lebuh raya yang sekaligus boleh memperbaiki keadaan kewangan pemajuan lebuh raya itu sendiri dan tidak perlu menaikkan kadar tol apabila didapati sedikit kerugian. Begitulah juga dengan perkhidmatan-perkhidmatan asas yang lain seperti telefon, elektrik, air, pembetulan air, IKS dan sebagainya yang telah disebutkan oleh ramai rakan-rakan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, sudah cukup seminit itu.

Tuan Mansor bin Masikon: Saya berterima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan saya sudah dengan ‘wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh’. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang.

8.32 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi penghormatan kepada saya sebagai Ahli yang terakhir mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Saya berjanji sebelum jam 8.45 saya berhenti supaya Dewan ini dapat ditangguhkan seperti mana yang kita telah setuju.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi dan politik yang semakin kukuh menjadikan Malaysia sebuah negara yang disegani di merata dunia. Keadaan ini bukan terjadi atau dicapai dengan sendirinya tetapi ditentukan oleh Allah dengan usaha dan kebijaksanaan

pemimpin negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Gandingan kedua-dua pemimpin ini merupakan satu team yang terbaik dan sempurna yang akan terus mendapat sokongan dari semua lapisan rakyat kecuali pembangkang mungkin tidak terus menyokong kedua-dua pemimpin di negara ini.

Oleh itu, keputusan dan tindakan pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di bawah pimpinan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Chenderoh untuk menentukan jawatan Presiden UMNO yang disandang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO yang disandang oleh Timbalan Perdana Menteri tidak akan ditentang pada pemilihan tahun hadapan adalah merupakan keputusan yang bijak dan sekali gus dapat menolak dakwaan Yang Berhormat dari Jelutong yang sudah dipengaruhi pemikirannya oleh laporan-laporan palsu media massa asing yang cuba melaga-lagakan pucuk pimpinan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek yang ingin saya sentuh pada petang ini ialah bidang industri ilmu dan pendidikan. Malaysia sedang berusaha untuk menjadi sebuah negara maju dalam tahun 2020. Kebolehan untuk mencapai matlamat ini bergantung kepada pengetahuan sains dan teknologi yang canggih. Tenaga kerja yang berketrampilan dan masyarakat umum yang tinggi tahap intelektualnya serta dapat menghayati dan mengamalkan budaya ilmu. Berdasarkan senario ini, kerajaan telah memberi tumpuan kepada penubuhan sekolah-sekolah teknik, vokasional, sekolah-sekolah swasta sehinggalah peringkat IPT swasta sudah tentulah memerlukan kos pendidikan yang tinggi.

Untuk memastikan semua rakyat tidak dinafikan hak dan peluang mereka turut sama mengambil bahagian dalam arus kemajuan dan pembangunan industri pendidikan ini, maka saya ingin mencadangkan beberapa langkah yang patut difikirkan dan diambil tindakan.

Yang pertama, pengecualian cukai untuk yuran pengajian dan perbelanjaan anak-anak yang dihantar ibu bapa ke IPT, sekolah swasta dan universiti tempatan mahupun di luar negeri. Ini penting untuk menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran dengan perbelanjaan sendiri.

Yang kedua, mengecualikan cukai untuk ibu bapa membeli bahan-bahan bacaan ilmiah supaya ibu bapa dapat menggalakkan anak-anak mereka membaca. Kita harap dengan galakan ini akan dapat membangkitkan daya suka membaca dan kemampuan membeli buku-buku di kalangan rakyat.

Yang ketiga, kita harap subsidi akan dapat diberikan untuk membeli buku-buku ilmiah kerana buku-buku ilmiah sebagaimana kita tahu harganya mahal dan apabila pelajar-pelajar membeli buku ilmiah ini mereka selalunya photostat dan kebanyakan mereka berkongsi sama-sama mereka dan kita kluatir kalau gejala ini tidak dapat kita bendung, maka akan melemahkan semangat pengarang-pengarang buku ilmiah untuk terus menerbitkan buku-buku, lebih-lebih lagi buku yang kita terjemahkan daripada bahasa-bahasa asing.

Yang keempat, untuk mengurangkan harga buku saya juga ingin mencadangkan supaya harga ataupun cukai kertas dapat dikurangkan supaya buku-buku akan dapat dicetak dengan harga yang lebih murah.

Yang kelima, Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit buku hendaklah memperbanyakkan pesta-pesta buku. Saya percaya pesta-pesta buku ini akan mendapat sambutan yang hangat di kalangan penerbit dan pembaca. Sebagai contoh, dalam Pesta Buku Kuala Lumpur telah disertai oleh 300 peserta dan 30 lagi peserta terpaksa ditolak kerana tidak cukup tempat. Ini semua boleh melahirkan persaingan sengit yang akan melahirkan lebih

banyak karya dan karyawan bermutu serta buku-buku dan majalah yang lebih baik kualiti keseluruhannya.

Apa yang hendak dibangkitkan terus ialah semangat untuk membeli dan membaca serta menghargai buku sebagai budaya bertamadun untuk semua generasi. Sekarang ini orang ramai lebih senang membeli bermacam-macam benda yang lain yang berharga lebih mahal dan kadang-kadang membazir dan tidak berguna dari membeli sumber ilmu yang sebenarnya, iaitu buku. Jika ini tidak dapat diatasi, maka industri buku kita akan mengerang kesakitan dan pengarang-pengarang serta penulis-penulis buku akan tinggal duduk di pinggir-pinggir jalan, sementara bangsa kita terus hanyut sehingga tidak mengenal erti budaya dan bangsa sendiri. Oleh itu, galakan dan sokongan untuk menghidupkan budaya membaca ini hendaklah dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini terlalu banyak program-program IPT yang dibuat secara 'Twinning Programme'. Saya ingin mencadangkan Twinning Programme yang pada hari ini di mana pelajar-pelajar dikehendaki mengikuti kursus di dalam negara ini dalam tahun 1 dan tahun 2 dan tahun 3 keluar negara, maka saya ingin mencadangkan supaya dibuat Twinning Programme in-reverse di mana kita mahu tahun 2, iaitu pelajar di luar negara, mereka boleh membuat pengajian mereka di tahun 1 dan tahun 2 di negara mereka tetapi di tahun 3 mereka digalakkan dan dikehendaki menghabiskan pengajian mereka di negara kita Malaysia.

Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan haruslah merancang untuk memperbanyakkan universiti-universiti di Malaysia dengan berbagai bidang kursus. Kita mahu pada tahun 2020 biar ada 10 Harvard University, 10 Al-Azhar University dan 10 Oxford University di Malaysia. Di samping itu, kursus-kursus yang canggih dan bersesuaian dengan kemajuan dan

pembangunan dunia hendaklah diperkenalkan di universiti-universiti tempatan. Sebagai contoh, Universiti Automobil yang akan dibina di negeri Selangor yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor perlu diikuti dengan penubuhan universiti-universiti Aviation, Telekomunikasi dan Aerospace di negara ini. Ini semua kita perlu tubuhkan sebagai persediaan kita menghadapi negara maju tahun 2020.

Saya percaya dan yakin seandainya negara kita mempunyai banyak IPT yang berkualiti dan kursus-kursusnya sesuai dengan kehendak-kehendak pasaran semasa, sudah tentu hasrat kita menjayakan Twinning Programme in reverse ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan bayaran 10% kepada 15% bayaran minimum kad kredit adalah dialu-alukan. Kenaikan ini sekurang-kurangnya dapat membendung penggunaan secara berlebihan dan sewenang-wenangnya. Langkah tegas itu patut diambil bagi membanteras sikap boros pemegang kad kredit yang menyebabkan hutang kad kredit sehingga RM25 juta dan boleh menambahkan inflasi negara.

Dengan kenaikan ini kita harap di masa-masa yang akan datang kita percaya orang ramai akan banyak menggunakan dan membawa lebih banyak wang keratas. Maka saya ingin mencadangkan supaya wang kertas yang sekarang ini terdiri daripada berbagai saiz, di antara wang kertas RM10, wang kertas RM50, wang kertas RM100, wang kertas RM500 dan sebagainya yang mempunyai saiz yang berbeza-beza hendaklah dicetak untuk dijadikan satu saiz sahaja tetapi dibuat perbezaan warna untuk membezakan wang-wang kertas tersebut bolehlah dikekalkan.

Saya ingin mencadangkan standard size untuk semua wang kertas ialah standard size wang kertas RM10 kerana size wang kertas RM10 ini sesuai dengan standard size dompet yang banyak digunakan oleh rakyat Malaysia. Sekiranya size wang ini dapat diselaraskan, distandardkan dengan wang kertas RM10 sudah tentu kerosakan wang kertas dapat diatasi kerana selama ini size wang kertas RM50, RM100 atau RM500 terlalu besar dan melebihi size standard dompet di Malaysia. Oleh itu, standard size wang kertas perlu diselaraskan dan

mengikut standard size wang kertas RM10 supaya ianya mudah disimpan di dalam dompet dan tidak merosakkan wang-wang kertas tersebut.

Dengan kata-kata tersebut saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat boleh berucap sehingga 8.45.

Tuan Noh bin Omar: Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak sampai lagi, ya. *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung lagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin menyentuh masalah sosial generasi belia di masa kini. Kajian seluruh negara mengenai gejala lepak yang dijalankan tahun lalu telah menunjukkan 18% daripada remaja di negara ini pernah mengamalkan seks bebas. Menurut Menteri Kesihatan kajian yang sama terhadap remaja bawah umur 16 dan 18 tahun di Wilayah Persekutuan didapati 50% daripadanya pernah mengadakan hubungan seks termasuk yang melangani pelacur.

Tuan Yang di-Pertua, remaja yang berumur 16 dan 18 tahun ini kebanyakan di antara mereka adalah pelajar-pelajar yang mungkin sedang menunggu keputusan SPM dan STPM. Mereka ini kebanyakannya apabila habis peperiksaan mereka terus sahaja menceburkan diri di dalam dunia perniagaan dan kebanyakan mereka memasuki pekerjaan kilang yang mudah untuk mereka mendapat pekerjaan. Oleh kerana dalam usia yang muda dan juga pelajar-pelajar ini bekerja bukan untuk future, bukan untuk masa hadapan mereka tetapi untuk suka-suka sahaja sekadar menunggu peperiksaan. Begitu juga kadang-kadang ibu bapa mereka tidak minta wang daripada mereka kerana ibu bapa mereka menganggap anak-anak mereka ini bekerja hanya untuk suka-suka sahaja dan juga perubahan hidup yang dahulu di antara

pelajar-pelajar ini kalau di sekolah yang perempuannya mungkin bertudung tetapi apabila mereka bekerja, tinggal duduk di rumah sewa dengan mereka yang lebih terdedah dengan pengalaman-pengalaman di dalam kilang, maka mereka juga terikut-ikut, yang dulu pakai tudung, hendak buka tudung. Yang dulu tidak erti bermekap, sekarang bermekap. Begitu juga lelakinya, yang dahulunya tidak kenal disko, sudah kenal disko. Semua gejala-gejala ini terjadi, saya percaya kerana pelajar-pelajar ini tidak diberikan satu kursus khas ataupun mereka ini belum bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tahun 1970-an dahulu, kita sering mendengar pelajar-pelajar kita di luar negeri dijangkiti kejutan budaya. Tetapi hari ini kejutan budaya ini, ataupun dipanggil kejutan budaya kuning ini telah pun wujud di Lembah Klang. Untuk mengatasi masalah ini, maka saya ingin mencadangkan supaya kursus khas atau ketatanegaraan pra-pekerjaan hendaklah diperkenalkan kepada semua lepasan sekolah diwajibkan menghadiri kursus ini. Peserta-peserta ini juga akan diberi sijil dan tanpa sijil kursus ini, mereka ini tidak dibenarkan bekerja. Ertinya, sesiapa sahaja yang ingin menceburkan diri di dalam dunia pekerjaan mereka mestilah terlebih dahulu mengikuti kursus ini dan mempunyai sijil yang telah ditetapkan. Kursus ini hendaklah menekankan nilai-nilai kerohanian, ketatanegaraan, pendidikan seks jika perlu didedahkan, nilai-nilai keagamaan dan juga pendedahan kehidupan dalam dunia yang penuh pancaroba ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Saya yakin seandainya kursus ini dapat dilaksanakan, sedikit sebanyak kita dapat mengatasi masalah gejala sosial yang sedang melanda belia-belia kita pada hari ini. Sekian, terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.

